


Jilid II
Bil. 37



Hari Khamis
27hh Oktober, 1988

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Tarikh Mesyuarat Dewan Rakyat—Perubahan [Ruangan 6501]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6502]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1989 [Ruangan 6555]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1989 [Ruangan 6555]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DAIO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKL) ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUO, s.i.M.p., p.N.B.s., j.B.s. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUEI TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

.. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAIIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM P.G.D.K. (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO' HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SRI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JAHAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P.. (Tumpat).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat. TUAN PETER CHIN FAH KUI.(Lambir).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan)

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

.. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIK (Kuantan).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

.. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

.. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.H.M.J., B.S.I. (Mersing)

.. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).

.. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Baridar Baharu).

.. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).

.. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

.. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

.. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

.. DATO' ABDULLAH AHMAD. S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

.. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

.. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

.. TUAN AHMAD BIN OMAR. P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA JIUMENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchong).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING W SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA
P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KITSIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.I.S
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M
(Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek
Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.T.J.
(Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITTNGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.H.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAT, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TEJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- .. TUAN HAI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- .. TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- .. DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAPIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- .. PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 27hb Oktober, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TUAN
 YANG DI-PERTUA**

**TARIKH MESYUARAT DEWAN
 RAKYAT—PERUBAHAN**

Tuan Yang di-Pertua Ahli-ahli
Yang Berhormat, saya telah menerima

surat daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bertarikh 26hb Oktober, 1988 yang menyatakan mengikut Peraturan Mesyuarat 11 (2), Mesyuarat Dewan Rakyat pada hari Isnin, 7hb November, 1988 diubah dan dibatalkan dan digantikan dengan hari Selasa, 6hb Oisember, 1988. Dengan ini bererti tempoh Mesyuarat Dewan Rakyat yang berjalan sekarang dilanjutkan sehari lagi. Perubahan tarikh tersebut dibuat untuk membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak menghadiri Mesyuarat pada hari Isnin, 7hb November, 1988 kerana pada hari Selasa, 8hb November, 1988 merupakan cuti umum sempena perayaan hari Deepavali.

Saya mengambil peluang ini mengucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Hindu, Selamat Hari Deepavali.

**JAWAPAN-JAWAPAN
 MULUT BAGI
 PERTANYAAN-
 PERTANYAAN**

**PETRONAS—SUMBANGAN
 PEMBANGUNAN EKONOMI
 SABAH**

1. **Tuan Matadang bin Morejal** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah hasil yang dikutip oleh PETRONAS daripada Sabah mulai 1985 hingga Mei, 1988. Apakah sumbangan PETRONAS terhadap Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah serta nyatakan jenis-jenis pelaburan yang telah dilabur oleh PETRONAS di Sabah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil terkumpul yang diperolehi oleh PETRONAS daripada pengeluaran minyak di luar pantai Sabah dari tahun 1985 sehingga bulan Mei 1988 adalah sebanyak \$3,221 juta. Sumbangan PETRONAS secara terus terhadap pembangunan ekonomi Negeri Sabah adalah dari segi pembayaran royalti bernilai \$925 juta di dalam tempoh 1975 sehingga 1987. Bagi tempoh 1985 hingga 1987 sahaja, sumbangan royalti PETRONAS kepada Negeri Sabah bernilai \$232 juta. Sumbangan-sumbangan lain termasuklah mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan aktiviti-aktiviti ekonomi.

Dalam hal ini, bagi memastikan bekalan yang mencukupi bagi bahan-bahan petroleum, PETRONAS telah memasuki pasaran gas petroleum cecair di Sabah pada tahun 1982 apabila sebuah syarikat pembekal LPG memberhentikan operasinya di Sabah dan Sarawak. PETRONAS juga telah membina 10 stesen petrol, 2 stesen skid, sebuah depot simpanan bahan-bahan petroleum, dua depot simpanan minyak kapal terbang dan sebuah loji pengisian, LPG di negeri tersebut dengan jumlah pelaburan sebanyak \$32.7 juta. Kesemua stesen-stesen minyak PETRONAS dikendalikan oleh rakyat Sabah.

Dari segi pelaburan pula, sebanyak \$1,300 juta telah dilaburkan oleh kontraktor-kontraktor PETRONAS di dalam sektor hulu di Sabah di dalam tempoh 1980-1987. Adalah dijangkakan pelaburan tersebut akan bertambah lebih banyak lagi berikutan dengan termetrinya dua lagi Perjanjian Perkongsian Pengeluaran baru di Sabah. Ini akan membuka lebih banyak peluang kepada pengusaha-pengusaha Sabah mendapatkan kontraktor-kontraktor baru. Di dalam tempoh 1980-1987, sejumlah 90 kontrak bernilai \$166.2 juta telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor tempatan.

Tuan Mutang Tagal: Daripada jawapan Yang Berhormat Menten tadi, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang supaya royalti yang dikenakan 5% kepada Sabah, Sarawak dan Terengganu dapat ditingkatkan kepada satu tahap yang tinggi sedikit, mungkin 1%, 2% atau 3% tinggi?

Kedua, dapatkah Yang Berhormat Menteri memberi bilangan perjanjian perkongsian di antara PETRONAS dengan syarikat asing yang sedang dan akan membuat galian di pantai dan di luar pantai Sabah dan Sarawak?

Datuk Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, pada masa ini tidak.

Yang kedua, di pantai Sabah kita telah pun menandatangani satu perjanjian untuk dua kawasan. Di pantai Sarawak, kalau tidak sila saya, ada tiga. Keseluruhannya di seluruh Malaysia semuanya ada 15 perjanjian yang telah pun dimeterikan dan pengusaha-pengusaha ini akan memulakan kerja-kerja mereka.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengemukakan akaun-akaun mengenai hasil dan aktiviti PETRONAS ini dan kalau tidak, mengapa. Adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa kita hendaklah memperbaiki cara akauntabiliti untuk menjamin kepentingan rakyat?

Datuk Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, akaun PETRONAS terdapat dalam akaun-akaun tahunannya. Akauntabiliti memang telah pun berada di mana-mana juga pertubuhan terutama sekali pertubuhan-pertubuhan ataupun kompeni-kompeni yang dipunyai oleh Kerajaan. PETRONAS setakat ini telah pun mengendalikan kerjanya dengan profesional dan semua akaun-akaun PETRONAS adalah mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Kerajaan.

PROJEK PELABURAN YANG DILULUSKAN

2. **Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah projek pelaburan yang diluluskan oleh Kerajaan bagi tempoh 1987 sehingga bulan September 1988 serta nilainya;

- (b) daripada jumlah projek pelaburan itu, berapakah yang sedang beroperasi dan dalam sektor mana; dan
- (c) senaraikan petabur asing yang terlibat dan bilangan projeknya.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi tempoh tahun 1987 hingga September, 1988, sejumlah 842 projek telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan jumlah cadangan modal pelaburan sebanyak \$10,905.2 juta.
- (b) Berdasarkan pada kajian yang dijalankan oleh pihak MIDA untuk menentukan kemajuan peringkat pelaksanaan projek-projek perkitangan yang diluluskan seperti pada 30hb Jun, 1988, daripada 333 projek yang diluluskan dalam tahun 1987, sejumlah 122 buah projek telah beroperasi.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun bilangan ini dianggap kecil adalah perlu diingat bahawa projek-projek biasanya mengambil masa 1 hingga 2 tahun untuk dilaksanakan. Oleh itu, sejumlah 211 buah projek akan dilaksanakan kelak.

Kajian ini tidak meliputi projek-projek yang diluluskan bagi tempoh bulan Januari hingga September, 1988. Projek-projek ini hanya akan dikaji dalam penyiasatan yang akan dijalankan pada akhir tahun 1988.

Bilangan projek yang sedang beroperasi mengikut sektor adalah seperti berikut:

Industri	Bilangan
Pengilangan Makanan	10
Minuman dan Tembakau	1
Tekstil dan Barang-barang Tekstil	20
Kayu dan Barang-barang Kayu	6
Perabot dan Kelengkapan	2
Kertas dan Percetakan	3
Kimia dan Barang-barang Kimia	2
Barang-barang Getah	22
Plastik dan Barang-barang Plastik	2
Barang-barang Bukan Logam	4
Barang-barang Logam Asas	7
Barang-barang Logam Dibentuk	1
Pengilangan Jentera Elektrik dan Elektronik	4
Kelengkapan Pengangkutan	30
Pelbagai	2
JUMLAH	122

- (c) Daripada 842 projek yang telah diluluskan bagi tempoh 1987 hingga September 1988, 562 projek adalah projek yang telah diluluskan dengan penyertaan dari negara asing. Senarai projek-projek dengan **penyertaan negara asing adalah** terlalu panjang untuk saya berikan secara jawapan lisan.

Saya.mohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk memberinya secara bertulis.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagai satu langkah untuk menarik lebih banyak pelaburan ke negara kita, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah melaksanakan konsep "One-Stop Agency". Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada "One-Stop Agency" yang bertempat di MIDA ini akan berfungsi sebagai satu pusat "liaison" atau satu pusat yang diberi kuasa untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur di negara ini.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pusat "One-Stop Agency" di MIDA ialah satu pusat yang diberi kuasa yang banyak. Kementerian saya ada menyertai di dalam pusat ini, pegawai-pegawai kanan berkuasa.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan bahawa jumlah atau nilai pelaburan yang diluluskan dalam tempoh yang disebut ialah \$10,905 juta dan daripada jumlah projek yang diluluskan itu, 562 adalah daripada pelabur-pelabur asing. Saya ingin tahu berapakah nilai projek pelaburan daripada negara-negara asing ini untuk 562 projek itu dan adakah pelaburan ini meningkat kalau dibandingkan dalam masa yang sama bagi tahun 1986-1987?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa negara kita Malaysia sedang berusaha untuk mendapatkan taraf Negara Perindustrian Baru ataupun Newly Industrialised Country (NIC), dengan izin, saya ingin tahu bagaimanakah kedudukan kita berbanding dengan

negara Thailand dari segi mendapat kadar pelaburan asing?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi, kalau saya menyenaraikan pelaburan-pelaburan dari pelabur asing ianya adalah begitu panjang tetapi di sini saya ada angka-angka yang saya rasa boleh memuaskan hati Yang Berhormat.

Pada tahun 1987 hingga September 1988, hakmilik projek-projek perkilangan yang diluluskan kepada sepenuhnya Malaysia ialah \$2,826 juta; kepada sepenuhnya asing \$3,122 juta. Usahasama majoriti Malaysia \$2,285 juta; usahasama majoriti asing \$1,438 juta dan usahasama 50%:50% ialah \$1,232 juta.

Mengenai soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju Malaysia pada masa sekarang sudah mencapai status NIC.

LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT—KEGUNAAN HASIL

3. **Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) bagaimana agihan yang dibuat oleh Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat keuntungan jualan tiketnya yang disumbangkan kepada Kemenlerian; dan
- (b) berapa banyak sumbangan yang dibuat oleh Lembaga tersebut kepada Kementerian Kebajikan pada tahun 1985, 1986, 1987 dan sehingga Jun, 1988.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat. Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan adalah tertakluk kepada Akta 252 Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1950. Mengikut Akta berkenaan segala hasil dari loteri tersebut hendaklah dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan, dengan izin, Consolidated Fund. Akta tersebut juga memperuntukkan bahawa hasil dari loteri berkenaan perlu digunakan bagi tujuan membiayai kegiatan-kegiatan kebajikan dan juga sosial. Bagi melaksanakan tujuan tersebut, Kerajaan telah menubuhkan satu Tabung Amanah. Tabung itu diisi tiap-tiap tahun dengan peruntukan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan dan digunakan untuk membiayai kegiatan-kegiatan kebajikan dan sosial mengikut Akta yang disebutkan tadi.

Bahagian kedua, hasil bersih yang telah diperolehi daripada Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan bagi tahun 1985 hingga bulan Jun. 1988 yang telah dan akan dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang DiSatukan (Consolidated Fund) adalah seperti yang berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1985	\$29.75 juta
1986	\$36.91 "
1987	\$38.63 "
1988 (hingga bulanJun)"	\$12.30 " „

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. saya minta penjelasan sedikit sahaja iaitu dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sekejap tadi, hasil daripada kutipan wang loteri ini digunakan untuk bidang-bidang kebajikan dan sebagainya.

Soalan saya, saya ingin tahu istilah "kebajikan" itu dari sudut apa duit ini disebut kebajikan, dari pandangan apa, dari sudut apa sebab kalau mengikut Islam tidak boleh kita hendak istilah "kebajikan". Jadi saya minta penjelasan Kerajaan mengistilahkan "kebajikan" dari sudut apa?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan itu keluar dari soalan asal ini. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya hendak sebutkan di sini, apa sahaja wang yang dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang DiSatukan (Consolidated Fund) ialah dipegang oleh Jabatan Perdana Menteri dan apa yang dikeluarkan dari Consolidated Fund iaitu Kumpulan Wang DiSatukan itu memanglah mengikut syarat-syarat yang diadakan. Oleh sebab itu saya rasa tidak payahlah saya memberikan apa-apa istilah-istilah yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya. Saya mendapat tahu banyak pemenang-pemenang loteri ini tidak mengambil wang hadiah. Oleh itu saya ingin tahu daripada tahun 1985, 1986 dan 1987" berapa jumlah wang yang dituntut oleh pemenang-pemenang.

Yang kedua, jikalau ada, di manakah wang itu disimpan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Soalan itu saya rasa tepatlah. Memang betul Yang Berhormat ada orang yang sudah memenangi hadiah, tetapi tidak dituntut wang hadiah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Wang hadiah nombor satu?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Itupun ada. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang tidak di tuntutan wang hadiah nombor satu?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, itupun ada.

Untuk menjawab soalan itu, wang yang tidak dituntut itu dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan juga dan lain-lain orang tidaklah dapat wang itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah,

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembedulan di barisan kelima ialah "dapat diatasi" dan barisan terakhir "kes ini". Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4.

KEBOCORAN KERTAS PEPERIKSAAN

4. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Menteri berkenaan sedar terdapat kes-kes membocorkan kertas-kertas soalan peperiksaan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian supaya masalah ini dapat diatasi dan dikawal. Setakat ini berapakah kes-kes seumpama ini dilaporkan kepada pihak yang berkuasa dan apakah tindakan yang dikenakan kepada mereka yang bertanggungjawab ke atas kes ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah mendapati kes-kes membocorkan kertas soalan peperiksaan memang pernah berlaku dalam peperiksaan.

Langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi

kebocoran kertas peperiksaan termasuklah:

- (a) Menyediakan panduan langkah keselamatan yang terperinci;
- (b) Semua pihak yang dilibatkan dikehendaki menjalani tapisan keselamatan;
- (c) Lampiran "D" Akta Rahsia Rasmi digunakan dengan menyeluruh dalam semua kegiatan yang berkaitan dengan kertas soalan peperiksaan;
- (d) Majlis Peperiksaan Malaysia telah meminda Akta Majlis di mana mereka yang disyaki boleh ditahan oleh Polis untuk siasatan tanpa waran tangkap; dan
- (e) Penghapusan sistem panel penaksir dalam proses penggubalan kertas soalan bagi mengurangkan bilangan orang yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini di antara peperiksaan-peperiksaan yang dikendalikan oleh Bahagian Peperiksaan Kementerian ini hanya dua kes kebocoran kertas soalan yang telah berlaku iaitu dalam tahun 1974 dan tahun 1983.

Pihak yang berkuasa telah membawa mereka yang terlibat dalam kes ini ke mahkamah untuk tindakan. Bagi calon-calon pula kebocoran yang berlaku tidak menguntungkan kerana peperiksaan semula dijalankan sepertimana yang dijalankan pada tahun 1983.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya tiap-tiap tahun ada berlaku kes-kes kebocoran kertas-kertas soalan. Saya berpendapat ini adalah "inside job".

Di sini saya ingin tahu adakah kakitangan yang dilibatkan di dalam kes-kes yang disebutkan, kalau ada

berapa dan sama ada mereka ada dituduh di mahkamah? Terima kasih.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menafikan bahawa kebocoran kertas peperiksaan ada berlaku di tiap-tiap tahun. Ini satu perkara yang tidak benar dan saya harap Yang Berhormat dapatlah memberi bukti yang benar untuk saya menjawab. Berkaitan dengan adakah kakitangan-kakitangan terlibat dalam kebocoran ini, seperti yang saya umumkan tadi kes-kes kebocoran pada tahun 1974 dan 1983 kita telah kenalpasti bahawa ada kakitangan yang terlibat dalam kebocoran ini.

Tetapi oleh sebab negara kita ini adalah satu negara yang mengikut undang-undang dan jikalau kita tidak ada bukti yang benar-benar, kita tidak dapat membawa mereka ke mahkamah dan sekiranya kita ada bukti, kita akan bawa mereka ke hadapan mahkamah.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana agaknya susah benar bagi Kementerian untuk menghindarkan perkara kebocoran soalan ini, adakah Kementerian tersebut bercadang supaya soalan-soalan itu tadi dicetak di England atau negara-negara lain supaya perkara ini tidak berlaku lagi kerana dalam masalah soalan ini ada orang yang tidak beramanah.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, kita yakin bahawa di Malaysia ini kita ada pencetak-pencetak yang dapat menjalankan keselamatan untuk menjaga kebocoran kertas soalan peperiksaan dan sekiranya kertas soalan peperiksaan ini dicetak di luar negeri, kita pun tidak dapat menjamin bahawa kertas itu akan tidak bocor juga seperti yang sudah berlaku di Australia lebih kurang satu atau dua tahun dahulu. Firma Australia itu telah melantik warganegara Malaysia

untuk menjalankan tugasnya dan selepas kita diberitahu hal ini, kita sudah pun meminta pencetak di Australia itu supaya memperhentikan kakitangan itu dan soalan-soalan itu telah dikaji semula dan disediakan sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali tidak hadir)

FELCRA—PELAKSANAAN SISTEM SAHAM

6. Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah FELCRA bercadang meluaskan kaedah 20:80 kepada rancangan-rancangan yang tiada komponen penempatan peneroka-penerokanya. Apakah perbezaan dari sudut pencapaian matlamat di antara rancangan yang tiada komponen penempatan dan yang ada. Dan apakah neraca-neraca yang digunakan untuk menentukan sesuatu rancangan itu dimasukkan komponen penempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mobamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Padang Terap di atas pertanyaannya mengenai pelaksanaan sistem saham kaedah 20:80. Kementerian tidak bercadang untuk meluaskan pelaksanaan sistem saham Kaedah 20:80 ini ke rancangan-rancangan yang tidak mempunyai penempatan, kerana ianya tidak sesuai.

Kedua-dua jenis rancangan yang berpenempatan dan tidak berpenempatan semuanya mencapai

matlamat. Penempatan peserta hanya disediakan bagi rancangan-rancangan penyatuan iaitu Rancangan Tanah Belia, Projek Seberang Perak dan setengah-setengah rancangan tanah pinggir dan pemulihan yang disediakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah jelas bahawa dasar Kerajaan di dalam usaha-usaha pembangunan seperti FELDA, FELCRA pada suatu hari nanti akan diberi balik kepada peserta-peserta itu menjalankannya,

Jadi kalau inilah dasarnya, mengapakah Kerajaan atau pun Kementerian keberatan untuk menjalankan sistem 80:20 ini iaitu satu sistem yang mengajar peserta-peserta menjalankan pengurusannya sendiri?

Soalan yang kedua, berikutan dengan itu juga, kalau dasar itu adalah dasar Kerajaan, mengapakah FELCRA tidak meninda Akta yang sekarang ini tidak mempunyai komponen penempatan dan menambah komponen penempatan?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak melaksanakan sistem 20:80 kepada rancangan-rancangan yang tidak ada penempatan kerana di mana sesuatu skim itu tidak ada penempatan, kebanyakan peserta-peserta adalah berkerja secara sambilan, maka sistem saham 20:80 ini tidak sesuai dan dengan itu cadangan Yang Berhormat untuk meminda Akta tidak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohamad bin Abdullah.

(Soalan Ato. 7 Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah tidak hadir)

PENYEBAR KHABAR ANGIN

8. **Tuan James Jimbun Anak Pungga** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah tindakan yang akan diambil bagi orang penyebar khabar ini termasuklah sebilangan mereka daripada pegawai atau kakitangan dalam Perkhidmatan Awam yang aktif mengkritik dasar Kerajaan dan adakah bagi mereka ini yang bersalah boleh ditahan dalam Akta (ISA) Keselamatan Dalam Negeri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, seseorang yang didapati melibatkan diri dalam penyebaran khabar angin, termasuk membuat kenyataan atau laporan-laporan palsu, yang boleh menyebabkan keadaan ketakutan dan kegentaran awam, atau yang mendorong seseorang atau mana-mana golongan untuk metakukan kesalahan terhadap negara atau ketenteraman awam, adalah melakukan kesalahan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 28 Akta Keselamatan dalam Negeri, 1960 dan Seksyen 505 Kanun Kesiksaan. Jika terhadap cukup bukti, tindakan mahkamah akan diambil terhadap mereka.

Dalam hubungan ini pegawai atau kakitangan dalam Perkhidmatan Awam adalah tidak terkecuali. Selain dari undang-undang yang disebutkan tadi, mereka juga boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab "D"). 1980 dan Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan dari masa ke semasa mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengingatkan golongan-golongan penyebar khabar angin ini, sama ada kakitangan awam ataupun tidak, bahawa mereka boleh juga ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 jika tindakan mereka itu

memudaratkan keselamatan negara dan mengancam ketenteraman awam.

Walau bagaimanapun, tindakan ini hanyalah sebagai langkah terakhir sekiranya didapati tindakan di bawah peruntukan undang-undang lain tidak berkesan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa kadangkala Malaysia disifatkan sebagai sebuah negara yang mana khabar angin menjadi satu cara hidup ataupun satu wabak kerana kebebasan untuk berucap dalam mass media telah dikongkong, maka masalah ini tidak dapat dibanteraskan dengan pelaksanaan undang-undang sahaja. Maka bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju supaya memusnahkan khabar angin untuk suasana ataupun iklim yang bebas lagi diamalkan oleh pihak Kerajaan untuk tmedia massa mencetak ataupun mengedar apa yang mereka bertanggungjawab, bukanlah seperti yang diamalkan sekarang di mana mereka selalu di bawah tekanan oleh pihak Kerajaan untuk mencetak apa-apa pihak Kerajaan mahu mereka mengedar sahaja.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sebelum satu-satu undang-undang itu kita buat selalunya kita mengkaji sebab-musabab sebelum itu. Saya bersetuju sepertimana kata Yang Berhormat bahawa negara kita ini dan rakyatnya membuat khabar angin ini satu perkara yang lumrah. Dengan sebab itulah maka Akta-akta seperti ini perlu kita gubal untuk menentukan bahawa ada garis-garis panduan yang harus diikuti oleh rakyat.

Masalah kongkongan tidak ada wujud. Tetapi mestilah mengikut garis-garis tertentu kerana tidak ada manusia dalam dunia ini terutama dalam sebuah negara yang demokrasi

atau yang tidak demokrasi yang tidak ada garis-garis yang tertentu, tidak ada satu manusia yang boleh berbuat apa sahaja dalam satu masa dan pada satu ketika yang tidak boleh menimbulkan syak-wasangka pada orang lain.

Jadi negara kita ini selagi rakyatnya tidak memahami keadaan hidup berbilang kaum, berbilang agama, herbilang bahasa, berbilang latar belakang dan selagi rakyat tidak boleh hidup rukun damai sebagai satu bangsa, maka keadaan-keadaan seperti ini pula kita wujudkan untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa penyebar-penyebar khabar angin ini kebanyakannya terdiri daripada golongan parti Pembangkang iaitu daripada DAP dan PAS. Kuala Lumpur merupakan pusat penyebar khabar-khabar angin dan sudah berapa banyakkah tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri kepada mereka yang cuba fitnah menerusi khabar-khabar angin yang disebarkan ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kajian yang teliti belum dibuat, belumlah kita dapat kepastian bahawa adakah penyebar-penyebar khabar angin ini datang hanya dari pihak Pembangkang ataupun mungkin daripada ahli-ahli parti Kerajaan. Kita tunggulah kajian-kajian yang teliti dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Zin.

(Soalan No. 9 Y.B. Dato' Zainal Abidin bin Zin tidak hadir)

**PEMUDA UMNO—PERMIT
TUNJUK PERASAAN**

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada terdapat apa-apa permit Polis dikeluarkan kepada Pemuda UMNO apabila ia menganjur dan mengadakan satu tunjuk perasaan di depan Pejabat Majlis Peguam di Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur pada 14hb Julai, 1988. Jika satu permit telah dikeluarkan apakah pula syarat-syarat pengeluaran permit itu. Jika tidak ada permit, apakah tindakan yang telah diambil di bawah Akta Polis.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Polis tidak mengeluarkan permit kepada Pemuda UMNO yang telah menganjur dan mengadakan tunjuk perasaan tersebut kerana pihak Polis tidak menerima sebarang permohonan dari pihak yang berkenaan.

Memandangkan tunjuk perasaan tersebut telah melahggar kehendak Seksyen 27 Akta Polis 41/1967, satu laporan Polis telah pun dibuat. Buat masa sekarang, perkara ini masih lagi di dalam siasatan Polis dan apabila selesai, hasil siasatan itu akan diserahkan kepada Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan bahawa pihak Polis tidak mengeluarkan permit yang berkenaan sama ada pihak berkuasa akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang berkenaan, oleh kerana sekiranya sesuatu yang semacam ini atau seperti yang dilakukan oleh pihak Pembangkang maka Polis akan mengambil tindakan, maka saya hendak mendapat tahu sama ada Kerajaan akan mengadakan double standard dalam perkara ini. *(Tepuk)*

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali saya fikir pihak Pembangkang pun mempunyai kepercayaan penuh kepada pihak Polis. Setelah siasatan kita buat dan siasatan ini akan disampaikan kepada Peguam Negara maka terpulanglah kepada pihak Peguam Negara untuk mengambil tindakan selanjutnya. Saya tidak fikir bahawa wujud double standard dalam pelaksanaan undang-undang di negara ini walaupun pihak Pembangkang ataupun pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan S. S. Subramaniam.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bertanya soalan ini, saya ingin membetulkan sedikit soalan pertama barisan 3 selepas perkataan "sebelum" masukkan perkataan "melantik Pengarah-pengarah ataupun Chief Executive". Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kesebelas.

**AHLI LEMBAGA PENGARAH
BANK—PERSETUJUAN
MENTERI**

11. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah benar pihak-pihak Bank-bank harus mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan sebelum Pengarah-pengarah boleh menjadi Ahli Pengarah ataupun "Chief Executive" di bank-bank yang berada di negara kita. Jika benar, apakah sebab dan rational untuk mengadakan suatu keadaan tersebut;
- (b) adakah benar Menteri Kewangan tidak memberi kebenaran kepada ahli-ahli politik menjadi Pengarah di Bank-bank di negara kita, jika benar apakah sebabnya; dan

(c) adakah Y.B. Menteri sedar sejak beliau menjadi Menteri Kewangan beberapa halangan telahpun diletak secara langsung dan tidak langsung untuk ahli-ahli politik mendapat pinjaman dari sistem kewangan kita hingga ke suatu peringkat ada heberapa Bank-bank yang menganggap orang-orang politik sebagai "bad risk". Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementeriannya untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Adalah benar bahawa bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan yang ingin melantik seseorang menjadi ahli lembaga pengarahnya. perlu mendapat bersetujuan Menteri Kewangan terlebih dahulu. Peraturan ini bertujuan untuk memastikan bahawa seseorang calon pengarah mempunyai latarbelakang kewangan serta rekod keselamatan yang baik sebelum memegang jawatan pengarah dalam sesebuah institusi kewangan. Langkah ini adalah penting sebagai satu usaha untuk memastikan bahawa seseorang calon pengarah itu berkemampuan memberi sumbangan yang berfaedah kepada institusi-institusi kewangan berkenaan demi tnenjaga kepentingan pendeposit dan juga kestabilan sistem kewangan negara.

Mengenai perlantikan Ketua Eksekutif pula, ianya tertakluk kepada persetujuan Bank Negara Malaysia. Ini adalah sebagai satu tangkang untuk memastikan bahawa mereka yang dipilih adalah jujur dan mempunyai kebolehan serta pengalaman yang sesuai untuk memimpin sebuah institusi kewangan.

Adalah juga benar bahawa Kementerian Kewangan tidak merestui ahli-ahli politik, khususnya mereka yang aktif dalam kegiatan

parti politik, untuk dilantik menjadi pengarah dalam lembaga pengarah institusi-institusi kewangan berlesen. Ini adalah dengan alasan bahawa bank dan syarikat kewangan, yang merupakan pemegang amanah kepada wang orang-orang awam, dengan izin, custodian of public funds, haruslah diawasi oleh pengarah-pengarah yang benar-benar dapat memberi tumpuan sepenuhnya ke atas urusan perniagaan institusi-institusi kewangan berkenaan.

Sepanjang yang Kementerian Kewangan ketahui, tidak ada sebarang halangan yang dikenakan kepada ahli-ahli' politik dalam mendapatkan pinjaman daripada mana-mana institusi-institusi kewangan. Kementerian Kewangan juga tidak pasti dan tidak yakin adanya institusi-institusi kewangan yang menganggap ahli-ahli politik sebagai, dengan izin, bad-risk, memandangkan bahawa permohonan pinjaman pada amhya dinilai berasaskan kepada dayamaju sesuatu projek dan juga keupayaan peminjam untuk membayar balik pinjaman tanpa mengira kedudukan atau perkerjaan mereka.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Soalan tambahan. Dalam alasan untuk menghalang ahli-ahli politik menjadi pengarah-pengarah bank, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa mereka ini tidak mempunyai masa kerana terlampau aktif dalam politik. Setahu saya, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan Pengarah-pengarah Bank lain pun ada kerja-kerja lain dan mereka aktif dalam kerja lain. Jadi, apakah sebab-sebabnya yang betul yang pasti yang mana ahli-ahli politik tidak dibenarkan menjadi pengarah bank. Adakah mereka ini tidak jujur, tidak amanah ataupun tidak yang lain-lain lagi. (*Ketawa*)

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tidak yang lain-lain lagi Tuan Yang di-Pertua, itu terpulang kepada

intepretasi Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, jawapan saya telah beri tadi memadai menunjukkan bahawa kemungkinan besar ahli-ahli politik daripada peringkat daerah sampailah peringkat kebangsaan mungkin tidak mempunyai masa untuk menjalankan tugasnya dalam bank tersebut, walaupun seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap kemungkinan juga pengarah-pengarah institusi-institusi kewangan yang lain juga mempunyai raja-kerja yang lain tetapi pada umumnya ahli-ahli politik adalah lebih sibuk jika dibandingkan dengan ahli-ahli perniagaan yang lain. Oleh kerana itu, maka kita telah meletakkan satu syarat jika sekiranya ia ahli politik, ia perlu memilih untuk menjadi ahli politik ataupun menjadi pengarah bank.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perbezaan skim insurans Takaful dengan skim insurans lain, yang pertama. Yang kedua....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tanya yang mana itu. Nombor 11.

Tuan Haji Abdul Mamit bin Ahmad: Minta maaf, salah nombor. (*Ketawa*)

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, adakah benar Pengerusi Bank Pertanian adalah seorang ahli politik. Kalau ya, mengapa ia dilantik sebagai Pengerusi Bank Pertanian? (*Tepuk*)

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin masa untuk menyiasat dan mungkin dia mempunyai masa yang tertentu untuk menjalankan tugasnya.

SKIM ANSURAN TAKAFUL

12. **Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kejayaan Skim Ansuran Takaful setelah selama lebih daripada tiga tahun, dan bilakah skim ini meluaskan operasinya daripada yang sedia ada sekarang ini dengan menambah skim takaful kemalangan, skim takaful kebakaran dan ansuran pinjaman perumahan, supaya skim takaful lebih mendapat kejayaan lagi; dan
- (b) adakah Syarikat Takaful menghadapi sebarang masalah di dalam melaksanakan skim-skim termasuk seperti ketiadaan kepakaran dan sebagainya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sambutan orang ramai khususnya di kalangan orang-orang Islam ke atas Skim Takaful adalah menggalakkan. Sejak dilancarkan dalam tahun 1985, Syarikat Takaful Malaysia Berhad telah berjaya meningkatkan penyertaan orang-orang perseorangan dan juga badan-badan korporat dalam berbagai skim Takaful yang disediakan. Bilangan peserta skim takaful telah meningkat dari 14,191 peserta dalam tahun 1986 kepada 34,042 peserta sehingga akhir bulan Jun 1988, iaitu pertambahan sebanyak 140%. Dalam tempoh yang sama, aset Syarikat Takaful juga telah bertambah dari \$10.8 juta kepada \$18.7 juta. iaitu pertambahan sebanyak 73%.

Skim Takaful yang sedia ada sekarang ini telahpun meliputi skim takaful kemalangan, takaful kebakaran dan takaful gadaijanji ataupun untuk melindungi bayaran ansuran pinjaman perumahan.

Syarikat Takaful juga sentiasa berusaha untuk memperluaskan khidmat takaful dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan orang ramai.

Setakat ini Syarikat Takaful tidak mempunyai apa-apa masalah dalam melaksanakan skim-skim takafulnya kerana syarikat tersebut mempunyai kepakaran dan keupayaan yang mencukupi untuk memberikan perkhidmatan dengan sempurna.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, barangkali sudah tiba masanya.

Tuan Yang di-Pertua: Tak barangkali itu. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Sudah tiba masanya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Soalan tambahan. Saya ulangi, berapakah jumlah bank-bank dan institusi kewangan yang menjalankan aktiviti insurans takaful ini, adakah Tabung Haji menjalankan aktiviti ini atau ianya akan menjalankan aktiviti takaful pada masa-masa hadapan. Terima kasih.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan terdahulu tadi berbeza sedikit dengan soalan ini. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, setakat ini Syarikat Takaful yang telah menjalankan insurans takaful ini adalah satu sahaja tetapi terdapat juga beberapa institusi bank yang lain ataupun institusi kewangan yang lain yang cuba menjalankan cara Syarikat Takaful ini dari segi insurans, sebagai contoh ialah dijalankan oleh sebuah bank tempatan. Walau bagaimanapun, pada umumnya pada masa ini Syarikat Takaful yang ada

sekarang ini, yang sudah pun mempunyai tahap kemajuan yang baik telahpun mengembangkan aktiviti mereka di dalam berbagai plan atau risiko tetapi Tabung Haji belum lagi setakat ini menjalankan sistem takaful. Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat memerlukan satu aktiviti yang berkaitan dengan takaful, Tabung Haji perlu mendapat satu persetujuan ataupun lesen daripada Director General of Insurance ataupun Ketua Pengarah Insurans yang sekarang ini dipegang oleh Gabenor Bank Negara.

Dato' Haji Mohamed Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, tetapi sebelum saya mengeluarkan soalan tambahan ini, saya ingin membuat pembetulan sedikit berkenaan dengan Barik Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tak dibenarkan.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tak dibenarkan, baiklah. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi kita telah mendengar bahawa pihak Syarikat Takaful tidak ada masalah dari segi mengendalikan urusan insurans. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan satu skim yang telah pun dicadangkan oleh pihak LKIM pada satu masa dahulu untuk memberi perlindungan insurans kepada nelayan-nelayan dan bot-bot nelayan, tetapi sehingga hari ini Syarikat Takaful tidak dapat mengadakan skim perlindungan itu, bahkan sekarang ini pihak Persatuan Nelayan (NEKMAT) telah pun mengadakan skim perlindungannya dengan berurusan dengan sebuah syarikat insurans British. Saya ingin tahu apakah sebabnya Syarikat Takaful ini tidak dapat memberikan perlindungan kepada nelayan-nelayan kita melalui Persatuan Nelayan dalam negara kita ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, mungkin soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah itu terlalu umum. adakah jenis perlindungan yang diperlukan itu adalah jenis perlindungan yang mempunyai risiko yang terlalu tinggi tetapi jika sekiranya pada umumnya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah mengatakan bahawa Syarikat Takaful enggan memberi perlindungan kepada Persatuan Nelayan, saya berasa adalah tidak lengkap jika sekiranya Ahli Yang Berhormat hanya menyatakan ini secara umum. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh menyatakan secara khusus apakah jenis perlindungan yang diperlukan oleh nelayan-nelayan tersebut, sebab mengikut list yang saya ada, Syarikat Takaful setakat ini ada beberapa skim iaitu Skim Takaful Kebakaran, Gangguan Perniagaan. Pampasan Kerja, Liabiliti Awam Kenderaan Berenjin dan banyak lagi lindungan-lindungan yang lain. Jadi, oteh kerana itu, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah boleh memberikan maklumat yang lebih lanjut, saya boleh siasat.

PROJEK METROLINK KUALA LUMPUR

13. **Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri:

- (a) menjelang bulan September, 1988 berapakah luas tanah yang sudah diperuntukkan kepada projek Metrolink. Apakah sebenarnya masalah perolehan tanah yang timbul di antara Kerajaan dengan Metrolink sehingga memperlembahkan permulaan projek tersebut. Apakah kompromi yang dicapai oleh kedua-dua belah pihak;
- (b) difahamkan bahawa pihak Metrolink telah memperolehi sebanyak 25 ekar dan masih

memerlukan kira-kira 95 ekar lagi bagi pembinaan stesyen Metrolink. Pada keseluruhannya, berapa ekar tanahkah yang akan diberi oleh Kerajaan kepada Metrolink. Dengan itu, berapa ekar tanah di Wilayah Persekutuan yang masih belum dibangunkan;

- (f) apakah bentuk persetujuan yang dibuat oleh Kerajaan dengan Metrolink mengenai kegunaan tanah terutama sekali sebarang bayaran yang dikehendaki dari Metrolink, serta nilai wang dan peratusan kepentingan Kerajaan dalam Metrolink, sekiranya ada; dan
- (d) bagaimana pula dengan status projek-projek "Airbus" dan "Mas Rapid Transit". Berapakah keluasan tanah yang sudah diperuntukkan oleh Kerajaan kepada kedua-dua projek ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mohon untuk bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, apakah beliau bersedia membuat pembedaan terhadap perenggan (d)?

Tuan Yang di-Pertua: Perenggan (d)?

Drs Suleiman bin Mohamed: iaitu perkataan "airbus" kepada "aerobus".

Tuan Yang di-Pertua: Aerobus.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju.

Drs Suleiman bhi Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soalan (a), sukalah saya memaklumkan bahawa sehmgga kini tiada tanah Keretapi Tanah Melayu yang telah diperuntukkan kepada projek Metrolink. Projek ini telah tidak dapat

dilaksanakan pada masa ini disebabkan oleh masalah-masalah perundangan yang telah melengahkan tanah-tanah KTM tersebut dipajakkan kepada Syarikat Metrolink. Sementara itu, Kerajaan telah pun bersetuju pada dasarnya untuk memajakkan tanah-tanah yang diperlukan bagi pelaksanaan projek ini selama 99 tahun.

Menyentuh soalan (b) pula, bagi keseluruhan projek ini, Metrolink memerlukan kira-kira 25 ekar tanah-tanah KTM untuk pembinaan kemudahan stesen-stesen dan lain-lain kemudahan komuter. Sehingga setakat ini, tanah-tanah yang dipohon oleh Metrolink tersebut masih belum dipajakkan lagi kepada Metrolink.

Berhubung dengan soalan (c), dimaklumkan bahawa tanah-tanah KTM yang akan dipajakkan kepada Metrolink adalah hanya untuk membangun semula stesen dan lain-lain kemudahan termasuk restoran, kedai buku, stesen minyak petrol, tempat letak kereta, terminal bas dan teksi serta lain-lain kemudahan yang akan dipersetujui oleh Kerajaan. Berasaskan penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Kementerian Kewangan, hanya yang akan dikenakan kepada Syarikat Metrolink bagi tanah-tanah dalam Fasa 1 ialah \$24 juta bagi tanah seluas 25 ekar. Bagaimanapun, sehingga setakat ini Kerajaan masih belum membuat keputusan sama ada mengambil ekuiti dalam Syarikat Metrolink atau tidak.

Seterusnya berhubung dengan soalan (d), untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa status projek "Aerobus" tersebut akan diganti dengan projek "Monorail" dan perkara ini akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk mendapat keputusan sewajarnya. Manakala status projek LRT pula akan juga dikemukakan kepada Jemaah Menteri

untuk menetapkan tarikh pelaksanaannya.

Selain daripada itu keluasan tanah yang akan diperuntukkan oleh Kerajaan kepada projek "Aerobus" ialah 200 ekar dan pada masa ini tanah yang bakal diperuntukkan itu belum lagi dipindah milik kepada syarikat pelaksanaan projek Aerobus. Pemindahan ini akan diuruskan sewajarnya kelak apabila Kerajaan membuat kelulusan berhubung dengan sistem Monorail bagi menggantikan sistem Aerobus itu. Penggantian ini perlu dilakukan disebabkan kos projek Aerobus sudah meningkat dan terlalu mahal manakala keluasan tanah yang diperuntukkan oleh Kerajaan kepada projek LRT pula ialah seluas 400 ekar.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar sekarang terdapat tiga jenis projek? Saya sudah keliru sekarang pindah Aerobus kepada sistem Monorail. LRT dan MRT dah sebagainya. Saya pun keliru. pening kepala.

Tuan Yang di-Pertua, adakah tanah itu bukan kepunyaan KTM tetapi tanah Wilayah Persekutuan dipajakkan kepada pihak Metrolink ataupun pihak LRT ataupun sistem Monorail dan yang keduanya kenapa selepas berbelanjakan wang begitu banyak projek itu dibatalkan dengan begitu sahaja?

Dr Sulelman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya projek ini tidak dibatalkan. Kelewatannya semata-mata kerana Kerajaan menghormati Ahli Yang Berhormat. Bukan Ahli Yang Berhormat sahaja, Kerajaan menghormati semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, kita hendak meminta keputusan berkaitan dengan Metrolink supaya Private Railway Act, dengan izin, atau Akta Keretapi Swasta ini mestilah

dibentangkan dahulu dalam Parlimen dan meminta keputusan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini maka barulah projek ini boleh kita laksanakan. Yang kedua, soalnya saya terlupa.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soal tanah dalam Wilayah Persekutuan yang dipajak kepada pihak syarikat yang tersebut dan tanah-tanah seperti ini saya dengar tidak digunakan untuk maksud sistem LRT tetapi untuk maksud yang lain atau sebagai satu pajakan untuk projek yang lain iaitu satu siri projek bukan sahaja untuk LRT.

Dr Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita belum pajak mana-mana lagi tanah dalam Wilayah Persekutuan ini untuk projek yang saya sebutkan tadi. Seperti saya nyatakan Kerajaan menghormati Dewan yang mulia ini dan setakat ini kita mempunyai Railway Ordinance 1948 disebabkan keretapi di bawah Corporation Kerajaan. Jadi selagi tidak dibawa di dalam Dewan yang mulia ini, selagi itulah tidak ada pemajakan tanah dibuat untuk tujuan tersebut.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula projek Aerobus, Mass Rapid Transit yang dicadangkan untuk diadakan di Wilayah Persekutuan termasuk projek Metrolink kerana kita dapati bahawa Wilayah Persekutuan ini bila berlaku hujan mudah berlaku banjir. Apakah projek-projek seperti ini mengikut kajian kemungkinan benar-benar menguntungkan semua pihak termasuk pengguna dan juga Kerajaan? Kerana sebelum ini apabila kita mendengar jaminan-jaminan daripada Kerajaan projek-projek yang hendak dijalankan

tetapi akhirnya banyak yang rugi dan banyak yang tergendala. Memandangkan ini satu projek yang begitu complicated. dengan izin, ataupun sophisticated, apakah Kerajaan benar-benar pasti bahawa projek ini boleh mendatangkan faedah dan kebaikan untuk penggunaan-pengguna? Terima kasih.

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari perkembangan pembangunan khususnya Wilayah Persekutuan atau Lembah Kelang dan sekitarnya. Mass Rapid Transit ataupun pengangkutan awam ini adalah merupakan satu perkara yang necessity dalam projeksi kita dalam masa 10-15 tahun. Kita tidak mahu Bandaraya Kuala Lumpur khususnya dibendung dengan keadaan trafik yang terlalu parah dibanding dengan negara-negara lain. Oleh kerana itu soalan sama ada Kuala Lumpur akan ditenggelami oleh banjir disebabkan hujan itu adalah satu perkara yang lain yang akan diselesaikan oleh Kerajaan tetapi oleh kerana ia adalah satu hal yang necessity untuk jangka masa yang panjang, maka projek ini adalah viable yang perlu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pertanyaan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 7, 9 dan 14 hingga 27 adalah diberi di bawah ini).

PENGGALAN TLDM DI SANDAKAN

5. Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali minta Menteri Pertahanan menyatakan bahawa baru-baru ini Kementerian ini telah bercadang untuk membina pengkalan TLDM di Sandakan untuk menambah kecukupan membanteras kegiatan

rompak di perairan di sini. Bolehkah Menteri memberitahu bilakah pelaksanaan pembinaan ini dimulakan. Jika boleh minta ianya dipercepatkan demi kepentingan keselamatan nelayan-nelayan yang bergantung sara hidup di perairan ini.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj): Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjung Aru dan Semporna masing-masing dijadualkan pada 4 dan 21 November 1988 kerana soalan-soalan tersebut adalah berkaitan perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, dermaga lama Sandakan telah pun diserahkan oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) pada 3 Mac 1988 untuk dijadikan Pangkalan Hadapan TLDM di Sabah Timur. Kerja-kerja pembinaan serta pengubahsuaian dan pembaikannya dijangka dapat dimulakan pada bulan Mac 1989. Sekiranya kerja-kerja pelaksanaannya berjalan mengikut jadual, pangkalan ini dijangka akan dapat heroperasi sepenuhnya pada pertengahan tahun 1990. Apabila pangkalan ini siap kelak di samping menjadi pangkalan hadapan di Sabah Jimur ianya juga mungkin dijadikan pangkalan untuk latihan kepada pasukan -Simpanan Tentera Laut bagi kawasan Sandakan.

Dengan adanya sebuah pangkalan TLDM di Sandakan ini nanti serta penempatan kapal-kapal TLDM di sini akan memudahkan tugas-tugas TLDM untuk menghantar bantuan di kawasan perairan timur Sabah dalam masa yang lebih singkat. Kehadiran kapal-kapal TLDM di Sandakan juga akan melemahkan kegiatan lanun-lanun yang bergerak di kawasan timur Sabah.

JALAN UTAMA DI KAWASAN LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH—PENYELENGGARAAN

7. **Tuan Haji Mohamad bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan iaitu adakah Kementerian bercadang untuk menentukan Status penyelenggaraan jalan-jalan utama di dalam kawasan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah di seluruh negara sama ada di bawah penyelenggaraan Negeri-negeri yang berkenaan ataupun di bawah Kerajaan Persekutuan. Kalau bercadang, bilakah perkara ini akan dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Adalah menjadi matlamat Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk meletakkan jalan-jalan utama di dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah di seluruh negara di bawah penyelenggaraan Kerajaan Persekutuan di mana didapati sesuai menerusi Kementerian Kerjaraya. Pada masa ini, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedang mengurus dengan Kementerian Kerjaraya untuk mengwartakan jalan-jalan utama di kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah dan proses pengwartaannya sedang dijalankan.

Setelah jalan-jalan ini memenuhi piawaian (standard) yang telah ditetapkan, pihak Kementerian Kerjaraya akan berunding pula dengan Kerajaan Negeri untuk mengwartakan jalan tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk menyelenggarakan jalan-jalan tersebut apabila berlaku sebarang kerosakan selepas ianya diwartakan. Tarikh bila jalan-jalan ini dapat diwartakan tidak dapat ditentukan sekarang.

PERUMAHAN ANGGOTA ANGKATAN TENTERA

9. **Dato' Haji Zainal Abidin bin Zain** minta Menteri Pertahanan menerangkan berapa peratuskah dari pasukan tentera laut, darat dan udara mendapat kemudahan tempat tinggal yang disediakan oleh Kementerian Pertahanan dan apakah ada satu rancangan khususnya oleh Kementerian ini bagi mengatasi masalah tempat tinggal anggota-anggota pasukan bersenjata kita.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Sebagaimana selalu saya nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak pernah mengabaikan soal kebajikan Anggota Angkatan Tentera terutamanya mengenai masalah perumahan. Kekurangan kemudahan tempat tinggal memang disedari oleh Kementerian Pertahanan dan oleh sebab itulah masalah ini sentiasa diberi keutamaan.

Setakat ini Kementerian Pertahanan telah dapat menyediakan kemudahan tempat tinggal kepada anggota-anggota tentera untuk ketiga-tiga perkhidmatan iaitu:

entera Darat	—	50.2% daripada keperluan
		luan
Tentera Laut	—	71.0% daripada keperluan
		luan
Tentera Udara	—	28.4% daripada keperluan
		luan

dan pada keseluruhannya Kementerian Pertahanan telah menyediakan tempat tinggal untuk 50% daripada anggota ATM yang berkeluarga.

Pada masa ini sebanyak 2,442 unit rumah keluarga lagi sedang dalam pembinaan. Ini akan menambahkan peratus anggota tentera yang ditempatkan dalam rumah-rumah keluarga (married quarters) yang dimiliki oleh Kerajaan kepada 52.96%

sementara itu 2,058 orang anggota tentera (3%) ditempatkan di rumah-rumah yang disewa oleh Kementerian Pertahanan. Ini bermakna 56% dari anggota tentera ditempatkan di rumah yang dipunyai atau disewa oleh Kementerian Pertahanan. Di samping itu Kementerian Pertahanan juga sedang mengambil tindakan untuk memulakan pembinaan 2,000 unit rumah lagi dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Lima ini. Rancangan ini dijangka akan dapat meningkatkan peratus anggota yang ditempatkan di rumah-rumah keluarga yang dimiliki oleh Kerajaan kepada 58.5%.

KAYU TROPIKA/MINYAK KELAPA SAWIT PEMULAUAN

14. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapakah akhir-akhir ini negara-negara luar yang menguasai pasaran antarabangsa dengan sengaja memboikot dan berkempen hebat memulau barangan-barangan utama keluaran Malaysia seperti pemuluan kayu tropika oleh EEC, pemuluan minyak kelapa sawit oleh USA dan negara-negara Arab. pemuluan nenas dan lain-lain makanan dalam tin oleh EEC dan Timur Tengah, kesukaran memasarkan Proton Saga dan lain-lain barang keluaran kita di Eropah dan Amerika. Adakah kejadian-kejadian tersebut berlaku kerana Dasar Luar Malaysia yang "hostile" atau kerana sikap pemimpin kita yang angkuh.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, ingin saya menegaskan bahawa kejadian-kejadian yang berlaku seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Besut. tidak, saya ulangi tidak ada kaitan langsung dengan apa yang dianggap oleh beliau sebagai

dasar luar Malaysia yang "hostile" ataupun dengan sikap pemimpin kita yang angkuh.

Terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa dasar luar negara kita sepertimana yang diamalkan semenjak kemerdekaan lagi berbentuk satu dasar yang positif, cergas yang mengutamakan perhubungan dengan negara-negara asing di atas prinsip tidak bercampur tangan dalam hal ehwal negara-negara lain, menghormati kemerdekaan dan kedaulatan masing-masing dan tidak kira sistem sosio-politik negara-negara berkenaan. Sehingga kini, dasar tersebut masih diteruskan dan tidak pernah ianya menukar sifatnya terhadap cara yang "hostile".

Mengenai tanggapan pemimpin angkuh, hendaklah dijelaskan bahawa kerajaan negara-negara asing dengan mana Malaysia mempunyai hubungan diplomatik tidak pernah menganggap bahawa pemimpin Malaysia angkuh. Malahan pemimpin negara sendiri telah disegani dan dihormati oleh rakan-rakan dari luar negeri. Anggapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu, pada pendapat saya, merupacan pandangan beliau sendiri.

Saya ingin maklumkan bahawa isu pemuluan ke atas barangan utama Malaysia yang dilancarkan di beberapa buah negara luar merupakan isu perdagangan dan berkait rapat dengan dasar perlindungan yang diamalkan oleh negara-negara asing terhadap negara-negara pengeluar barangan utama dan negara-negara membangun.

Kempen memulau barangan utama Malaysia oleh negara-negara asing jelas membuktikan bahawa dasar perlindungan yang diamalkan oleh negara-negara luar semakin berleluasa, Malaysia, sebagai sebuah negara yang ingin melihat satu sistem perdagangan antarabangsa yang lebih

adil dan saksama dicapai, menentang keras segala dasar perlindungan dalam bentuk tarit atau bukan tarit yang diamalkan dan diperkenalkan oleh mana-mana negara luar, khususnya yang menyekat kemudahan pasaran (market access, dengan izin) bagi barangan-barangan utama Malaysia.

Kempen anti-minyak kelapa sawit di Amerika Syarikat dan kempen anti-kayu tropika di beberapa buah negara ahli Kesatuan Ekonomi Eropah, misalnya, dilancarkan oleh golongan-golongan tertentu yang hanya mementingkan diri sendiri tanpa menghiraukan implikasinya ke atas negara-negara membangun amnya, dan Malaysia, khususnya, yang menentang segala bentuk dasar perlindungan.

Kementerian Luar Negeri melalui perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negen akan sentiasa mengawasi dan mengikuti serta melaporkan perkembangan-perkembangan dari masa ke semasa mengenai segala bentuk tindakan atau amalan yang diambil oleh negara-negara asing yang boleh menjejaskan ekonomi negara kita.

JABATAN PERTANIAN BAHAGIAN VETERINARY SARAWAK

15. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian bercadang supaya Bahagian Veterinary dipisahkan pentadbirannya daripada Jabatan Pertanian sepertimana yang diamalkan di Semenanjung dan Sabah demi untuk melicinkan pentadbiran Bahagian Veterinary ini. Jika ada cadangan bilakah cadangan ini dilaksanakan. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Oleh yang

demikian, sukacita saya men-cadangkan supaya Yang Ber-hormat merujuk kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

SISWAZAH MENJALANKAN PROJEK PERTANIAN

16. Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan setakat manakah berjayanya projek-projek pertanian yang dikendalikan oleh mahasiswa/mahasiswi menganggur dan apakah kesulitan-kesulitan mereka dan bagaimana pula langkah-langkah Kementerian untuk mengatasinya bagi menolong mereka dalam hal yang sama.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Kejayaan projek-projek pertanian yang dikendalikan oleh mahasiswa/mahasiswi adalah menggalakkan di mana sehingga bulan September 1988, bilangan siswazah yang sedang/akan menjalankan projek-projek pertanian adalah seperti berikut:

(a) peringkat Bil Luas Bil

	Projek	Kawasan	Siswazah
Perancangna	14	56	9
Baksanaan	69	747	99
		<u>1314</u>	<u>52</u>
			<u>144</u>

(b) Jumlah pinjaman yang telah diluluskan oleh Bank Pertanian Malaysia ialah sebanyak \$1.2 juta untuk 37 buah projek.

Kesulitan-kesulitan yang di-hadapi oleh siswazah ialah seperti berikut:

(i) *Mendapatkan Tapak Tanah untuk menjalankan projek*

Bagi mengurangkan masalah ini, Kementerian Pertanian, melalui

Lembaga Pertubuhan Pe-ladang (LPP) telah mengenalpasti kawasan-kawasan tanah sawah terbiar di seluruh Semenanjung yang boleh dipulih untuk dimajukan. Untuk ini LPP adalah bertindak sebagai orang tengah (land broker) bagi menemukan tuan-tuan tanah dengan sis-wazah-siswazah yang her-minat untuk menyewa tanah tersebut.

(ii) *Modal*

Siswazah-siswazah yang berminat untuk menjalan-kan projek-projek per-tanian bolehlah berurus dengan pihak Bank Pertanian Malaysia bagi mendapatkan kemudaha-kemudahan pinjaman yang ada disediakan oleh Bank tersebut. Di samping itu, BPM juga ada menyediakan pinjaman di bawah Skim Pinjaman Khas Pertanian (SPKP) bagi Siswazah-siswazah yang akan menjalankan projek di bawah Program Petani Siswazah.

(iii) *Pengetahuan Teknikal*

Siswazah-siswazah yang mendaftar dengan Kementerian Pertanian untuk mengikuti Program Petani Siswazah adalah terdiri dari berbagai disiplin pengajian seperti kejuruteraan, per-akaunan, ekonomi, per-niagaan dan sebagainya. iaitu, bukan dari disiplin pertanian. Dengan itu sis-wazah-siswazah tersebut

tidak mempunyai pengetahuan teknikal untuk menjalankan satu-satu projek pertanian. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Pertanian dengan kerjasama Jabatan/Agensi di bawahnya telah mengadakan latihan iaitu Latihan Siswazah Merdeka. Latihan ini terbahagi kepada dua (2) peringkat iaitu, Latihan Orientasi dan Latihan Pengkhususan.

UNIYERSITI TEMPATAN— PENGAMBILAN PENUNTUT

17. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menambah pengambilan penuntut-penuntut untuk memasuki universiti-universiti tempatan, Atau/dan menambahkan pembinaan pengajian-pengajian tinggi di negara ini bagi menampung pertambahan dan memastikan penuntut-penuntut dapat memasuki universiti-universiti tempatan.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang bercadang untuk menambahkan bilangan pengambilan penuntut-penuntut untuk memasuki universiti-universiti tempatan setiap tahun. Walau bagaimanapun Kementerian belum lagi bercadang untuk menubuhkan pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini bagi menampung pertambahan bilangan penuntut yang memasuki universiti-universiti tempatan kerana universiti-universiti yang sedia ada masih mampu menampung pelajar-pelajar melalui pembesaran kampus-kampus induk, penubuhan kampus-kampus cawangan

dan pertambahan program/kursus baru di universiti-universiti tempatan.

PROJEK PARIT DAN TALI AIR SEMENANJUNG NONOK/ ASAJAYA DAN SEMERA/JAIE

18. Tuan Haji Bujang Haji Ulimsinta Menteri Pertanian menyatakan

- (a) berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk sistem atau projek parit dan tali air Semenanjung Nonok/Asajaya dan Semenanjung Semera/Jaie, Sarawak setakat ini;
- (b) berapakah dari jumlah tersebut yang diperolehi dari pinjaman luar negeri dan berapakah dari pinjaman dalam negeri; setakat manakah kemampuan Kerajaan membayar balik pinjaman-pinjaman tersebut, sekiranya ada
- (c) setakat ini adakah Kerajaan berpuas hati dengan pencapaian pembangunan projek-projek ini dan sudahkah kajian terperinci dibuat untuk menilai hasilnya ke atas penduduk-penduduk tempatan dari segi taraf hidup dan aspek-aspek lain;
- (d) dari aspek pertanian, adakah Kerajaan menyediakan 'garis panduan kepada petani-petani atau peneroka-peneroka mengenai jenis tanaman yang perlu diusahakan supaya mereka terjamin dari segi pasaran di masa akan datang; dan
- (e) bilakah skim parit dan tali air Sebangon/Sebuyau, Sarawak dimulakan perlaksanaannya.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

- (a) Jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk Projek Semenanjung Nonok / Asajaya

dan Semera/Jaie sehmggan 30-9-88 ialah \$90.7 juta.

- (b) Amaun dari pinjaman luar negeri (pinjaman Bank Pembangunan Asia) ialah \$30.0 juta (US \$12.0 juta) dan amaun yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat ialah \$60.7 juta.

Projek yang tersebut adalah satu daripada sejumlah 10 projek-projek saluran yang dibiayai oleh Bank Pembangunan Asia di bawah Pinjaman No. 446-MAL (Agricultural Drainage Project in Malaysia). Sejumlah US \$19.4 juta telah dikeluarkan dari pinjaman ini dan sejumlah US \$3.24 juta telah dibayar balik setakat ini.

- (c) Ya. Kerajaan adalah berpuas-hati dengan pencapaian pembangunan projek-projek itu. Sebenarnya, dengan adanya projek-projek itu, keadaan tanah dan tanaman-tanaman di kawasan-kawasan projek itu telah bertambah baik. Pada masa dahulu, hanya ketapa telah ditanam; Pada masa ini, tanaman koko bersaing (inter cropping) dengan kelapa telah juga diusahakan di kebanyakan kawasan projek dengan penghasilan yang baik.

Projek-projek yang tersebut akan siap dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990). Kajian terperinci untuk menilai faedah-faedah sosio-ekonomi akan dijalankan selepas itu.

- (d) Ya. Garispanduan mengenai jenis tanaman yang sesuai diusahakan adalah diberi kepada petani-petani di projek-projek tersebut berdasarkan kepada kesesuaian tanah.

- (d) Soalan ini telah dijawab pada 16 November, 1987. Walau bagaimanapun, tindakan telah diambil oleh Jabatan Parit dan Taliair Negeri Sarawak di bawah Kajian Semula RML untuk meminta peruntukan tambahan sejumlah \$1.17 juta bagi tahun 1989-1990 untuk pembinaan infrastruktur bagi satu daripada sebanyak 13 blok di dalam kawasan projek Sebangan/Sebuyau, Sarawak.

KAD PENGENALAN PALSU

19. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kad pengenalan palsu yang telah dijumpai setakat Jun 1988. Apakah langkah-langkah diambil oleh Kementerian untuk menentukan bahawa pemalsuan kad pengenalan ini tidak berlaku lagi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sehingga Jun 1988 sebanyak 831 keping kad pengenalan palsu telah dijumpai.

Polis Di Raja Malaysia bersama Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa menyiasat perkara ini dan seterusnya akan mengambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa sekarang terhadap pihak yang terlibat. Sebagaimana Y.B. sedia maklum, untuk jangka masa panjang, Kerajaan akan memperkenalkan sistem baru Kad penganilaian Bermutu Tinggi dan sukar dipalsukan.

PENDATANG HARAM VIETNAM— RUNDINGAN

20. Tuan Haji Nik Abdullah bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah kunjungan Timbalan Perdana Menteri ke Vietnam Ogos lalu dapat

mengatasi masalah pendatang tanpa izin rakyat negara itu ke Malaysia;

- (b) apakah perkara lain yang dirundingkan dengan pemimpin Vietnam dan apakah yang telah dicapai; dan
- (c) Sejauh mana pula kunjungan beliau itu dapat membantu menyelesaikan sengketa Kampuchea dan dapat memujuk Vietnam berundur dari negara itu.

Dato' Abu Hassan bin Omar:

(a) Hasil daripada kunjungan Timbalan Perdana Menteri ke Vietnam pada 26hb-29hb Ogos, 1988, Kerajaan Vietnam telah menyatakan persetujuannya:

- (i) untuk berusaha menghalang rakyatnya daripada meninggalkan Vietnam secara haram;
- (ii) untuk meluaskan "Orderly Departure Programme (ODP)" sebagai saluran ulung untuk rakyatnya keluar dari Vietnam;
- (iii) untuk menerima semula rakyatnya yang ingin pulang ke Vietnam secara **sukarela**;
- (iv) untuk mengambil bahagian secara aktif di dalam Persidangan Antarabangsa mengenai Orang-orang Pelarian Indocina dan Mesyuarat Persediaannya yang akan diadakan di tahun hadapan yang hertujuan untuk mencari penyelesaian yang komprehensif dan berkekalan kepada masalah orang-orang pelarian Indocina.

Mengenai soalan sama ada Hanoi bercadang untuk menerima balik rakyatnya sekiranya dihantar pulang oleh Kerajaan Malaysia, pihak Vietnam telah menyatakan persetujuannya untuk menghantar satu delegasi ke Malaysia tidak lama lagi bagi tujuan membincangkan hal ini.

- (b) Tidak ada perkara lain yang dirundingkan dengan pemimpin Vietnam;
- (c) Di dalam lawatan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri tersebut, kita telah berpeluang menekankan kepada Yietnam pendirian ASEAN terhadap perlunya diselesaikan masalah Kampuchea secara politik secepat mungkin.

Kita tetap menegaskan bahawa proses perundingan yang dimulakan oleh Mesyuarat Tidak Rasmi Jakarta (JIM) mestilah diteruskan dan Yietnam bersetuju untuk memainkan peranan aktif dalam rangka JIM ini.

KADAR INFLASI MALAYSIA

21. **Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah kadar inflasi Malaysia bagi tahun-tahun 1983-1988; dan
- (b) apakah pula langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kadar inflasi itu tidak menurunkan kuasa pendapatan sebenar rakyat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

(a) Kadar inflasi Malaysia bagi tahun-tahun 1983-1988 adalah seperti berikut:

1983 — 3.7%
 1984 — 3.9%
 1985 — 0.4%

1986—0.6%
 1987—0.8%
 1988—2.5%

(anggaran Angka bagi tahun 1983 adalah untuk Semenanjung Malaysia.)

Pada keseluruhannya kadar inflasi dalam negeri adalah masih rendah seperti yang saya maklumkan. Kerajaan sentiasa mengawal dasar-dasar fiskal dan kewangannya untuk menentukan supaya ia tidak memberi kesan-kesan meningkatnya inflasi dalam negeri. Di samping itu, Kerajaan sentiasa mengawasi keadaan bekalan-bekalan barang keperluan dalam negeri supaya tindakan-tindakan berkesan dapat diambil untuk menentukan supaya tekanan-tekanan inflasi tidak meningkat tinggi. Seterusnya Kerajaan sedang menggalakkan pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana untuk meningkatkan aktiviti ekonomi mereka. Di dalam hal ini, Kerajaan akan berusaha menyediakan kemudahan-kemudahan untuk menggalakkan perkembangan industri-industri kecil dan sederhana. Dengan cara ini adalah dijangka ia dapat menentukan keadaan bekalan barangan-barangan keperluan dalam negeri adalah sempurna. Di samping itu, pihak-pihak pengimpot boleh juga membantu di dalam mengurangkan tekanan-tekanan inflasi dengan mengubah impot mereka daripada punca-punca yang mempunyai kos tinggi kepada punca-punca yang lebih murah. Adalah diharapkan dengan kerjasama pengimpot-pengimpot ini tekanan-tekanan inflasi dalam negeri dapat dikurangkan.

PERATURAN-PERATURAN PERTAHANAN LIMA NEGARA

22. Tuan Haji Mohamed Haji Isa minta Menteri Pertahanan menyatakan mengenai latihan

Pertahanan Lima Negara yang telah diadakan di Malaysia baru-baru ini:

- (a) adakah memberi kesan yang baik kepada keselamatan negara kita dan apakah pandangan Negara Ketiga terhadap Perjanjian Malaysia dengan Negara-Negara sahabat. Adakah ia juga melibatkan kesan politik dan ekonomi Malaysia; dan
- (b) adakah dalam latihan peperangan lima negara ini, Malaysia menggunakan senjata-senjata termoden, dan berapakah perbelanjaan telah dibelanjakan bagi latihan tersebut.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Setakat ini, tidak ada mana-mana negara ketiga yang menunjukkan sikap dan pandangan negatif terhadap Peraturan Pertahanan Lima Negara Five Power Defence Arrangement (FPDA). Peraturan tersebut bukan merupakan perjanjian pertahanan, tetapi sekadar merupakan satu forum bagi negara-negara ahli berunding untuk mencari langkah-langkah tertentu sekiranya Malaysia dan Singapura diancam oleh kuasa-kuasa luar. Oleh itu Ekksesais Lima Bersatu "88" tidak ada kesan negatif dari politik. Dari segi ekonomi pula ia boleh memberi kesan yang positif bagi jangkamasa panjang kerana peraturan tersebut dapat menyumbang terhadap mengekalkan kestabilan dan keamanan rantau ini dan akan menggalakkan kemasukan pelaburan asing ke Malaysia.

Latihan Peraturan Pertahanan Lima Negara "Lima Bersatu 88" baru-baru ini sememangnya memberi kesan yang baik terhadap keselamatan negara kerana ianya bukan sahaja telah dapat menguji dan meningkatkan keupayaan pertahanan udara dari segi persefahaman dan "inter-operability" antara Tentera Udara DiRaja

Malaysia dengan tentera udara negara-negara ahli FPDA tetapi membuktikan keutuhan IADS serta "commitment" negara-negara FPDA terhadap peraturan itu.

TOPI KELEDAR—PEMAKAIAN

23. Dato' Zainol Abidin bin Johari minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan akan terus memastikan penunggang motosikal memakai topi keledar dan pemandu kereta menggunakan tali pinggang keledar, sedangkan angka kemalangan terus meningkat, sedangkan di Negara Thailand angka kemalangan kurang dari Malaysia dan topi serta tali pinggang keledar tidak dimestikan pakai.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Kadar kemalangan jalan raya tidak boleh dikaitkan dengan penggunaan topi keledar atau tali pinggang keledar kerana pemakaian topi keledar dan tali pinggang keledar mempunyai tujuan-tujuan tertentu. Topi keledar digunakan oleh penunggang motosikal dan pemboncengnya untuk melindungi mereka dari mengalami kecederaan yang lebih teruk kepada bahagian kepala apabila tertibat di dalam sesuatu kemalangan jalan raya manakala penggunaan talipinggang keledar oleh pemandu dan penumpang di bahagian hadapan kenderaan adalah untuk melindungi dan mengurangkan impak sesuatu kemalangan jalan raya kepada pemandu dan penumpang yang melibatkan kenderaan tersebut. Dengan itu dari segi tujuan untuk melindungi penunggang dan pembonceng motosikal dan pemandu serta penumpang hadapan kenderaan, penggunaan topi keledar dan tali pinggang keledar akan terus diwajibkan. Kemalangan jalan raya bukanlah berpunca dari penggunaan topi keledar atau tali pinggang keledar

tetapi dari sebab-sebab yang lain termasuk sikap buruk pemandu di jalan raya seperti memandu tidak berhati-hati, memandu terlalu laju dan memandu cara bahaya.

Mengenai kenyataan Y.B. bahawa angka kemalangan di negara ini yang terus meningkat, ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa kenyataan tersebut adalah tidak benar. Bagi tahun 1986, kita telah merekodkan sejumlah 79,804 kes kemalangan jalanraya. Angka ini bagaimanapun berkurangan menjadi 76,882 kes bagi tahun 1987 iaitu satu pengurangan kira-kira 3.7% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Berkaitan dengan perbandingan kadar kemalangan jalanraya di negara Thailand, sememangnya saya akui bahawa perangkaan menunjukkan bahawa bilangan dan kadar kemalangan jalan raya di negara kita lebih tinggi. Tapi saya rasa perkara ini patut kita lihat dan nilaikan dari sudut bilangan penduduk dan jumlah kenderaan-kenderaan berdaftar di negara masing-masing. Kalau kita bandingkan Negara Thai mempunyai bilangan penduduk kira-kira 3.4 kali ganda dari jumlah penduduk negara kita ini. Tapi dari segi pemilikan kenderaan, negara kita mendahuluinya dengan 3.8 kali ganda. Jadi bolehlah kita bayangkan kemungkinan berlakunya kemalangan di antara kenderaan di sini dan di Negara Thailand.

SENJATA PERTAHANAN BRITISH—PEMBELIAN

24. Dato' Haji Zainal Abidin bin Zin minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar akhir-akhir ini Kerajaan akan membeli senjata-senjata dan alat-alat kelengkapan Pertahanan dari British dan adakah di antara kelengkapan yang akan dibeli

ini tidak termasuk alat-alat atau kelengkapan yang sudah terpakai dan berapakah pula jumlah anggaran perbelanjaan yang akan terlibat.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Memang benar Kerajaan Malaysia akan membeli beberapa peraiatan dari British. Suatu memorandum persefahaman (Memorandum of Understanding) mengenainya telah pun ditandatangani oleh kedua-dua Kerajaan. Buat masa ini senarai serta jenis barangan yang akan dibeli masih dalam kajian dan dengan itu ianya belum lagi diputuskan oleh Kerajaan sama ada di antara barangan tersebut termasuk yang sudah terpakai. Begitu juga jumlah kos yang terlibat buat masa ini masih lagi belum dapat ditentukan kerana pembelian ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat bagi tempoh 10 tahun.

BOM MELETUP SEMASA LATIHAN TENTERA

25. **Tuan Mohamad Subky bin Abdul Raof** minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah anggota dan pegawai tentera yang terkorban akibat bom yang meletup semasa latihan dari tahun 1982 hingga Ogos, 1988. Nyatakan punca serta sebab berlakunya kemalangan tersebut. Adakah kerana kecuaiannya pegawai-pegawai atau sebab-sebab lain.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang dijadualkan pada 1 November 1988 kerana kedua-dua soalan ini adalah atas perkara yang sama.

Sejak tahun 1982 hingga Ogos 1983 hanya terdapat dua tragedi bom meletup semasa anggota-anggota tentera menjalani latihan di Lapang Sasar Kem Korbart, Gurun, Kedah.

Dalam kejadian pertama yang berlaku pada 9 Julai 1987 di mana seramai 9 orang anggota tentera dari Batalion Ke-24 Rejimen Askar Melayu DiRaja telah terkorban. Setelah disiasat dan diselidiki kemalangan tersebut adalah berpunca dari kelalaian dan kecuaiannya seorang anggota tentera kerana tidak mematuhi peraturan-peraturan tertentu semasa mengendalikan bom-bom yang tidak meletup.

Manakala dalam kejadian kedua yang berlaku pada 13 Julai 1988 yang melibatkan seorang anggota tentera dari Batalion Ke-10 Rejimen Askar Melayu DiRaja telah terkorban. Kemalangan tersebut bukanlah disebabkan oleh kecuaiannya ataupun kelalaian anggota tentera, tetapi adalah berpunca daripada bom lama yang tertanam dan telah meletup semasa anggota tersebut bersama anggota-anggota yang lain menunggu giliran untuk latihan menembak lorong hutan.

Berlanjutan kejadian tersebut, kegunaan Lapang Sasar lorong hutan di Kem tersebut telah dibekukan daripada sebarang latihan untuk membolehkan siasatan yang menyeluruh dibuat bagi menentukan aspek-aspek keselamatan. Adalah ditegaskan di sini bahawa kejadian seperti ini tidaklah berleluasa dan apa jua kejadian yang boleh mengakibatkan korban nyawa dipandang berat dan kajian teliti dilakukan untuk menentukan ianya tidak akan berulang.

PENDAFTARAN HAKMILIK TANAH

26. **Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Tarikh yang manakah, iaitu sama ada tarikh pendaftaran atau tarikh pemindahan milik (alienation), yang akan diiktiraf oleh Majlis Tanah Wilayah

Persekutuan sebagai mana hakmilik tanah di Kampung Baru Jinjang dan lain-lain tempat mula berkuatkuasa;

- (b) maka, mengapakah sesuatu tarikh itu dipilih dan bukan tarikh yang satu lagi; dan
- (c) seterusnya apakah keputusan yang dibuat oleh pihak Majlis Tanah ke atas urusan perlanjutan tempoh pajakan di kawasan-kawasan ini; bilakah agaknya para penghuni kampung-kampung haru telah mula memohon kepada Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan untuk melanjutkan tempoh pajakan tanah mereka. Apakah di antara prosedur-prosedur yang terlibat.

Drs. Suleiman bin Mohamed: Soalan (a) Yang Berhormat tidak berapa jelas maksudnya. Sekiranya ianya dimaksudkan tarikh berkuatkuasa sesuatu hakmilik tanah itu, maka jawapannya ialah dari tarikh pendaftaran hakmilik tanah yang berkenaan dan bukannya tarikh tanah itu diluluskan pemberian milik. Penetapan tarikh berkuatkuasa sesuatu hakmilik tanah ini adalah seragam bagi semua hakmilik tanah dan bukannya terikat kepada tanah-tanah bermilik di kawasan Jinjang sahaja. Tarikh berkuatkuasa sesuatu hakmilik tanah itu berdasarkan kepada tarikh pendaftaran hakmilik tanah adalah mengikut peruntukan Seksyen 78 (3) Kanun Tanah Negara.

Jabatan Tariah dan Galian Wilayah Persekutuan telah menerima permohonan-permohonan daripada pemilik-pemilik tanah di Kampung Baru Jinjang Utara dan Jinjang Selatan untuk mendapatkan semula hakmilik tanahnya sejak satu tahun yang lepas. Semasa permohonan-permohonan dikemukakan, kebanyakan tanah-tanah yang berkenaan masih lagi berkuatkuasa

tempoh pajakannya. Walau bagaimanapun hampir keseluruhan hakmilik-hakmilik tanah di Kampung Baru Jinjang Utara dan Jinjang Selatan ini akan luput tempoh pajakannya selama 30 tahun pada tahun 1989 yang akan datang. Tidak ada peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara membenarkan tanah-tanah pajakan dilanjutkan semula tempoh pajakannya apabila ianya luput. Walau bagaimanapun menyedari timbulnya beberapa masalah sosial dan kemasyarakatan berhubung dengan tanah-tanah pajakan yang akan luput tempohnya, pihak Kerajaan telah menetapkan dasar untuk membenarkan Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan membuat kajian yang khusus di atas permohonan-permohonan yang berkenaan sekiranya tempoh pajakannya akan luput dalam tempoh 2 tahun yang akan datang. Pada masa ini Jabatan Tanah sedang meneliti kedudukan lot-lot perumahan dan kedai di Kampung Baru Jinjang Utara dan Jinjang Selatan untuk membolehkan satu polisi mengenainya ditentukan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan. Kajian ini meliputi kajian semula pelan susunatur, kedudukan lot, kegunaan semasa lot-lot yang berkenaan, keperluan kemudahan-kemudahan awam dan sebagainya. Mengikut jadual, keputusan mengenai permohonan untuk mendapatkan semula hakmilik tanah di kawasan Kampung Baru Jinjang Utara dan Jinjang Selatan ini akan diperolehi di dalam tahun 1989 yang akan datang.

ENAKMEN KAWALAN PENGEMBANGAN AGAMA BUKAN ISLAM

27. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah Kerajaan yang sedia maklum bahawa masyarakat kita terdiri dari berbilang kaum, dan berbilang agama dan Kerajaan telah

gagal untuk menimbang memorandum rayuan dan bantuan dari agama-agama bukan Islam terhadap Enakmen seperti "Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam yang mana Enakmen itu telah nafikan dan melucutkan hak-hak dan kemuliaan agama-agama bukan Islam untuk dipraktik dengan bebasnya kerana Enakmen begitu telah bertentangan dengan Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan apabila perkataan-perkataan seperti "Mubaligh", "Rasul", "Nabi" dan "Injil" adalah digunakan bersama-sama oleh agama-agama bukan Islam.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Nor): Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam adalah undang-undang negeri dan undang-undang itu adalah untuk mengawal dan menyekat pengembangan iktikad dan kepercayaan-kepercayaan agama bukan Islam di kalangan orang-orang yang menganut agama Islam. Saya telah meneliti Enakmen itu dan mendapati tidak ada satupun peruntukan yang boleh difahami sebagai menafikan atau melucutkan hak-hak kebebasan beragama yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan Artikel 11 (1) itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1989

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas

masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$7,878,873,740 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1989, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1988, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (26hb Oktober, 1988).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bakri.

3.37ptg.

Tuan Chua Jui Meng (Bakri): Tuan Yang di-Pertua, penswastan dalam bentuk yang simple sekali, i.e., (in the simplest form), dengan izin, seperti kawasan meletak kereta juga dihadkan kepada Bumiputera sahaja. Contoh-contoh lain ialah:

- (a) Terminal Kontena Kelang yang diberi kepada satu anak syarikat Permodalan Nasional Berhad dengan penyertaan asing sahaja.
- (b) Ketiga-tiga lesen untuk mengangkut kontena jalan di Semenanjung Malaysia telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat milik penuh Bumiputera.

- (c) Stesen TV persendirian Malaysia yang pertama — Sistem Televisyen Sendirian Berhad — yang dimiliki penuh oleh Bumiputera dengan penyertaan kecil oleh kaum India.

Pemberian projek-projek penswastan ini tanpa tender dan tidak termasuk penyertaan. bukan Bumiputera adalah jelas menyimpang dari semangat dan niat D.E.B. dan juga hak Perlembagaan bukan Melayu.

Tiada dalam formulasi D.E.B. dikatakan penyusunan semula ekuiti termasuk pengeluaran tender hanya kepada satu kaum sahaja. Bukan sahaja polisi baru ini tidak berkait langsung dengan penyusunan semula ekuiti tetapi dia juga melanggar prinsip-prinsip persaingan pasaran bebas. Ini terbukti dengan monopoli satu kaum dalam industri kontena di mana kadarnya yang tinggi telah merugikan para pengeksport dan pengimport negara dan dengan itu ekonomi negara menjadi kurang persaingan.

Demi memperbaiki kecekapan ekonomi negara adalah mustahak segala penyimpangan D.E.B. ini diatasi dan semua projek penswastan dibuka kepada persaingan pasaran bebas kepada syarikat-syarikat Bumiputera dan bukan Bumiputera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang beralih kepada satu topik yang lain iaitu mengenai pendidikan. Masalah terbesar yang membimbangkan rakyat Malaysia keturunan Cina ialah pendidikan. Ketidakpuasan dan kemarahan orang-orang Cina yang semakin meningkat dengan perkembangan dalam pendidikan tidak dapat difahami tanpa satu penilaian tentang apa yang dipersepsikan oleh orang-orang Cina

tentang hak mereka dalam bidang pendidikan.

Pada asasnya kaum Cina sebagai warganegara Malaysia patutlah mereka dan anak-anak mereka diberi layanan yang adil dalam semua bidang, khususnya dalam pendidikan. Sementara itu mereka berharap Kerajaan bertanggungjawab memberi layanan yang saksama dan adil kepada semua komuniti dalam pendidikan selaras dengan prinsip keadilan dari segi kebudayaan dan komuniti seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Oleh yang demikian, mereka menyokong dasar-dasar pendidikan negara yang mementingkan perpaduan, merit, ketekunan dan yang membina satu masyarakat yang mahir, liberal dan bertoleransi.

Atas asas inilah kaum Cina menyokong Ordinan Pendidikan 1957 yang menyatakan — Dasar Pendidikan Persekutuan ialah untuk menubuhkan satu sistem pendidikan nasional yang dapat diterima oleh seluruh rakyat jelata yang dapat memenuhi kehendak mereka serta meningkatkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik mereka dengan tujuan menjadikan Bahasa Malaysia Bahasa Kebangsaan negara ini di samping menjaga dan memelihara pertubuhan bahasa dan kebudayaan kaum bukan bumiputera di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kenyataan di atas juga menyokong Artikel 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pelajaran 1961 atas asas-asas yang berikut:

- (a) mendasarkan prinsip kesaksamaan layanan dalam sistem pendidikan negara kepada semua golongan muda-mudi kita;
- (b) mengiktiraf keperluan, menjaga dan memelihara pertubuhan bahasa dan kebudayaan bukan Melayu di negara ini;

- (c) mendesak Kerajaan menubuhkan dan membangunkan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di mana bahasa ibunda bukan Melayu dijadikan bahasa pengantar.

Semasa D.E.B. dilaksanakan pada tahun 1970, kaum Cina mendapat jaminan, Kerajaan bahawa dalam bidang pendidikan seperti dalam bidang ekonomi mereka tidak akan merasa kerugian atau perlucutan hak. Malangnya, polisi dan tindakan Kerajaan, khasnya sejak D.E.B. telah menunjukkan bahawa berbagai janji mengenai pendidikan yang dibuat kepada komuniti bukan Melayu. termasuk kaum Cina hanya cakap sahaja. Bukan sahaja sikap Kerajaan terhadap bahasa-bahasa bukan Melayu yang menimbulkan kemarahan, kemarahan mereka ialah dengan keseluruhan polisi-polisi Kerajaan yang membahagikan golongan muda kita kepada dua kumpulan — bumiputera dan bukan bumiputera dengan segala tindakan Kerajaan berasaskan kepada pembahagian ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diketahui bahawa Kerajaan telah cuba menubuhkan institusi-institusi pendidikan yang hanya mengambil pelajar-pelajar bumiputera dan yang tidak dibuka kepada pelajar-pelajar bukan Melayu. Misalnya, Maktab-maktab Rendah Sains MARA dan Sekolah-sekolah Berasrama Penuh yang banyak ditubuhkan sejak pelaksanaan D.E.B.

Menurut Rancangan Malaysia Kelima, 30 buah sekolah berasrama penuh telah ditubuhkan dengan pengambilan 16,073 pelajar semuanya bumiputera. Maktab-maktab Rendah pula

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:Boleh minta penjelasan?

Semalam saya ada minta penjelasan dengan Yang Berhormat dari Bakri. apabila saya bertanya sama ada beliau bersetuju atau tidak dengan Dasar Ekonomi Baru atau mengenai dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, dan tadi saya dengan Yang Berhormat membangkitkan soal-soal kemasukan pelajar-pelajar ke pusat-pusat pengajian tinggi atau terutamanya di maktab-maktab sebagaimana yang dimaksudkan sebentar tadi. Apakah Yang Berhormat Bakri menyedari bahawa sepanjang tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sehingga hari ini, kaum bumiputera, khususnya orang-orang Melayu masih lagi ketinggalan dari segi pencapaian kuota, terutama dalam bidang-bidang profesional, bidang-bidang perubatan, arkitektur dan sebagainya, ini untuk menyebut sebagai contoh. Saya kira perkara yang diungkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Bakri itu menggambarkan sifat politik perkauman yang masih lagi diungkit oleh Parti MCA dalam komponen Barisan Nasional.

Tuan Chua Jui Meng:Jawapansaya pada hari semalam kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah jelas, MCA sepenuh-penuhnya menyokong Dasar Ekonomi Baru, tetapi kita tidak menyokong persimpangan daripada Dasar ini.

Saya sebutkan satu artikel sahaja dalam Perlembagaan yang akan menerangkan apa yang disoalkan tadi ialah Yang Berhormat, dengan izin:

"12. Without prejudice to the generality of Article 8 — it equality article — there shall be no discrimination against any citizen on the grounds only

of religion, race, decent or place of birth—

ta) in the administration of any educational institution maintained by a public authority, and, in particular, the admission of pupils or students or the payment of fees".

Itulah perlembagaan negara kita yang begitu jelas menjawab soalan daripada kawan saya daripada Parti Bebas. Dengan soalan profesional.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat

Tuan Chua Jui Meng: . . . saya belum habis, soalan ini belum habis. Mengenai soalan profesional yang sering ditimbulkan sebagai satu faktor menunjukkan kekurangan orang Melayu dalam bidang profesional, saya hendak menitikberatkan di sini pada tahun 1983 mengikut laporan Department of Statistics iaitu lima tahun kebelakangan ini kaum bumiputera sudah sampai kepada satu tahap yang cukup lumayan seperti dalam bahagian surveyors sudah sampai 35% dalam bahagian engineers 33.5%, dalam Architecture 30% dan dengan memberikan biasiswa yang banyak yang saya akan tekankan selepas ini. Sebab itu banyak lagi orang bumiputera selepas 1983 diberikan biasiswa dan latihan untuk menjadikan mereka profesional.

Tuan Yang di-Pertua, lagipun di bawah Rancangan Malaysia Kelima, MARA mendapat \$1 billion. . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun.

Tuan Chua Jui Meng: saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan sebab ucapan saya panjang.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Kalau banyak masa, saya minta penjelasan sedikit sahaja.

Tuan Chua Jui Meng: Saya teruskan, saya tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Yang Berhormat dari Bakri, saya sedang berfikir sama ada ucapan Yang Berhormat itu tidak bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 36 (10) (c) (*Tepuk*). Saya curiga jikalau sekiranya saya benarkan bunyi begitu, ahli-ahli yang lain akan berhak menjawab begitu juga. Kalau begitu akan bercanggah dengan 36 (10) (c).

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang lepas-lepas kita tidak pernah membenarkan ucapan yang begitu punya lantang. Dengan kerana perkara begitu akan menerbitkan satu perasaan yang dikatakan di sini bersakit-sakit hati

Tuan Chua Jui Meng: Tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi ialah perkara yang dibimbang oleh orang bukan Bumiputera di negara ini. Kalau saya tidak menyebutkan di sini dan di Dewan yang mulia ini yang mempraktikkan demokrasi, di mana tempat lain yang saya boleh menimbulkan perkara-perkara ini? Ini adalah untuk kebaikan Kerajaan, sebab di mana ada penyimpangan boleh dibetulkan. Itulah harapan saya. Apa-apa fakta yang ditunjukkan oleh

saya adalah didapati daripada perangkaan yang diberi oleh Kerajaan dan Rancangan Malaysia yang ada daripada Department of Statistics dan lain-lain

Tuan Mohd. Tanuin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta jalan sedikit. Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri kerana telah memberi penerangan di atas point of order 36 (10) (c), Perkara yang ditimbulkan adalah amat sensitif sekali dan dijawab oleh Yang Berhormat dari Bakri bahawa inilah tempat yang hendak dicurahkan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat dari Bakri dan rakan-rakannya sama ada beliau sanggup menerima hujah-hujah daripada kita back-bencher khususnya daripada UMNO untuk mengatasi masalah perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Bakri.

Yang keduanya, Yang Berhormat dari Bakri bercakap begitu lantang sekali seolah-olah beliau ini berada di parti Pembangkang, parti yang beliau wakili ini tidak mempunyai wakil di dalam Kerajaan, iaitu dalam Kabinet. Saya ingin tahu - apakah yang dilakukan oleh wakil-wakil MCA di dalam Kabinet? Ini jelas membuktikan bahawa kalau wakil-wakil di dalam Kabinet menjalankan tugasnya seperti yang dikehendaki oleh partinya, perkara ini tak payah bincang di sini, perkara ini semua boleh dibincangkan di dalam Kabinet tetapi dibawa ke dalam Dewan ini. Jadi saya hendak tanya apakah cadangan Yang Berhormat dari Bakri kepada wakil-wakilnya di dalam Kabinet sama ada bertindak lebih tegas atau mereka itu digantikan, Yang Berhormat dari Bakri boleh

menggantikan satu-satu tempat di Kabinet nanti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bakri, saya mintalah sebelum Yang Berhormat meneruskan ucapan Yang Berhormat itu, perkara yang kita takut-takut itu jangan ditimbulkan. Saya haraplah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, point of order 35 (7), iaitu Tuan Yang di-Pertua boleh menghadkan masa bagi seseorang ahli berucap. Masa untuk kita membahas Belanjawan

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya sudah buat macam itulah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebab

Tuan Yang di-Pertua: Janganlah, saya sedang buat kerja apa Yang Berhormat minta itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Supaya selepas ini tiap-tiap ahli Dewan kalau dibenar berucap sejam seorang, saya pun pohon untuk berucap masa yang sama seperti ahli-ahli yang lain. Kalau tidak, selepas ini kita hanya dibenar berucap 10 atau 15 minit, ini tidak adil. Jadi saya mintalah budibicara Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bakri, bolehkah Yang Berhormat menyempangkan daripada perkataan-perkataan yang boleh bercanggah dengan 36 (10) (c)?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, jika Tuan Yang di-Pertua buat satu keputusan apa yang saya sebutkan daripada rancangan-rancangan Malaysia dan daripada perangkaan yang diberi oleh Kerajaan tidak boleh ditimbulkan, saya akan menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya ingin menekankan di sini daripada kita lihat

dalam rancangan-rancangan Malaysia. polisi-polisi diagihkan mengikut kaum dan jika saya tidak boleh sebut mengenai kekurangan peruntukan kepada orang hukan bumiputera. manalah hak demokrasi ahli-ahli di Dewan ini. Kalau saya sebutkan perangkaan-perangkaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang membuat Peraturan Mesyuarat ini bukan saya yang membuat Peraturan Mesyuarat 36 itu yang mengatakan bahawa ucapan-ucapan yang boleh membangkitkan perasaan sakit hati di antara kaum itu hendaklah jangan dikeluarkan dalam ucapan-ucapan di dalam Dewan. Jadi saya hanya menjalankan kuasa yang telahpun diberi kepada saya.

Tuan Chua Jui Meng: Bolehkah saya sebagai seorang Ahli Parlimen di Dewan ini menunjukkan peruntukan yang diberi kepada satu kaum dan kaum lain. Adakah saya ada hak seperti itu?

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau sekiranya itu tidak menyakitkan hati boleh. Saya minta teruskan kerana masih ada banyak lagi yang hendak berucap.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, lagi pun di bawah Rancangan Malaysia Kelima MARA mendapat \$1.8 billion peruntukan dan merancang menubuhkan 45 buah Kolej Sains Rendah MARA dan 14 buah institusi-institusi vokasional ini Begitu juga.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua. saya telah minta penjelasan tadi daripada

Yang Berhormat dari Bakri, saya hendak tahu apakah tugas wakil-wakil MCA di dalam Kabinet. Mengapa kalau MARA diperuntukkan \$1.8 billion sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Bakri dan mungkin new village kurang, saya percaya ini perkara yang hendak ditimbulkan, apakah yang dilakukan oleh wakil-wakil MCA di dalam Kabinet, mengapa tidak dibangking di dalam sana, mengapa di sini hendak jadi jaguh tetapi di dalam tidak bercakap apa-apa. Ini saya minta Yang Berhormat dari Bakri untuk memberi penjelasan perkara ini.

Tuan Lee Kim Sai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, minta penjelasan daripada siapa? Daripada Yang Berhormat dari Batu Berendam tak boleh, kerana dia yang minta penjelasan.

Tuan Lee Kim Sai: Minta penjelasan. Memberi penjelasan kepada penjelasan yang diminta oleh wakil dari Batu Berendam.

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh macam itu, dengan kerana bukan kepada orang yang berucap tadi. Yang Berhormat dari Bakri, sila teruskan.

Tuan Chua Jui Meng: Tak payah jawab soalan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Ikut suka hati Yang Berhormat.

Tuan Chua Jui Meng: Teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Itu terpulang.

Tuan Chua Jui Meng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga dianggarkan bahawa seramai 109,000 pelajar bumiputera akan memasuki institusi-institusi vokasional MARA dan 18,700 pelajar bumiputera lain anjuran MARA akan meneruskan

pendidikan tinggi mereka ke luar negari. Sementara itu sehingga tahun 1985 peruntukan perbelanjaan awam bertambah bagi bumiputera yang disalurkan melalui JPA kepada Program Universiti Luar Kampus. Di bawah program ini 20 buah universiti Amerika Syarikat di bawah naungan West University Consortium for International activities.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Boleh sedikit sahaja?

Tuan Chua Jui Meng: Tak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan.

Tuan Chua Jui Meng: akan menghantar lebih daripada 100 orang professor Amerika ke Malaysia untuk menyediakan pelajar mengikut program ijazah dalani sastera, sains dan kejuruteraan. Di bawah program ini juga pelajar juga disediakan memasuki universiti-universiti di Britain, Australia dan Kanada. Program ini hanya dibuka kepada satu kaum sahaja dan sejumlah wang bernilai 300.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, point of order

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat tak menghormati apa yang saya sebutkan tadi. Saya minta Yang Berhormat jangan meneruskan ucapan macam itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah minta, sudahlah Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak, saya hendak nyatakan 36 (c) walaupun Tuan Yang di-Pertua sudah minta. saya hendak beritahu Yang Berhormat dari Bakri, kalau hendak tuntutan hak kaum—bukan Melayu—boleh tuntutan, kita pun sedia memberi sokongan, tetapi jangan bangkit soal kaum, jangan bangkit soal hak orang Melayu. Katau tak puas hati, saya cadangkan MCA boleh keluar Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas, sudahlah. Yang Berhormat dari Bakri, sila, jangan sentuh perkara-perkara yang saya tegahkan tadi.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah contoh-contoh pelaksanaan dasar yang tidak adil dan saksama yang telah menimbulkan perasaan frustrasi dan kemarahan di kalangan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bakri, saya minta Yang Berhormat sila duduk! Yang Berhormat dari Pasir Mas hendak bercakap, sila.

3.58 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin turut mengambil bahagian untuk turut membahas Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dan juga usul yang telah dibuat oleh Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana biasa seperti Belanjawan tahun-tahun lalu di waktu saya ikut turut membahas Belanjawan yang dibentangkan oleh Kerajaan, kita memberi beberapa pandangan dan teguran yang kita kira boleh dipergunakan ataupun boleh diberi

perhatian oleh pihak Kerajaan untuk bersama-sama mencari jalan bukan sahaja bagi membangun negara kita dalam konteks keadilan dan kebenaran tetapi juga bagi memberi dan memastikan setiap rakyat menikmati khususnya belanjawan-belanjawan yang dibentang pada setiap tahun.

Sebelum saya meneruskan pandangan-pandangan saya yang berhubung dengan perkara-perkara dasar, mungkin, saya inginlah menyentuh dua tiga perkara yang saya harap pihak Menteri Kewangan dapat memberi perhatian ataupun menjawab di waktu menggulung perbahasan Belanjawan ini. Pertama, kita dapati bahawa Belanjawan pada tahun ini adalah belanjawan kononnya untuk kakitangan Kerajaan kerana kenaikan gaji.

Saya turut bersama-sama kakitangan Kerajaan berasa syukur dengan langkah Kerajaan menaiki gaji pegawai-pegawai Kerajaan daripada Kumpulan A, B dan C. Biar pun kenaikan ini tidak seberapa kalau diukur dari segi bebanan yang terpaksa mereka tanggung di masa ini, namun kenaikan itu turut menggambarkan, kalau boleh disebut, kononnya kepekaan kepimpinan terhadap tuntutan rakyat. Kalau pun ianya dapat ditakrifkan kepekaan pihak Kerajaan, namun begitu kenaikan gaji ini sebenarnya adalah hak kakitangan Kerajaan. Sebenarnya kakitangan Kerajaan sudah terlewat kurang lebih 3 tahun, kerana mengikut amalan umum bahawa kakitangan Kerajaan mendapat penyesuaian gaji apabila disemak setiap 5 tahun sekali.

Sebenarnya, seperti kita sedia maklum, penyesuaian gaji sudah tentu telah lama menyemak dan menyetujui kenaikan tersebut, malangnya selepas 8 tahun seperti saya sebut, baharulah kenaikan ini diperkenalkan oleh pihak Kerajaan.

Ini menggambarkan yang kenaikan dan jumlah itu tidak setimpal dengan keperluan kakitangan di masa ini. Kenaikan yang kecil ini tentulah tidak memberi pertambahan pendapatan benar yang tinggi kepada kakitangan Kerajaan. Ini dapat dilihat dari kejatuhan nilai ringgit kita yang sangat teruk sejak 3 tahun kebelakangan ini. Di samping itu kenaikan ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi inflasi di negara ini. Kalau hal ini terjadi bermakna pendapatan benar mereka jauh lebih kecil dari apa yang dijangkakan oleh mereka.

Apa yang membimbangkan rakyat bahawa kenaikan ini tidak lebih daripada kita sentiasa, kalau ada sedikit sebanyak untuk rakyat, suka sangat gembir-gembir lebih-lebih lagi dalam keadaan-keadaan menghadapi masalah dan tempas masalah juga akan melanda rakyat keseluruhannya, terutama golongan petani, buruh dan kaum nelayan. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan yang telah dibentang, ada perkara-perkara yang agak menarik iaitu 5% cukai basikal diturunkan, kalau tidak silap saya. Kita percaya ini adalah untuk kegunaan orang ramai, tetapi saya harapkan ianya tidak memberi faedah atau diambil faedah oleh mereka yang mengeluarkan ataupun mereka yang memegang saham dalam syarikat-syarikat basikal yang tertentu.

Begitu juga penjualan saham, di mana dahulu diadakan cukai, sekarang ini dikurangkan di mana kita tahu bahawa orang-orang yang memegang saham ini adalah orang-orang yang mempunyai pendapatan-pendapatan yang besar yang memiliki saham-saham ini, manakala mereka ini diturunkan cukai, pada masa yang sama, cukai-cukai jualan dinaikkan. Di sinilah saya nampak pada umumnya Belanjawan ini mengemparkan, tetapi apabila dilihat di dalam ataupun secara depth, Belanjawan yang dibentangkan ini

nampaknya ianya tidaklah seindah sebagaimana yang digembar-gemurkan.

Selain daripada itu saya juga ingin mendapat penjelasan mengenai dengan South East Asia Bank yang ditubuh di Mauritius baru-baru ini. Saya ingin bertanya kenapakah Bank Bumiputra tidak menubuhkan cawangan 100% selain daripada memegang 20% seperlimana yang kita dimaklumkan dan siapakah yang memegang saham 80% lagi di dalam Bank South East Asia di Mauritius itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah berbalik kepada perbincangan Belanjawan yang saya ingin kemukakan di sini. Pertama ialah mengenai dengan Dasar Ekonomi Baru kerana setiap Belanjawan kita tidak boleh pisahkan dengan pencapaian Dasar Ekonomi Baru daripada tahun ke tahun, kerana Dasar Ekonomi Baru, sebagaimana yang kita sedia maklum, telah dirancangan supaya menjadikan senjata keramat untuk memandu negara ke arah kesempurnaan selepas tragedi 13hb Mei, 1969. Matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula dan membahagikan kekayaan negara telah menjadi satu azimat kepada rakyat. Mereka menerima dengan penuh keyakinan dan kesyukuran.

Matlamat menyusun semula kekayaan di bawah Dasar Ekonomi Baru telah di rancang bukan sahaja untuk mengurangkan pemilikan asing yang agak keterlaluan tetapi juga penguasaan kaum tertentu ataupun kaum pemodal lebih tepat, yang sedikit terhadap industri, ekonomi dan perniagaan negara. Telah menjadi matlamat seluruh umat Melayu melalui Dasar Ekonomi Baru untuk menambahkan saham syarikat bumiputera kepada 30% dari jumlah milik saham menjelang tahun 1990, berbanding dengan 40% bagi

pemastautin Malaysia dan 30% lagi bagi pemastautin asing. Melalui Dasar Ekonomi Baru juga di harap untuk menyusun semula modal manusia melalui satu strategi penyusunan semula guna tenaga di mana ianya merupakan satu pelaburan yang besar dalam pembangunan sumber manusia. Melalui Dasar Ekonomi Baru inilah maka diharapkan penyusunan semula masyarakat dapat dilaksanakan.

Di samping Dasar Ekonomi Baru dirancangan bertujuan menyesuaikan ekonomi negara kita dengan gelombang nasionalisme ekonomi di negara dunia ketiga yang baharu merdeka yang ingin mewujudkan peluang pekerjaan dan menguasai serta memiliki sumber alam dan modal. Dalam mencapai cita-cita bangsa dan negara yang besar ini, kita telah menjadikan sistem pemegang amanah sebagai senjata keramatnya, di mana kekayaan dan kegagalan matlamat Dasar Ekonomi Baru bergantung rapat dengan pemegang-pemegang amanah itu. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini sedia maklum, bahawa, melalui sistem ini keputusan mengenai peruntukan belanjawan dan sumber serta keutamaan pelaburan dilakukan mengikut peraturan dan cara yang ditetapkan oleh pemegang amanah.

Di samping ini kuasa terhadap sumber ekonomi berada di tangan pemegang amanah dan terpisah dari pihak yang memilikinya. Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia telah arif tentang pemegang-pemegang amanah yang terdiri dari sekumpulan kecil yang membuat keputusan politik di samping terdapat sekumpulan besar pegawai dan kakitangan perkhidmatan yang hanya bertindak sebagai orang tengah dalam melaksanakan, menjalankan dan mengawal program dan projek yang ditentukan. Dengan itu sejak dari awal-awal lagi dasar ini telah menjanjikan kepada kita bahawa

kejayaan dan kegagalan bergantung rapat kepada keputusan pemegang amanah dan cara keputusan itu dilaksanakan. Kita sedar bahawa sistem keramat Dasar Ekonomi Baru ini boleh membangunkan bangsa kita sekiranya ianya dipandu oleh mereka yang bertanggungjawab dan amanah. Kita sesama yakin bahawa Dasar unggul ini dapat menyelesaikan masalah kemiskinan dan menghapuskan pengenalan-pengenalan peranan ekonomi kaum jauh lebih berkesan dari sistem kapitalisme dan sosialisme.

Tuan Yang di-Pertua, selepas melihat keadaan sekeliling, selepas meninjau proses fahaman antara kaum kesan daripada 13hb Mei, selepas mempersediakan keyakinan seluruh umat Melayu, akhirnya kita menjanjikan kepada rakyat bahawa Dasar Ekonomi Baru akan mampu melahirkan sebuah masyarakat Malaysia baru yang lebih unggul, yang lebih bermaruah dalam jangkamasa 20 tahun iaitu berakhirnya tahun 1990. Sekarang Dasar Ekonomi Baru telah berjalan hampir ke penghujungnya, satu perjalanan yang sepatutnya telah menyerlahkan kejayaan yang dapat memandikan rakyat dengan kemewahan dan kesenangan, satu perjalanan yang sepatutnya telah dapat mencungkil rakyat dari lopak serta lembah kemiskinan dan kepahitan, satu perjalanan di penghujung yang sepatutnya akan disambut dengan satu pesta kejayaan. Tetapi apa yang jelas, semakin hampir ke penghujung, semakin mengerunkan, semakin dekat ke garisan penamat, semakin membimbangkan para pemimpinnya sendiri dan seluruh rakyat pada amnya.

Cubalah kita toleh ke arah kehidupan rakyat yang telah lama kita pesonakan dengan senjata keramat Dasar Ekonomi Baru, adakah kemiskinan di sekeliling kita, termasuk semua kaum telah terhakis

dan terpahat oleh Dasar Ekonomi Baru, sedangkan mereka sedar, di masa awal Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, sedikit demi sedikit kemiskinan terhakis di halaman penghidupan mereka, tetapi kenapakah menjelang penghujung jalan, kemiskinan kembali bersisik dan berlumut di dadah penghidupan mereka. Adakah suatu masyarakat Malaysia baru yang dapat menonjolkan aktiviti ekonomi yang hampir serupa dengan semua kaum telah terjelma, rakyat dengan penuh keperihatinan telah menunggu agar sebuah dunia baru dapat lahir dan menjelma di tengah-tengah ketidaksempurnaan pembahagian aktiviti ekonomi selama ini. Tentulah mengecewakan rakyat di mana pada awal perjalanan Dasar Ekonomi Baru ini berbayang kelahiran sebuah masyarakat baru yang telah nyata, tetapi berbayang itu semakin pudar dan padam bila Dasar Ekonomi Baru hampir memecah garis penamat, maka keyakinan rakyat mula pudar dan menipis terhadap Dasar Ekonomi Baru. Akhir-akhir ini rakyat mulai mempersoalkan kejujuran Kerajaan dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Kita tidak harus sensitif kepada teguran dan pandangan rakyat ini. Kita seharusnya dengan dada yang terbuka dan fikiran yang menerima harus melihat sungutan rakyat ini sebagai pertanda bahawa rakyat semakin faham dengan hak-hak mereka dan tanggungjawab yang mereka serahkan kepada Kerajaan. Kepimpinan harus sedar bahawa telah ramai di kalangan pemuja-pemuja D.E.B. di kalangan rakyat telah meninggalkan alam maya ini. Mereka telah pergi bersama bungkusan kekeciwaan dan meninggalkan anggota keluarga yang juga dipeluk kesangsian. Akhirnya lahirlah kata-kata keramat di kaiangan rakyat yang keciwa iaitu "Hidup bersanji janji dan mati membawa harapan".

Kepada siapa harus dipersalahkan jika keyakinan rakyat semakin menipis terhadap D.E.B. Adakah kita harus menuding kepada rakyat sambil menyelar mereka dengan tuduhan yang mereka tidak sabar, sedangkan perjalanan D.E.B. telah hampir ke hujung? Adakah kita harus persalahkan kepada ekonomi dunia yang mengalami gangguan sejak kebelakangan ini?

Kerajaan boleh menyanyikan segala jenis lagu melalui media massa untuk menyedarkan rakyat, Kerajaan boleh mengangkat suara hingga menujuh langit dengan mengkritik kelemahan perjalanan ekonomi dunia. Soalnya adakah larangan seperti ini dapat memberi keyakinan kepada rakyat? Adakah dengan mengalih perhatian rakyat kepada arah iain itu sudah boleh menebus perkara-perkara kelemahan yang berlaku di sekeliling kita? Saya tidak yakin segala alasan dapat membeli keyakinan rakyat. Rakyat arif dengan masa perjalanan D.E.B. hampir tamat. Rakyat dapat melihat perubahan-perubahan dasar penyelewengan yang telah dilakukan oleh beberapa orang sepertimana yang kita dengar projek-projek besar mengalami kegagalan. Rakyat tahu tentang pertumbuhan ekonomi dunia dan kemajuan ekonomi negara-negara ASEAN yang boleh dibuat perbandingan..

Bolehkah rakyat menerima dengan dada yang terbuka bahawa kelembapan kemasukan modal asing hanya semata-mata kerana kelembapan ekonomi dunia, sedangkan mereka sedar semasa dilancarkan D.E.B. keadaan ekonomi hampir serupa, tetapi Allahyarham Tun Abdul Razak berjaya membawa masuk pemodal-pemodal asing. Bukankah ini membuktikan bahawa kepimpinan yang baik adalah seperti ubat mujarab yang boleh mengubati

penyakit dalam apa pun keadaan. Bolehkah rakyat menghalalkan penyelewengan mutlak D.E.B. kepimpinan menarik balik peruntukan penyertaan bumiputera sebanyak 30% dalam syarikat asing yang mahu melabur di negara ini? Apakah rasionalnya tindakan ini yang kita lihat bertentangan dengan semangat D.E.B. itu?

Alasan untuk menarik pemodal asing di masa kemelesetan ekonomi dunia sahaja tidak dapat menghalalkan tindakan itu kerana Allahyarham Tun Abdul Razak juga menghadapi zaman yang serupa tetapi beliau dengan penuh semangat nasionalisme dapat mengatasinya. Kepimpinan perlu insaf bahawa penyelewengan itu tidak boleh ditebus dengan sebarang kata-kata manis dan jeritan-jeritan slogan. Tuan Yang di-Pertua, percayalah segala bentuk kelernahan itu tidak akan dihalalkan oleh rakyat.

Seperti yang kita sedia maklum, salah satu daripada tujuan D.E.B. adalah bertujuan menyusun semula masyarakat. Sasaran dasar penyusunan semula pekerjaan dari segi kaum yang perlu dicapai pada tahun 1990 telah dijelaskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Jadual IV, halaman 79 iaitu pengurangan peratusan orang Melayu di sektor utama iaitu dari 67.1% pada tahun 1970 kepada 61.4% pada tahun 1990. Kedua, kenatkan peratusan orang Melayu dalam pekerjaan bukan pertanian dari 38% pada tahun 1970 kepada 49.8% pada tahun 1990. Ketiga, perubahan selaras dalam peratusan orang bukan Melayu terutama sekali peratusan orang-orang Tionghua di sektor utama.

Perindustrian telah dipilih sebagai sektor maju yang akan bawa kepada pembangunan pesat di mana ianya diharap dapat menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan

pengenalan kaum dengan peranan ekonomi. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, perenggan 27, halaman 7, kita dapati ianya jetas memberi gambaran kepada kedudukan yang sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada Kajian Ling melalui "Ownership and Control of the One Hundred Largest Corporations in Malaysia" mengatakan bahawa trend agihan pemilikan saham di kalangan 797 pemilik saham utama adalah membimbangkan di mana pembahagian milik saham 90% ke bawah dari 797 pemilik saham telah merosot daripada 24.3% dalam tahun 1975 kepada 22.3% pada tahun 1983. Sebaliknya, 10% teratas dapat meningkatkan bahagian mereka daripada 75.7% kepada 77.7% dalam jangka masa yang sama. Yang paling mendapat nikmat ialah 8 pemilik saham terbesar yang merupakan 1% teratas iaitu lapisan terkaya dari golongan atasan yang memiliki saham yang terus meningkat dari 29.15% kepada 32.23%.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya kita khususnya orang-orang Melayu ataupun kaum bumiputera merasa senang dan gembira kerana D.E.B. telah dipandu dengan begitu berjaya. Kejayaan-kejayaan awal telah menunjukkan D.E.B. boleh mencapai matlamatnya. Sehingga pada tahun 1983 individu dan agensi amanah bumiputera memiliki 18.7% dalam semua syarikat saham modal. Permastautin Malaysia lain 47.7% dan pemastautin asing memiliki 33.6%. Kejayaan ini bergantung kepada perjalanan Yayasan Pelaburan Bumiputera yang ditubuhkan pada Januari 1978 yang bertujuan merumuskan dasar dan garis panduan bagi penyertaan bumiputera dalam pelaburan saham di mana akhirnya PNB ditubuhkan pada 1978 iaitu bulan Mac sebagai badan perniagaan atas pemilihan dan pengendalian saham syarikat berhad.

Seterusnya pada Mei 1979 Amanah Saham Nasional ditubuhkan sebagai anak syarikat milik penuh PNB untuk menjual saham kepada bumiputera. Tetapi ini semua sepertimana saya gambarkan dalam Kajian Ling tadi menggambarkan atas kecuaiannya, maka kita dapati tidaklah seburuk tuduhan di dalam buku yang disebutkan oleh Tan Tuck Wai dalam "Income Distribution and Determination in West Malaysia" iaitu agihan saham syarikat adalah lebih tidak saksama dari agihan pendapatan, sedangkan agihan pendapatan di Malaysia antara yang terburuk di dunia.

Sebenarnya, terdapat penyelewengan-penyelewengan dalam pengendalian syarikat-syarikat dan perusahaan awam. Mengikut data yang diperolehi oleh Marvis, jumlah kerugian 18 buah anak PKN iaitu \$162.9 juta tahun 1980; 10 anak syarikat MARDEC mengalami kerugian sebanyak \$67.6 juta pada tahun 1979; Syarikat Jengka mengalami kerugian sebanyak \$37.1 juta pada tahun 1978 dan ketiga-tiga anak syarikat MISC dibubarkan pada tahun 1980. Kementerian Perusahaan Awam telah mengemukakan pada tahun 1984 iaitu 125 anak syarikat PKN mengalami kerugian sebanyak \$360.6 juta. Ini saya sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan projek-projek ataupun syarikat-syarikat kecil, tidak termasuk projek-projek besar.

Di samping itu kita juga mendengar masalah yang dihadapi oleh beberapa syarikat yang dimiliki oleh agensi-agensinya Kerajaan. Semua masalah ini harus dipandang serius oleh pihak Kerajaan kerana kegagalan ini adalah kegagalan Dasar Ekonomi Baru. Biar pun D.E.B. sudah hampir ke penghujung, matlamat utama untuk menghapuskan kemiskinan nampaknya akan gaga) di mana kita lihat pihak pemegang amanah telah mengalihkan banyak sumber ekonomi untuk membiayai pengumpulan kekayaan di

bawah ataupun segelintir golongan. Akibatnya bahagian untuk membasmi kemiskinan telah merosot.

Sepertimana yang kita lihat begitu banyak projek-projek besar dibuat di bandar-bandar tetapi kalau dilihat dari segi agihan untuk di luar bandar, wataupun dijanji apa yang dikatakan 34% belanjawan untuk luar bandar, pada mata kasarnya adalah jauh bezanya. Pemilikan kekayaan secara amanah atas nama kaum bumiputera langsung tidak mengurangkan kemiskinan. Kalau pihak pemegang amanah dan Kerajaan, tiada sebabnya mengapa kemiskinan tidak boleh dihapuskan di Malaysia dalam masa yang singkat. Rata-rata merasakan menjelang tahun 1990 matlamat D.E.B. tidak akan tercapai. Bagaimana dengan strategi pembangunan Malaysia melalui D.E.B. ini sama ada untuk diteruskan, melanjutkannya atau merobohkannya. Inilah di antara perkara-perkara yang saya kira penting di dalam mengambil bahagian membahas Belanjawan ini iaitu mengenai dengan pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Dan satu lagi ialah mengenai dengan pencapaian usahawan-usahawan bumiputera.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya telah menyatakan antara lain menggesa pihak-pihak bank, institusi kewangan supaya tidak keras dengan usahawan-usahawan bumiputera, tetapi pada masa yang sama kita lihat usahawan-usahawan bumiputera diburu oleh pihak-pihak institusi kewangan dalam keadaan apa yang dikatakan ekonomi meleset. Kalau kita lihat kepada mereka yang menggulung tikar, yang diambil tindakan, harta-harta yang dilelong, ianya amat menakutkan sekali, ianya sama sekali menggelapkan apa yang dikatakan strategi keramat Dasar Ekonomi Baru itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan apa yang saya sebutkan ini masalah kemiskinan ialah pengangguran, selagi masalah pengangguran tidak diatasi, maka selagi itulah masalah kemiskinan akan berterusan. Pengangguran dan guna tenaga memang merupakan masalah rumit, tetapi ianya satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh Kerajaan, akibat pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan pembaziran sumber kewangan, maka kadar pengangguran kini amatlah tinggi.

Menurut Rancangan Malaysia Kelima, kadar pengangguran di negara ini telah meningkat daripada 5.7% kepada 7.6% iaitu tahun 1980 dan tahun 1985 dan dijangka melebihi 10.1% pada akhir tahun 1980an dan sekarang ini dikatakan pengangguran sudahpun melebihi 11%. Meskipun dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat hanya 681,000 pekerjaan baru dapat diwujudkan iaitu 209,000 lebih rendah daripada yang dirancang, namun Kerajaan pada ketika itu telah mengambil beberapa langkah positif untuk mengatasi masalah pengangguran.

Dekad 80an menunjukkan kadar pengangguran yang tinggi, Rancangan Malaysia Yang Kelima menganggarkan pengangguran akan meningkat daripada 448,600 pada tahun 1985 kepada 684,200 pada tahun 1990. Kebanyakan golongan pengangguran ini terdiri daripada lepasan sekolah dan siswazah. Jika dilihat dari segi kaum pula orang Melayulah yang kian banyak menganggur.

Kadar pengangguran orang Melayu ialah 8.1% kemudian kadar ini turun kepada:

<i>Tahun</i>	<i>Kadar</i>
1975	6.1%
1980	6.5%
1983	7.0%
1985	8.7%

Sementara kaum Tionghua pula mengalami kadar pengangguran:

<i>Tahun</i>	<i>Kadar</i>
1970	7.0%
1975	6.3%
1980	3.9%
1983	4.0%
1985	5.5%

Kaum India mengalami kadar pengangguran:

<i>Tahun</i>	<i>Kadar</i>
1970	11.0%
1975	10.5%
1980	6.3%
1983	6.4%
1985	8.4%

Jelas ini menunjukkan orang-orang Melayu jauh berada di hadapan dari segi pengangguran, jika diperhatikan data tersebut dengan teliti maka jelaslah bahawa antara tempoh 1980 ke 1985 orang-orang Melayu mengalami kadar pengangguran yang tinggi jika dibandingkan dengan pihak-pihak lain. Oleh itu adalah satu perkara yang malang bagi orang-orang Melayu kerana seolah-olah ianya beban kemiskinan dan pengangguran itu merupakan milik mereka, lebih malang lagi jika dilihat tempoh pelaksanaan D.E.B. akan berakhir pada tahun 1990, sedangkan kadar pengangguran mereka tetap tinggi dan tiada tanda akan berkurangan. Kadar pengangguran yang tinggi di kalangan orang Melayu memang mudah untuk difahami. Kerajaan menerusi Rancangan Malaysia Kelima, telah cuba mengurangkan pengambilan pekerja dalam sektor awam yang lazimnya menjadi tumpuan orang Melayu.

Peruntukan sektor awam dalam Rancangan Malaysia Kelima ialah sebanyak \$74 ribu juta berbanding dengan \$80 ribu juta dalam

Rancangan Malaysia Keempat. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, sektor awam dijangka menyediakan sebanyak 88,800 pekerjaan baru dengan kadar pertumbuhan purata 2.1% setahun. Kadar ini lebih rendah jika dibandingkan dengan kadar dalam Rancangan Pembangunan sebelum ini iaitu 7% setahun dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan 4.5% setahun dalam Rancangan Malaysia Keempat. Oleh itu dasar pengambilan kakitangan dalam sektor awam yang diilhamkan oleh pucuk pimpinan telah menyebabkan pengangguran yang tinggi di kalangan orang Melayu. Apabila peluang pekerjaan dihadkan dalam sektor awam, ke manakah orang Melayu hendak mencari pekerjaan, peluang pekerjaan yang ada tetapi belum pasti diperolehi oleh orang Melayu ialah menceburi sektor swasta.

Untuk mencari pekerjaan dalam sektor swasta, bermakna orang Melayu terpaksa menghadapi persaingan terbuka dengan pihak-pihak lain, ini bermakna sistem kuota pengambilan pekerja dalam sektor awam tidak akan dinikmati oleh orang Melayu dalam sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan dipersulitkan lagi apabila sektor.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran) :Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta penjelasan. Saya tidak mahu ganggu Yang Berhormat dari Pasir Mas, tetapi saya ingin menyumbangkan kepada perbincangan ke atas isu yang paling penting ini. Bolehkah Yang Berhormat dari Pasir Mas memberi penjelasan kenapa masalah pengangguran ini menjadi begitu serius.

Memandangkan pelaksanaan D.E.B. yang selama 18 tahun itu, pernahkah Yang Berhormat membaca satu buku oleh E.E. Schumaker bertajuk "Small is beautiful" yang mana satu teori telah dikemukakan bahawa pengangguran dan kemiskinan di luar bandar adalah natural consequence; dengan izin, daripada falsafah ekonomi yang diamalkan oleh banyak negara yang kurang membangun sekarang, iaitu falsafah ekonomi yang menekankan ke atas growth dengan harapan bahawa growth ini dengan satu cara "tackle down", supaya orang yang miskin dapat menikmati manfaat. Tetapi ini tidak berlaku kerana growth oriented economy ataupun growth oriented budget, akibatnya ialah untuk membesarkan jurang di antara mereka yang kaya dengan mereka yang miskin, mereka yang dalam bandar besar dan mereka yang di luar bandar. Minta penjelasan!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih. Ucapan saya berikutnya akan menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching sebab sekarang saya sedang memberi senario tentang apa yang sedang berlaku sekarang dan yang berlaku dahulu. Dan saya akan sampai kepada peringkat itu mengenai dengan sebab-sebab kenapa keadaan tersebut berlaku, jika Yang Berhormat dari Bandar Kuching boleh bersabar, insya Allah akan sampai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman sekarang ini kita dapat melihat satu lagi corak pengangguran, iaitu pengangguran siswazah yang tidak pernah terjadi dalam negara kita sebelum ini. Walaupun data rasmi tentang pengangguran siswazah berbeza-beza namun dianggarkan kira-kira lebih kurang 60,000 siswazah yang menganggur, pengangguran siswazah ini sekali lagi menunjukkan nasib malang yang dialami oleh rakyat kita kerana pengajian di peringkat

universiti dan seterusnya mendapat pekerjaan yang lebih baik merupakan pengalaman baru bagi mereka jika dibandingkan dengan pihak-pihak lain.

Sebagaimana yang kita ketahui Kerajaan telah memberikan galakan, peluang dan bantuan supaya anak-anak Melayu khususnya dapat belajar hingga ke peringkat universiti. Namun begitu, peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik seperti yang pernah dinikmati oleh siswazah sebelum ini bukan lagi menjadi milik mereka, bahkan mereka terpaksa menjadi penganggur.

Allahyarham Tun Haji Abdul Razak pernah bercita-cita agar setiap keluarga Melayu mempunyai seorang anak yang berjaya melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat universiti. Cita-cita Allahyarham Tun Haji Abdul Razak memang jelas, iaitu dengan pencapaian sedemikian setiap keluarga berpejuang menambah pendapatan mereka kerana mendapat pekerjaan yang lebih baik, dengan kata lain Allahyarham Tun Haji Abdul Razak melihat konteks mobilisasi sosial dan bermakna juga pembasmian kemiskinan di kalangan rakyat terutamanya orang-orang Melayu dan juga kaum-kaum lain, tetapi hakikat sedemikian tidak dipertimbangkan oleh kepimpinan masa-kini. Sebaliknya pemimpin masa-kini mengambil jalan mudah untuk mengatasi masalah siswazah menganggur, mereka disuruh pulang ke desa bekerja sebagai petani, pemimpin kini lupa bahawa untuk menjadi petani maka siswazah menganggur memerlukan sumber pengeluaran yang utama iaitu tanah. Walhal seperti yang dinyatakan dalam perbincangan sebelum ini Kerajaan kedekut untuk membuka tanah baru.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima keluasan tanah yang akan dimajukan termasuk sektor swasta ialah 286,700

hektar berbanding dengan 529,670 hektar dalam Rancangan Malaysia Keempat. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa seruan supaya siswazah menganggur menjadi petani adalah seruan yang kosong pihak Kerajaan. Anihnya juga siswazah ini tidak disuruh bekerja di kilang-kilang Proton Saga dan Perwaja yang diilhamkan, yang dibanggakan oleh Kerajaan pada hari ini. Salah satu cara Kerajaan mengatasi masalah pengangguran yang kian meningkat seperti yang tercatat dalam Rancangan Malaysia Kelima ialah pembinaan rumah kos rendah sebanyak 80,000 unit setahun. Kononnya dengan langkah ini peluang pekerjaan dalam sektor pembinaan akan bertambah dan bermakna kadar pengangguran akan berkurangan. Namun begitu seperti yang kita sedia maktum, pembinaan rumah kos rendah amat lembap dan bermakna tidak berdaya men>ediakan peluang pekerjaan baru dalam sektor pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin menyentuh mengenai hutang negara dan kejatuhan nilai ringgit. Di masa ini hutang luar Malaysia sangat membimbangkan. Seseengah pihak berpendapat dari segi peratusan KNK hutang negara adalah sekitar 56% di mana ianya merupakan antara yang tertinggi di dunia.

Mengikut Dr Peter Nunukam dari Institute of World Economics, Jerman Barat yang menghadiri forum anjuran ISIS mengatakan bahawa Malaysia adalah di antara negara-negara dunia yang banyak berhutang.

Menurut Laporan Tahunan Bank Negara 1987 hutang negara di dalam dan luar negeri pada akhir tahun 1987 ialah \$80.313 billion. Hutang yang sebegini banyak tentulah menakutkan rakyat. Majalah *Malaysian Business* membayangkan wang kertas \$1,000 kalau disusun akan menjadi sehingga

4.8 kilometer tingginya. Bayangkanlah betapa azabnya kita dan rakyat kerana hutang setinggi itu menimpa kita semua. Hutang luar negeri telah tertumbuh dengan pesatnya dalam kadar 31% pada tahun 1981 hingga 1986. Tentulah rakyat merasakan pertambahan hutang luar yang pesat ini berpunca dari keghairahan ingin mewujudkan beberapa projek mewah, projek yang akhirnya menjadi gajah putih kepada negara. Natiyahnya telah kita dan rakyat memaklumi sekarang ini.

Oleh kerana hutang luar kebanyakannya dari Jepun dan Jerman, Kerajaan terpaksa menghadapi kerugian yang besar kesan dari kenaikan Yen Jepun dan Deutschemark Jerman. Negara menghadapi kerugian sekurang-kurangnya \$3.8 billion setahun. Dianggarkan 17% daripada jumlah hutang negara adalah dalam bentuk Yen. Nisbah khidmat bayaran hutang luar negeri yang mencatatkan 18% pada tahun 1986 dan 15.2% pada tahun 1987 sudah cukup membimbangkan rakyat. Ini ditambah lagi dengan kejatuhan hasil Kerajaan sebanyak 1.6%. Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) memacalkan pada April lepas bahawa pertumbuhan ekonomi hanyalah 5.9% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung masalah hutang negara yang sudah berada di paras yang membimbangkan ini, maka pucuk pimpinan mestilah bertanggungjawab dalam keaktifannya menambahkan hutang negara. Negara-negara yang bankrap telah mengajar kita untuk memikirkan keupayaan kita dalam merabayar hutang-hutang tersebut.

Sebelum ini atas nama pembangunan Kerajaan telah meminjam tanpa kawalan dan menguruskan kewangan secara tidak bijaksana. Oleh itu setiap pinjaman

yang mahu dibuat perlulah diperhitungkan. Pengalaman-pengalaman untuk membuat projek-projek mewah seperti Perwaja, Proton Saga atau Jambatan Pulau Pinang sekadar untuk disebut sebagai contoh, biar pun atas nama pembangunan, perlulah menjadi pengajaran dan dinilai kembali kesesuaiannya dengan tuntutan ekonomi negara masa kini.

Keghairahan sahaja tanpa mempersoalkan implikasinya tentulah membebankan rakyat terutama dalam masa akhir-akhir ini nilai wang kita menjunam dengan dahsyatnya. sejak tiga tahun lepas nilai ringgit kita telah jatuh

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P.Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat daripada Pasir Mas sedar bahawa sebahagian besar dari hutang luar negeri yang ditanggung oleh negara kita bukanlah hanya wang yang dipinjam oleh pihak Kerajaan Persekutuan sahaja bahkan oleh kerana pihak Kerajaan Persekutuan juga bertugas sebagai guarantor bagi banyak pinjaman yang dipinjam oleh nonfinancial public enterprises ataupun apa yang disifatkan sebagai OBA dahulu.

Maka mungkin tidak sahaja pemimpin-pemimpin Kerajaan berwaspada untuk re-payment ataupun langkah-langkah lain untuk mengawal pinjaman itu sahaja tetapi perlulah negara kita mengkaji semula strategi kewangan negara kita terhadap peranan yang dimainkan oleh OBA itu, khususnya projek-projek OBA yang besar atau raksaksa. Satu lagi projek lain yang raksaksa

ialah seperti projek Lebuhraya di antara Cameron Highlands/Fraser Hill dan Genting Highlands. Kos projek ini diramalkan sebanyak mungkin \$600 juta. Projek ini akan memakan perbelanjaan awam yang besar. Maka pinjaman dari sumber-sumber tertentu menjadi wajib. Maka bolehkah Yang Berhormat dari Pasir Mas mungkin berpendapat bahawa dari masa sekarang pinjaman bagi perbelanjaan Kerajaan ataupun agensi-agensi atau anak-anak syarikat pengusahaan awam itu harus didapati dari sumber tempatan bukan sumber luar negeri.

Satu lagi, bahawa peranan OBA itu semua dikaji semula sehingga presence Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P.Vijandran): Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: presence Kerajaan di dalam ekonomi negara kita dikurangkan. Ini sahaja.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P.Vijandran): Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat menjawab, lain kali apabila seseorang Ahli Yang Berhormat minta penjelasan, saya minta dipendekkan, jangan ambil peluang untuk membuat satu ucapan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah pandangan sebenarnya, bukan penjelasan dari pihak Yang Berhormat daripada Kuching dan saya kira pandangannya itu positif iaitu saya bersetuju mengenai dengan sebab-sebab kenapa hutang negara bertambah sebagaimana yang disarankan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tiga tahun lepas nilai ringgit kita telah

jatuh berbanding dengan Yen, Deutschemark Jerman, Pound Sterling dan Dollar Singapura. Nilai ringgit jatuh sebanyak 60% berbanding dengan Yen, nilai ringgit jatuh sebanyak 48% berbanding dengan Deutschemark Jerman, nilai ringgit jatuh sebanyak 38% berbanding dengan Pound Sterling, jatuh 11.5% nilai ringgit berbanding dengan Dollar Singapura. Bukankah ini satu yang menakjubkan.

Memandangkan kejatuhan nilai ringgit yang begini dahsyat maka tentulah ianya mempengaruhi kehidupan rakyat. Pendapatan rakyat hari ini mempunyai berbezaan yang besar dengan pendapatan benar pada tiga tahun ataupun sepuluh tahun lepas, biar pun jumlah pendapatannya masih sama. Kalau beberapa tahun dahulu angka untuk garis kemiskinan ialah \$350, maka angka itu sudah tidak sesuai lagi memandangkan kejatuhan harga ringgit. Kerajaan mestilah jujur kepada rakyat berhubung soal ini.

Pucuk pimpinan nampaknya lebih senang untuk memberi jawapan-jawapan kepada masalah ini dan menekankan soal relatif iaitu teori kemiskinan relatif dengan berselindung disebalik kepuasan atau ketenangan adalah satu penipuan kepada rakyat. Perbandingan ketenangan dan kepuasan antara seseorang petani yang mendapat pendapatan rendah dari segi garis kemiskinan dengan seorang peniga besar tetapi menghadapi liku-liku perniagaan yang besar mencabar dan kehendak-kehendaknya juga yang besar. Perbandingan dan galakan seperti ini adalah mengajar rakyat mencari jalan escapism ataupun jalan keluar, mengajar rakyat menerima dan berpaut kepada sikap-sikap negatif di mana sikap ini samalah dengan sikap seperti yang ditunjukkan dalam beberapa peristiwa-peristiwa yang tidak perlulah saya jelaskan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan nilai ringgit telah menjejaskan penghidupan rakyat terutama kos penghidupan yang semakin meningkat ini. Penghidupan rakyat sudah tidak seperti dahulu lagi. Rakyat desa juga terpaksa membayar bil air, bil elektrik dan lain-lain, kesan daripada pembangunan negara. Sudah tentulah kenaikan pendapatan mereka yang rendah atau masih tidak bertambah ini akan menyulitkan penghidupan mereka. Dibandingkan harga sekilo getah sekarang lebih tinggi dari harga yang paling tinggi pada tahun 70an dahulu, adalah sesuatu pemalsuan k benaran. Dua ratus ribu ringgit pada tahun akhir 30an dahulu tentulah berbeza dengan tahun 80an kini.

Berhubung soal kejatuhan nilai ringgit ini pihak Kerajaan tidak pernah mahu berterus terang. Kerajaan lebih seronok mengelirukan, kalau pun boleh saya diizinkan menyebut perkataan demikian, rakyat dengan membandingkan nilai ringgit dengan nilai wang rupiah atau rupi India. Oleh itu, saya berharap Kerajaan dapat menginsafi keadaan yang sedang melanda ekonomi negara kita ini.

Pendapat Profesor Radhi Bahtera dalam bukunya "The Great Depression of 1990", meramalkan kemungkinan peristiwa tahun 1929 akan berulang memandangkan keadaan ekonomi yang tenat ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat.

Dato' S. Samy Vellu: Tadi Yang Berhormat dari Pasir Mas kata projek pembinaan Jambatan Putau Pinang pun masuk dalam kategori projek mewah. Tetapi saya tidak tahu apakah jawapan Ahli Yang Berhormat. Dalam satu masa kecemasan bila kita tidak ada feri ke Pulau Pinang itu, jikalau kita mengambil keputusan

jangan kita bina jambatan itu, mahukah Ahli Yang Berhormat mencadangkan kita berenang ke Pulau Pinang itu?

Yang kedua, Ahli Yang Berhormat kata banyak di antara rancangan-rancangan Kerajaan adalah menipu rakyat. Saya mahu tahu, Ahli Yang Berhormat juga telah merujuk kepada beberapa seminar dan ucapan oleh pakar-pakar ekonomi berkenaan dengan ekonomi di dalam tanahair kita. Saya suka mengucapkan syabas kepada Ahli Yang Berhormat, oleh kerana apabila Yang Berhormat jadi bebas sahaja mendapat tahu banyak keterangan-keterangan berkenaan dengan ekonomi. Tetapi bermula dan apabila saya masuk Dewan ini sebagai ahli yang sama juga dengan Yang Berhormat, bila saya dengar beberapa ucapan Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini di mana Yang Berhormat puji Kerajaan ini. Saya mahu tahu mengapakah dalam masa 6 bulan itu fikirannya sudah bertukar. Jadi, saya mahu tahu adakah sokongan-sokongan pada masa yang lalu Ahli Yang Berhormat beri kepada Kerajaan ini palsu atau betul?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya. Pertama mengenai dengan kononnya selama ini sebelum saya berubah, saya puji sahaja, tidak. Saya minta Yang Berhormat membaca *Hansard* mengenai ucapan-ucapan saya dahulu, saya sentiasa memandang yang baik tetap saya sokong. Takkanlah perkara baik tidak boleh kita tegur, jadi tak usahlah panas sangat.

Yang kedua, ini semua dengan niat yang baik dan bersabit dengan Jambatan Pulau Pinang, saya sebutkan tadi. Betul kita perlu kepada Jambatan Pulau Pinang kalau feri itu runtuh seperti berlaku baru-baru ini, tetapi apakah tidak mungkin sebelum kita bina Jambatan Pulau Pinang, kita

fikir dahulu baiki feri itu elok-elok. Sudah barang tentu kita tidak akan belanja wang sebanyak yang kita belanja untuk Jambatan Pulau Pinang.

Saya difahamkan sekarang ini, kalau salah, minta Yang Berhormat Menteri Kerjaraya membetulkan. Sehingga hari ini pungutan tol di Jambatan Pulau Pinang saya difahamkan hanya \$20 juta. Berapa kita kena bayar interest atas pinjaman itu. Malah interest pun tidak boleh kita cover dan interest itu akan dikompaunkan dan ini satu hakikat.

Saya membangkitkan perkara ini bukan kerana saya berpindah tempat. Malah dahulu pun saya pernah bangkitkan. Dahulu pernah kita bangkitkan dalam berbagai ucapan hanya sekadar mengingatkan dan itu sudah menjadi pengalaman dan kita harap perkara ini tidak akan berulang lagi supaya lebih cermat dan berhati-hati pada masa hadapan. Dan kalau cermat dan berhati-hati pada masa hadapan, sudah pasti kita akan beri sokongan, tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua, inilah saya kira teguran-teguran yang membina untuk kebaikan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin juga menyebut soal penerapan nilai Islam dan yang berkaitan dengannya. Sejak zaman kebangkitan Islam pada tahun 1970an, negara kita turut mengambil bahagian dalam gelombang ini. Golongan belia telah mengambil peranan yang aktif dalam mengubah trend pemikiran rakyat. Golongan pelajar di institusi pengajian tinggi Tanahair telah melibatkan diri secara bersungguh dan jelas. Peranan mereka di mana kita lihat sangat berkesan. Fenomina itu berlanjutan dan telah mempengaruhi dasar Kerajaan. Sebelum ini kita sedar perjalanan pulang kita ke arah Islam adalah sebagai kesan dari tuntutan fitrah manusia yang sentiasa mencari

kepada kebaikan. Cendiakawan Barat dan Timur turut cenderung mencari dan menggali falsafah baru untuk mengendalikan dunia yang semakin tidak terjamin ini. Mereka telah sedar bahawa falsafah liberal, kapitalis dan marxistsosialist sudah tidak dapat menjamin keamanan dunia. Masing-masing dalam mempertahankan kekuasaan telah berselindung di sebalik slogan demokrasi berparlimen dan demokrasi politariat. Golongan-golongan sosialis dan komunis biasanya segar dengan slogan mereka untuk mewujudkan dictatorship of the politariat iaitu workers of the world, dengan izin, unite, you have nothing to loose.

Kita menjadi sedar dan insaf bahawa kita tidak perlu terikat dan rigid dengan sistem ekonomi kapitalis Barat. Dan kita juga tidak perlu mencungkil dan menggali sistem sosialis untuk menyelesaikan masalah yang sedang melanda sosio-ekonomi kita. Rakyat secara berani menunjukkan hala yang sepatutnya dipilih dan dituju oleh Kerajaan di manakah akhirnya dasar penerapan nilai-nilai Islam diperkenalkan oleh Kerajaan itu. Rakyat telah menerima dasar ini dan dengan dada yang terbuka dan fikiran yang menerima Kerajaan menjanjikan perubahan dasar keseluruhannya ke arah Islam. Janji-janji ini menjadi senjata Barisan Nasional untuk memenangi pilihanraya umum pada 1986 dan dapat mengekalkan kekuasaannya. Kerajaan telah melahirkan beberapa institusi Islam seperti Bank Islam, Insurans Islam malah Universiti Islam. Alhamdulillah, tetap anehnya dalam zaman kebangkitan Islam dan kita tebal dengan semangat keislaman ini, perkara mungkar dan ditegah oleh Islam turut digalakkan. Lesen-lesen mungkar turut dikeluarkan lagi, menghalalkan yang haram. Berbagai bentuk perjudian telah rancak diperkenalkan dan dijaja di tengah masyarakat. Perjudian kuda turut

dimodenkan dan diperluaskan masa perjudian. Sekarang Kerajaan dengan murah hati telah memberi peluang kepada penduduk di Lembah Kelang untuk perjudian Kuda setiap hari dalam seminggu. Askod Sdn. Bhd. yang telah dibenarkan untuk menjalankan judi tiga ekor dan green horn. Nampaknya menjadikan agen kepada Kerajaan untuk memperkenalkan dan memperluaskan perjudian di negara ini. Saya ingin bertanya juga sama ada lesen ataupun kebenaran yang diberi kepada Askod Sdn. Bhd. itu tidak bertentangan dengan Akta Judi negara kita.

Perjudian yang dikenali sebagai judi di luar gelanggang, off course betting centre ini akan membawa perlumbaan Kuda secara siaran langsung dari England 5 hari seminggu dari hari Isnin hingga Jumaat antara pukul 8 malam hingga 12 malam. Nampaknya perjudian ini mendapat sambutan sebab dalam masa 2 bulan sahaja syarikat ini telah dapat membuka 2 cawangannya yang baru iaitu di Pekeliling Plaza dan DJ Centre di Damansara Jaya, Petaling Jaya selain daripada pusatnya di bangunan Nagaria, Kompleks Jalan Imbi Kuala Lumpur atas sokongan Kerajaan dan badan-badan tertentulah maka kemudahan perkembangan ini dapat dicapai. Tentulah bencana ini menghairankan rakyat kerana jelas perbuatan ini bertentangan dengan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam. Apakah alasan yang munasabah Kerajaan menghalalkan penyelesaian ini? Nampaknya keraguan rakyat terhadap kesungguhan pucuk pimpinan untuk menjalankan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam semakin menebal. Mereka merasa bimbang melihat kepada perkembangan terakhir ini.

Tuduhan kedua terhadap Tun Salleh, Tuan Yang di-Pertua, iaitu pandangannya tentang perlunya kita menyesuaikan undang-undang sivil di

negara ini dengan undang-undang Islam, telah memeranjatkan seluruh rakyat. Kalau pandangan dan saranan seperti itu boleh terseret ke Tribunal dan menjadi kesalahan, bagaimanakah kita terdapat rakyat atau kepimpinan rakyat yang ber-sungguh-sungguh mahukan Islam. Tentulah rakyat tahu natijahnya. Malangnya Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak ada di sini yang pernah menjadi Presiden ABIM satu ketika dahulu, yang memang sama-sama bercakap di atas perkara yang sama. Bagaimanakah sikap Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebagai "juara belia Islam" dalam memperjuangkan cita-cita Islam mengenai dengan masalah seperti apa yang disebutkan oleh Tun Salleh yang dijadikan kes tuduhan pertama dalam Tribunal itu? Saya menyeru agar pucuk pimpinan menghentikan segera silap mata dan sandiwara ini tentang Islam. Tokoh-tokoh dalam Kerajaan yang bergembira apabila ianya digelar ulama itu, wajiblah menyatakan yang hak, tegahlah kemungkaran yang sedang bertaku di hadapan mata kita ini, agar kepercayaan rakyat terhadap apa yang dinamakan ulama itu tidak terjejas supaya di negara ini tidak timbul istilah "ulama us-suk."

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan di sini bahawa sudah sampai masanya Kerajaan memberi tempat yang sewajarnya kepada kaum ulama. Kenapakah ulama-ulama kita sekarang ini seolah-olah tidak berkesan ataupun tidak berfungsi? Sebab kedudukan mereka kita lihat, cara mereka dihormati berbeza dengan apa yang sepatutnya, kerana kedudukan ulama adalah kedudukan yang penting di dalam sistem kalau disebutkan Islam.

Kalau kita lihat sebagai contoh di Saudi Arabia, kita lihat imam-imam masjid telah diberi penghormatan, malah kalau kita sebut Imam Masjid,

Masjidil-haram dengan Masjid An-nabawi di Madinah, pendek kata kalau ada kereta terbaru yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat, Kerajaan Saudi menempahkan kereta tersebut untuk dipakai dahulu oleh imam kedua-dua masjid itu. Tetapi kita lihat ulama di negara kita ini, termasuklah peringkat-peringkat mufti ataupun kadhi-kadhi di peringkat daerah, malah ada setengah-setengahnya kalau kita lihat di peringkat negeri, di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, kebetulan pula tidak ada ahli-ahli politik yang terpilih di kalangan tokoh agama, maka mereka dilantik sebagai Pengerusi Majlis Agama dan Mufti Negeri tidak ada di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, apakah ini bukan satu perkara yang pincang kalau kita bercakap mengenai soal Islam di dalam negara kita? Ulama seharusnya diberi kedudukan yang sewajarnya.

Apakah tak mungkin seorang Kadhi di peringkat jajahan diberi kemudahan kereta dan ada driver seperti mereka yang berjawatan Pegawai Daerah? Sebab itulah saya menyebutkan ini, Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas, secara umum untuk menunjukkan bahawa bagaimana kita tidak memberi penghormatan yang sepatutnya kepada kaum ulama yang menjunjung agama suci kita. Maka sebab itulah kita dapati kalau dilihat kepada masalah-masalah yang berlaku seolah-olah kita ini apa yang dikatakan "tidak ada berkat, tidak ada syufaat" kerana orang-orang yang cintakan Islam tidak diberi tempat dan kedudukan yang sewajarnya.

Pembelaan haruslah dibuat bukan kerana kepentingan mereka tetapi kerana menghormati kedudukan mereka sebagai tunggak kepada agama suci kita yang menjadi Agama Rasmi negara kita ini. Kalau ini dapat dilakukan sudah barang tentu kedudukan kaum ulama akan lebih

berkesan. Selama ini ada pihak-pihak membangkitkan soal peranan ulama manakala kita lupa untuk memberikan perhatian tentang kedudukan mereka ini yang tidak diberi tempat yang sewajarnya dalam memainkan peranan, sama ada dari segi peringkat memutuskan dasar dan juga pelaksanaan dalam apa-apa keputusan yang patut dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin menyebutkan satu perkara yang penting lagi iaitu Perjanjian Pembelian Senjata dengan Great Britain baru-baru ini. Baru-baru ini Kerajaan kita telah menandatangani Perjanjian dengan Britain untuk membeli persenjataan bernilai \$4.6 billion—satu jumlah kewangan besar yang terpaksa ditanggung oleh mereka untuk selama 15-20 tahun. Ini bukanlah satu keputusan yang boleh dipandang ringan dan tentulah langkah pucuk pimpinan ini menimbulkan kebimbangan kepada rakyat memandangkan kedudukan kewangan negara bukanlah baik, walaupun kononnya akan dibayar dalam bentuk bahan-bahan mentah kita, kerana dalam Perjanjian itu mungkin, dengan izin, forward agreement telah dibuat di mana kita mencagarkan minyak-minyak dan juga lain-lain bahan mentah yang menjadi sumber kewangan negara kita. Keputusan membesarkan kelengkapan ketenteraan di masa ini juga di anggap tidak tepat. Rakyat berasa anih kerana suasana politik dunia hari ini tidak menuntut negara kita memperkuatkan persenjataannya.

Nampaknya dalam Budget tahun ini peruntukan untuk ketenteraan mengatasi peruntukan untuk pendidikan. Inilah suatu yang anih, terutamanya dalam pembelian senjata \$4.6 billion ini. Kita sedar perlumbaan persenjataan antara Russia dan Amerika semakin kendur, hubungan

antara USSR dengan Amerika semakin baik kalau dtlihat daripada kacamata luar, begitu juga perhubungan antara China dengan Amerika dan Russia. Keadaan ini tentulah menggambarkan yang dunia menuju ke arah mengurangkan penggunaan senjata. Amerika sendiri telah mengurangkan separuh budgetnya untuk "Star Wars" bagi tahun ini, tetapi sebaliknya kita mempertingkatkan dalam Belanjawan kita terutamanya dengan pembelian senjata \$4.6 billion yang ditandatangani baru-baru ini. Rakyat tidak nampak rationalenya apabila Kerajaan membuat keputusan ini kerana di samping itu kita lihat rantau ASEAN di masa ini juga tidak membimbangkan, kerana masalah Vietnam pada kacamata umum juga hampir selesai. Begitu juga di Asia Barat dan di Vietnam, Russia telah mula mengundurkan diri dan begitu juga pendudukan Russia di Afghanistan.

Jadi apakah dalam masa Russia dan kuasa-kuasa besar yang lain mula meninggalkan ASEAN ini negara kita pula ghairah memperkuatkan ketenteraan. Adakah persenjataan yang sebegini besar bertujuan untuk menghadapi komunis di dalam negeri sedangkan mengikut Timbalan Menteri Dalam negeri bahawa komunis di negara ini hanya tinggal seramai 60 orang sahaja lagi. Jadi adakah pembesaran ini hanya untuk kita bermegah-megah dan menjadikan tontonan semasa perayaan kemerdekaan? Sepatutnya dalam krisis ekonomi sekarang, Kerajaan lebih teliti dalam penggunaan wang negara, sepatutnya di masa hutang yang begini banyak dan menakutkan, Kerajaan tidak ghairah menambah hutang, lebih-lebih lagi untuk sesuatu yang tidak produktif.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana contoh hendak membeli dua buah

kapalselam yang terpakai, begitu juga hendak membeli Tornado, kapalterbang ataupun jet pejuang. Dua buah kapalselam yang dikatakan terpakai ini, saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, kegunaannya belum diketahui sepenuhnya lagi seperti mana saya katakan tadi dan bagaimanakah pula belanja maintenancenya nanti, belanja mengurusnya nanti sepertimana yang kita lihat sebelum ini terutamanya dalam melengkapkan alat-alat tentera. Begitu juga dengan Tornado, apakah Tornado ini merupakan jet termoden yang diperlukan yang sesuai dengan keadaan negara kita.

Saya terbaca dalam suratkhbar bahawa Kongres Amerika Syarikat telah pun meluluskan kepada Malaysia ingin membeli jet pejuang F-16 yang dikira termoden—Malaysia termasuk di antara negara-negara yang diluluskan oleh Kongres. Tetapi kita telah memilih Tornado sebagai pilihan kita. Jadi semua ini selain daripada dipersoalkan keperluannya, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang tentang kos tanggungannya nanti. Sudah tentu ianya bukan sedikit, bukan sedikit, manakala kalau kita bandingkan dengan keperluan rakyat di luar bandar yang masih belum lagi mempunyai jalan-jalan yang sempurna. yang masih lagi tidak ada bekalan letrik, yang pernah berulang kali saya menyebutkan dalam Dewan yang mulia ini, yang masih lagi kekurangan kemudahan-kemudahan projek sosio-ekonomi yang diperlukan, manakala kita boleh membelanjakan peruntukan yang begini besar untuk tujuan-tujuan persenjataan seperti ini. Jadi, walau macam manapun kita sedar bahawa Kerajaan mengatakan Kerajaan tidak semestinya membeli senjata-senjata ini, ianya sekadar memorandum of understanding iaitu hanya perjanjian persefahaman sahaja, belum lagi perjanjian rasmi.

Oleh itu, saya ingin menyarankan di Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan mengkaji kembali dengan teliti dan penuh ketenangan dalam semua aspek, termasuk kewangan negara dari segi keperluannya supaya projek pembelian \$4.6 billion ini dikaji semula atau dipertimbang semula. Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saranan saya bersabit dengan pembelian persenjataan moden yang dimaksudkan ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, buat akhir, saya hendak menyentuh perkara-perkara yang saya anggap penting. Sedikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai rekod; sebagai Ahli Dewan Rakyat mengenai dengan perkara demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini rakyat mula mempersoalkan demokrasi di negara kita. Mereka melihat satu trend pemusatan kuasa kepada pucuk pimpinan semakin nyata dan jelas. Parhmen yang menjadi tonggak kepada demokrasi berparlimen telah dicengkam oleh pihak Eksekutif untuk melulus sebarang undang-undang. Begitu juga badan Kehakiman semakin jelas dijinjing oleh pihak Eksekutif untuk menghalalkan segala tindakannya yang mungkin bertentangan dengan undang-undang yang digubal oleh Parlimen sebelum ini.

Sebenarnya, rakyat hari ini berdepan dengan suatu budaya baru dalam politik. Budaya yang mengajar rakyat menyerah dan membisu. Budaya yang mengajar rakyat menerima kematian demokrasi. Bilangan undang-undang yang jelas sekali melanggar kebebasan hak asasi manusia dengan bangganya digubal dan dilaksanakan. Persuratkhbaran kita hari ini sama sekali tidak berselindung lagi dalam sifatnya memihak kepada satu pihak sahaja. Kebebasan rakyat untuk berpersatuan, berucap dan berpolitik

semakin terhakis walaupun ciri-ciri ini masih wujud kalau hendak dikatakan dari segi berpesatuan, untuk berucap dan sebagainya.

Adakah erti demokrasi berparlimen di negara ini tidak sepertimana terdapat di Eropah dan Amerika. Mungkin kita tidak bercadang untuk meniru Eropah dan Amerika. Tetapi kalau selepas kita merdeka sejak tahun 1957 dan sekarang ini keadaan-keadaan sudah berubah sehingga seolah-olah kita duduk di bawah keadaan seperti sebelum kita merdeka, sudah barang tentu, Tuan Yang di-Pertua, sukar untuk diterima oleh rakyat.

Sejak kebelakangan ini terdapat campur tangan Eksekutif terhadap perjalanan badan Kehakiman. Kedaulatan undang-undang sepertimana yang disebut oleh A.V. Dicey dalam bukunya "*An Introduction to the Study of the Law of Constitution*". . . .

Seorang Ahli: Dicey.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Dicey, maaf. Tidak berapa terang. Kedaulatan undang-undang bermakna keagungan dan ketinggian undang-undang secara mutlak yang bertentangan dengan mana-mana penyalahgunaan kuasa termasuk kuasa budibicara yang ada dalam kerajaan, Kenyataan ini menunjukkan bahawa undang-undang akan mengatasi segala-galanya dalam sesebuah negara walaupun kuasa Kerajaan. Sebab itulah diwujudkan doktrin pengasingan kuasa untuk memberikan kuasa kepada badan Kehakiman untuk mewujudkan kedaulatan undang-undang.

Kuasa budibicara Menteri Dalam Menteri yang tidak tercabar oleh mahkamah menunjukkan bahawa konsep kedaulatan undang-undang yang termaktub dalam Rukun Negara

itu telah pun dicemari. Hal ini jelas dengan peruntukan-peruntukan yang ada pada Menteri Dalam Negeri berhubung dengan soal Akta Keselamatan Dalam Negeri.

ISA merupakan undang-undang yang paling terkenal dalam kancah politik Malaysia. Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa yang penuh untuk menahan sesiapa sahaja sekiranya dirasakan perlu. Orang-orang tahanan tidak mempunyai peluang untuk membela diri di mahkamah. Saya tidak mempersoalkan keperluan undang-undang ISA, tidak sekali-kali. Cuma dari segi hak. . . .

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat dari Larut bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sila.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan bahawa ISA ini, setahu saya kalau tidak salah, bahawa mengikut Menteri Dalam Negeri hanya 69 orang sahaja yang ditahan kerana begitu degil dan jahat, sedangkan kita mempunyai rakyat hampir 16 juta, 69 itu of all the numbers, dengan izin, saya rasa teramat sedikit orang yang degil dalam negara kita ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tidak menyoal soat berapa jumlah dan saya tidak juga menyoal kenapa Kerajaan menahan mereka itu. Sikap saya jelas dalam soal ini. Yang saya hendak nyatakan di sini ialah setiap orang yang ditahan di bawah ISA, mereka haruslah diberi peluang untuk mengadu di mahkamah. Kalau mahkamah mengatakan bahawa tindakan yang dibuat oleh Menteri Dalam Negeri itu wajar ditahan maka

sekurang-kurangnya mereka itu diben hak untuk tampil ke hadapan mahkamah mencari kebenaran dan keadilan. Saya tidak mempersoalkan sama sekali dari segi keperluan ISA.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sila.

Tuan Sim Kwang Yang: Tadi Yang Berhormat itu mengatakan cuma orang yang jahat ditangkap di bawah ISA. Jadi Yang Berhormat dari Pasir Mas pun kena tangkap di bawah ISA dua kali, kalau saya tidak silap. Adakah Yang Berhormat dari Pasir Mas jahat atau tidak jahat. Minta penjelasan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kalau saya ditanya, tentulah saya mengatakan saya tidak jahat. Dua kali ISA itu menandakan saya. . . mungkin hendak sebut sendiri tidak sedap, tetapi boleh saya mengatakan saya pejuang rakyatlah kena dua kali ISA.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bersamanya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Ketua Pembangkang dan banyak lagi orang yang ditangkap tidak jahat. Sebab itu ISA ini tidak adil, oleh kerana mereka tidak diberi peluang untuk membela diri. Sepatutnya undang-undang ini dikaji semula. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju. Saya bersetuju di mana setiap tahanan ISA itu sepatutnya diberi hak untuk membea diri di mahkamah, dibicarakan di mahkamah terbuka dan ini selaras dengan resolusi yang dibuat oleh Pertubuhan-pertubuhan sebelum ini, termasuk resolusi dari Angkatan Belia Islam di Malaysia, waktu Yang Berhormat

Menteri Pendidikan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dahulu, termasuk saya sendiri.

Pada waktu itu kita menuntut supaya setiap orang yang ditahan dibicara di mahkamah terbuka. Dan kalau didapati salah di mahkamah terbuka maka setiap orang sebagai warganegara mestilah menerima apa pun keputusan yang dibuat oleh mahkamah. Ini berbeza dari segi soal apa yang dikatakan perlu atau tidak ISA dengan hak untuk seseorang itu diberi peluang untuk dibicara dalam mahkamah terbuka. Yang saya hendak pertahankan ialah setiap orang harus diberi hak untuk dibicara secara terbuka bagi memastikan bahawa penahanan itu tidak berlaku ketidakadilan kepada mana-mana individu.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sila.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima kasih. Saya ingin mendapat penjelasan dari saudara Yang Berhormat dari Pasir Mas. Saya rasa Yang Berhormat dari Pasir Mas bersetuju dengan saya bahawa orang-orang yang ditahan di bawah ISA itu tidaklah jahat tetapi mereka adalah merbahaya dan mengancam keselamatan pada masa itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat dari Sungai Petani. Memang kalau kita hendak takrifkan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani itu sukar. Sebab mahu tidak mahu dari segi sudut pandangan Islam sekalipun kita mesti menentukan bahawa setiap tindakan itu adil. Saya bersetuju kalau

dibicarakan di mahkamah terbuka sesiapa sahaja ditahan dan didapati bersalah mesti dihukum tetapi setiap orang ditahan tanpa diberi peluang untuk mendengarkan kesnya secara terbuka, saya kira sukar untuk saya dapat menerimanya.

Sebab itu, dalam soal ISA ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap oleh kerana undang-undang itu telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat dan sudah menjadi undang-undang di mana sesiapa sahaja yang ditahan sekarang ini tidak lagi boleh pergi ke mahkamah mengadu hal dirinya, saya harap sangat-sangat supaya penggunaan ISA ini haruslah dengan adil dan berhati-hati ataupun kalau boleh supaya Dewan yang mulia ini dan pihak Kerajaan menimbang kembali supaya ISA ini kembali kepada matlamat asalnya sewaktu digubal pada tahun 1960 sepertimana yang dikehendaki oleh Allahyarham Tun Abdul Razak

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Larut bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sila.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ucapannya tidak adil kerana kalau diperhatikan kepada kawan saya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi-dulu kawan baik sangat, sekarang kurang baik (*Ketawa*)—dia ditangkap di bawah ISA dan dibebaskan tanpa perbicaraan. Apa lagi yang dia kelam-kabut!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tidak sangka Yang Berhormat dari Larut begitu marah. Saya tetap kawannya walaupun dia mengatakan kurang sekarang tetapi saya tetap mengatakan dia tetap kawan baik saya. Walau apa pun, saya akan

mengatakan bahawa beliau adalah kawan baik saya. Soal saya dibebaskan, itu perkara yang lain. Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Kerajaan, mungkin saya dibebaskan itu kerana didapati saya tidak bersalah ataupun didapati saya tidak mengancam keselamatan negara. Tetapi saya hanya mempertahankan ini dari segi prinsip. Manalah tahu esok-esok kena pula kepada Yang Berhormat dari Larut. Nanti pada satu ketika apabila Yang Berhormat dari Larut masuk, ia akan berfikir, "betu! juga kata Yang Berhormat dari Pasir Mas dahulu". Saya hanya memperjuangkan dari segi konsep keadilan umum bukan untuk kepentingan diri, bukan untuk sesiapa, sebab kita ini manusia yang lemah.

Hari ini kalau kita ada kepentingan kedudukan, sedaplah kita bercakap tetapi kalau kena pada diri kita, macam mana? Kalau kena keluarga kita, macam mana? Siapa yang hendak membela? Ringan mata memandang tetapi berat lagi bahu memikul. Inilah yang harus kita sama-sama insafi. Walaupun kita berpolitik, walaupun kita berbeza pendapat " tetapi sekurang-kurangnya dari segi perkara pokok seperti ini marilah kita junjung bersama demi kedaulatan negara kita, demi kesejahteraan seluruh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahulah memanjangkan lagi perkara ini. Apa yang saya katakan sudah pun saya ucapkan. Sebagai penutup, sebagai rakyat yang cintakan keamanan, kestabilan dan kesejahteraan, maka sudah tentu kita mengharapkan kemelut yang kita hadapi hari ini akan berakhir. Kita dan rakyat sentiasa berdoa semoga iklim ekonomi negara ini akan bertambah baik. Begitu juga dengan iklim politik, kerana kita sedia maklum bahawa pertumbuhan sosio ekonomi bergantung rapat dengan kestabilan

politik. Kemelut politik yang kita dan rakyat sedang hadapi ini jelas telah mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara. Kesan darinya menyebabkan pucuk pimpinan terpaksa mengubah setengah dasar biar pun merugikan negara dan rakyat.

Barangkali atas kesedaran bahawa kemelut yang panjang dan berterusan ini nampaknya ada pihak-pihak tertentu telah insaf dan cuba menyelami kesilapan sendiri. Maka dalam rasa kecemasan inilah agaknya pucuk pimpinan mahu menimbulkan masalah perpaduan, satu hal yang telah lama diperkatakan oleh rakyat dan pihak-pihak yang mempersoalkan tentang hasrat dan matlamat perpaduan ini.

Perpaduan satu slogan mudah yang nampak sukar dipenuhi untuk dilaksanakan. Slogan perpaduan tanpa lahir dari kesedaran yang sebenarnya dan berbekalkan keikhlasan maka tetaplah ianya menjadi sebuah slogan yang tawar dan hambar seperti slogan "Bersih, Cekap dan Amanah". Rakyat telah lama menuntut perpaduan. Pihak yang mempersoalkan kepimpinan telah lama menuntut perpaduan. Atas keperihatian pihak-pihak inilah nampaknya pucuk pimpinan menawarkan perpaduan yang penuh dengan pertanyaan-pertanyaan. Maka sebab itulah rakyat menolak dan saya sendiri sewaktu ditanya oleh Yang Berhormat dari Kuala Terengganu sewaktu membahas Belanjawan ini, sama ada kita akan kembali ke pangkuan Barisan Nasional, iaitu UMNO Baru, suka saya menyatakan di sini, semua orang pentingkan kepada perpaduan. Tidak ada siapa pun yang tidak mementingkan kepada perpaduan, tetapi menentukan siapakah yang betul dan tidak betul. Siapa yang betul dan yang tidak betul inilah satu perkara yang sukar untuk ditentukan.

Tetapi bagi kita yang yakin kepada perjuangan kita, tawaran dan ajakan yang dibuat oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, suka saya menyatakan di sini dengan secara terus terang, walaupun kita tidak menyertai UMNO Baru dan walaupun kita tidak menyertai Barisan Nasional, itu tidak bererti kita tidak cintakan perpaduan. Mungkin kita kekal dengan sikap sekarang ini bolehlah saya katakan pengekalan sikap seperti sekarang adalah juga untuk kepentingan agama, bangsa dan negara. Jadi tidaklah boleh dikatakan bahawa berada di luar UMNO Baru dan Barisan Nasional seolah-olah kita tidak mementingkan perpaduan, seolah-olah kita tidak mementingkan kestabilan politik. Tetapi boleh juga kita mengatakan kita kekal seperti sekarang ini adalah juga untuk kepentingan perpaduan, kepentingan agama, bangsa dan negara. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas Belanjawan 1989 sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ulu Selangor.

5.15ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Ulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Belanjawan Negara 1989 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada minggu lepas.

Yang pertamanya, sukacitalah saya bagi pihak saya dan bagi pihak MIC merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas Ucapan Belanjawannya yang sebegitu memberangsangkan setiap lapisan masyarakat di negara kita.

Belanjawan 1989 mencerminkan keadaan ekonomi negara kita yang kukuh dan berkembang dengan Keluaran, Dalam Negara Kasar (KDNK) yang telah mencapai 7.4% pada tahun 1988 dari 1.2% pada tahun 1986. Kita sedang mengalami perkembangan ekonomi yang pesat. Ungkapan-ungkapan seperti ekonomi merosot, ekonomi terjejas dan sebagainya adalah ungkapan-ungkapan yang tidak bermakna lagi kerana zaman perkembangan pesat ekonomi Malaysia sudah pun menjelang tiba. Belanjawan 1989 ini pada ringkasnya meletakkan negara Malaysia di satu tahap yang mana menjadikannya sebuah negara perindustrian baru atau pun NIC seperti mana yang telah dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1989 meletakkan titik-titik asas demi menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian baru dalam abad ke 21 kelak. Saya percaya ciri-ciri dan beberapa aspek dan cadangan-cadangan Belanjawan adalah dirancang sebegitu rupa, maka mulai sekarang negara kita akan terus maju ke arah menjadi salah sebuah negara perindustrian baru di rantau ini. Hasrat murni ini sungguhpun merupakan begitu sukar sekali untuk kita capai dalam masa yang singkat, namun saya berpendapat kita perlu mengadakan titik permulaan ke arah ini sekarang juga di mana Belanjawan 1989 mencerminkan dengan sepenuhnya hasrat ini. Yang saya maksudkan pertama ialah cadangan mengurangkan cukai korporat dari 40% kepada 35% pada tahun hadapan iaitu menepati satu jaminan yang telah diberikan oleh Yang. Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan beliau tahun lepas. Selain daripada ini, cukai pembangunan telah juga dikurangkan 1% setiap tahun mulai tahun penilaian 1990. Ini adalah satu lagi tanda bahawa negara

kita kini sedang menuju ke arah menjadikan satu negara perindustrian baru. Usaha-usaha murni seperti ini perlu disokong dan digalakkan oleh setiap lapisan masyarakat khususnya pihak swasta dan kalangan-kalangan pelabur dari luar negeri yang ingin melabur di Malaysia.

Pemotongan cukai korporat dan cukai pembangunan ini meletakkan Malaysia ke taraf yang tinggi bersama dengan negara-negara maju yang mengamalkan dasar yang sama dalam soal mengurangkan cukai korporat. Sudah pastilah cadangan-cadangan ini merupakan inisiatif bagi perkembangan aktiviti-aktiviti industri di negara kita. Ini juga adalah sejajar dengan salah satu ciri Belanjawan iaitu untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi serta mengurangkan pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, jaminan tradisi membela rakyat yang telah menjadi manifesto Parti Barisan Nasional kita telah pun ditunaikan dengan Belanjawan ini. Ini adalah salah satu usaha untuk memenuhi jaminan-jaminan yang telah ditaburkan oleh Barisan Nasional kepada rakyat negara kita sepanjang masa. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah memungkir janji-janji tetapi sebaliknya setiap janji-janji itu ditepati tanpa apa-apa keraguan.

Dengan kekurangan cukai korporat sebanyak 5% dan berkurang lagi dengan cukai pembangunan di masa-masa hadapan, maka kita sudah buka pintu negara kita kepada pelabur-pelabur luar negeri supaya melabur di Malaysia secara besar-besaran. Pelabur-pelabur luar negeri berlega melabur di Malaysia hingga masa kini dengan keadaan suasana pelaburan yang menggalakkan di negara-negara di rantau ini, tetapi dengan belanjawan ini negara dan bumi kita akan memberi penuh

harapan dalam bidang perniagaan dan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan ini telah membawa berita baik kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan khususnya dalam kategori A, B dan C. Mereka juga diberi potongan kadar faedah atas pinjaman perumahan dan kereta yang mana ia kini dikekal diparas 4%. Selain daripada ini, mereka juga akan diberikan hadiah wang tunai berdasarkan kecekapan dan kecemerlangan mutu kerja masing-masing. Sungguhpun demikian, rasa sedih sekali masih kedengaran suara-suara sumbang dari kalangan pekerja-pekerja Kerajaan yang mendakwa kononnya mereka masih belum puas hati disebabkan tidak diberikan tunggakan gaji.

Sayugialah saya menasihatkan mereka supaya mereka belajar dari negara-negara yang baru mencapai taraf yang telah dibangun ataupun "newly industrialised countries", dengan izin, seperti Taiwan dan Korea Selatan di mana mereka telah mencapai keadaan tersebut hanya dengan satu sistem di bawah mana pekerja-pekerja juga dapat memperoleh sebahagian dari kenaikan daya pengeluaran kilang-kilang dan syarikat-syarikat mereka. Walaupun sistem seperti ini tidak boleh diguna dengan sepenuhnya antara kalangan Kerajaan kita, saya berharap dengan diberikan penyelarasan gaji, kekurangan kadar faedah atas pinjaman dan pemberian hadiah wang tunai, apakah boleh diharapkan bahawa kakitangan-kakitangan Kerajaan akan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan mereka kepada rakyat dan negara pada masa kelak. Saya rasa Kerajaan Barisan Nasional sudahpun melayani sebahagian besar dari tuntutan-tuntutan kakitangan Kerajaan. Kini sudah sampailah masanya pula giliran kakitangan Kerajaan memberikan

khidmat dedikasi dengan bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin menyarankan kepada Kerajaan memandangkan sekarang pelarasan gaji sudah pun diberikan kepada kakitangan Kerajaan kategori A, B dan C, wajarlah sekali sekiranya pesara-pesara juga diberi pertimbangan untuk diberi tambahan kepada pencen mereka. Ini akan memastikan Kerajaan bertindak lebih adil dan saksama kepada bekas-bekas kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, khidmat amalan dan kebajikan juga telah diberi satu pengertian pengiktirafan dan galakan baru oleh Kerajaan dengan pemberian pengecualian cukai sebanyak 70% atas pendapatan institusi-institusi kebajikan mulai tahun hadapan. Cadangan penghapusan cukai sebanyak 70% ini mencerminkan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia dan institusi kebajikan membuat kerja-kerja amal dan kebajikan untuk golongan yang miskin dan cacat. Apabila kita menyentuh tentang golongan miskin teringat pula pekerja-pekerja Kerajaan kumpulan D yang mana telah dicuainya dalam pelarasan gaji, kecuali memberikan tambahan gaji sebanyak \$30 sahaja pada tahun 1986. Saya rasa golongan ini adalah golongan yang telah banyak merasa kepahitan ekonomi merosot baru-baru ini dan oleh yang demikian wajarlah golongan ini juga diberi pertimbangan dalam pelarasan gaji kelak.

Saya ingin juga memohon kepada Kerajaan untuk memanjangkan sistem galakan wang tunai kepada golongan teknikal yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan kepada Kumpulan D juga. Golongan teknikal di sistem pentadbiran Kerajaan kita hingga masa kini tidak diberi apa-apa insentif

seperti yang telah diberi oleh negara-negara maju dan kejayaan negara-negara maju dalam bidang industri sebenarnya diasaskan di atas sistem ini. Di negara kita seorang pekerja dalam sistem pentadbiran dengan kuasa melicinkan hanya kerja-kerja pentadbiran sedang diberi gaji dan pertimbangan yang sama dengan seorang teknikal yang memberi sumbangan yang secara langsung untuk membuat barang yang mempunyai harga dalam pasaran negara dan dunia. Tanpa sumbangan-sumbangan dari pekerja teknikal negara kita tidak akan menuju ke arah pembangunan tetapi tanpa sumbangan dari pekerja pentadbiran hasil negara masih boleh diperolehi walaupun sistem pentadbiran boleh diganggu sedikit sebanyak.

Saya percaya Kerajaan kita hingga masa kini tidak berbeza-beza dengan dua jenis sumbangan yang saya telah menyentuh tadi. Ini dicerminkan dengan beberapa jawatan-jawatan tertinggi di dalam jabatan-jabatan teknikal dan syarikat-syarikat teknikal yang masih dipegang oleh "civil servants" dengan izin, yang mempunyai pengalaman yang luas hanya dalam sistem pentadbiran. Saya rasa sukarlah untuk mereka menyumbangkan idea-idea dan langkah-langkah untuk melebihi daya pengeluaran jabatan-jabatan teknikal dan kilang-kilang mereka. Mereka hanya boleh mengguna idea-idea dari pekerja-pekerja teknikal di bawah pentadbiran mereka dan perbezaan ini harus dinilai oleh Jabatan Perkhidmatan Awam di negara kita.

Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan sudah sampailah masa untuk Kerajaan memberi nilai yang langsung kepada pekerja-pekerja teknikal dan saya berharap sistem yang telah dicadangkan dalam Belanjawan ini boleh diperluaskan kepada semua lapisan pekerja-pekerja di Kerajaan

dan badan-badan berkanun dan juga dalam pihak-pihak Swasta.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi usaha ke arah menjadikan Malaysia satu negara perindustrian baru serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan datanglah dari perkembangan perniagaan kecil- Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mencadangkan pemberian taraf perintis kepada industri-industri kecil yang memenuhi syarat-syarat tertentu dan elau pelaburan semula dinaikkan dari 40% ke 50% serta cukai-cukai import atas bahan mentah dihapuskan. Cadangan-cadangan ini telah membawa rahmat kepada beribu-ribu peniaga-peniaga kecil yang merasa skop perkembangan perniagaan mereka kini adalah besar dan cerah yang mana pendapatan mereka juga akan meningkat. Ini pasti akan mewujudkan banyak peluang pekerjaan yang mana akan memberi kesan dalam mengurangkan pengangguran.

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh mereka ialah mendapatkan modal atau pinjaman untuk menubuhkan atau memperkembangkan industri-industri kecil yang sedia ada. Kita diberikan bahawa Kerajaan sedang berusaha untuk memperolehi pinjaman dari ASEAN-Japan Development Fund, dengan izin, dan wang ini akan disalurkan melalui MIDF, Bank Pembangunan, Bank Kemajuan dan Bank Pertanian untuk membantu peniaga-peniaga kecil mengatasi masalah-masalah kewangan mereka. Sejumlah \$890 juta telah diperuntukkan kepada peniaga-peniaga kecil.

Di sini saya ingin memohon kepada Menteri Kewangan untuk memberi kuasa kepada CGC ataupun Perbadanan Jaminan Kredit untuk menguasai dan mengendalikan satu tabung dengan pemberian sebahagian

besar dari peruntukan tersebut. Dengan pengalaman secara langsung yang saya teah memperolehi dengan CGC sebagai Pengerusi Jawatankuasa Peniaga-peniaga Kecil bagi pihak MIC, saya boleh katakan di sini sistem yang diamal pada masa kini tidak memberi kesan ataupun faedah kepada kalangan peniaga-peniaga kecil. Ini bukan salah CGC tetapi kesalahan bank-bank yang tertentu yang dipilih oleh Kerajaan untuk mengendalikan tabung tersebut. sebenarnya saya tidak diberitahu oleh pihak-pihak tertentu di bank-bank tersebut mereka tidak berhasrat untuk memberi pinjaman kecil-kecil seperti \$5,000 ataupun \$10,000 kepada peniaga-peniaga kecil oleh kerana pinjaman-pinjaman tersebut sedang membawa lebih masatah kepada mereka dan lebih "headache", dengan izin, kepada mereka walaupun kita terdapat beberapa "black sheep", dengan izin, yang enggan untuk kembalikan pinjaman-pinjaman yang telah dtperolehi dari bank-bank tersebut ini tidak boleh menjadi satu sebab yang tertentu oleh bank-bank berkenaan bagi tidak membantu peniaga-peniaga kecil.

Oleh yang demikian, saya ingin memohon kepada Menteri Kewangan untuk menyalurkan perutukan tersebut melalui CGC kepada badan-badan tertentu yang boleh bertanggungjawab diatas jumlah pinjaman yang telah diperolehi bagi pihak peniaga-peniaga kecil dan bukan sahaja kepada bank-bank tertentu. Tidak syak lagi kalangan peniaga akan tetap mengalu-alukan usaha-usaha murni Kerajaan ke arah membantu peniaga-peniaga kecil di negara kita. Saya lagi sekali sebagai Pengerusi Jawatankuasa Peniaga-peniaga Kecil MIC mengucapkan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas inisiatif beliau dalam menolong serta menggalakkan golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri kerana begitu gigih sekali berusaha untuk memastikan bahawa setiap orang yang bermastautin di Malaysia secara tetap atau sementara tidak lari dari membayar cukai pendapatan masing-masing. Kenyataan yang telah diketuarkan baru-baru ini menggemparkan seluruh rakyat.

Saya dapati seorang penjual mee goreng di Kuala Lumpur tidak pernah membayar cukai pendapatannya sampai kini dan yang lebih memeranjatkan lagi dia mempunyai tiga buah rumah banglo di Kuala Lumpur. Hingga masa kini Jabatan Hasil Dalam Negeri telah mengasaskan aktiviti-aktivitinya hanya di atas pekerja-pekerja dengan pendapatan tertentu dari Kerajaan dan syarikat-syarikat swasta di negara kita, dan mereka telah pun dibebankan dengan sepenuh-penuhnya sejak era kemerdekaan negara kita. Sudah sampailah masa untuk Kerajaan menangkap beribu-ribu orang peniaga yang lain yang masih tidak ada faii di Jabatan Hasil Dalam Negeri. Saya percaya kalau ini dibuat dan dilaksanakan dengan berkesan sekali, cukai pendapatan tambahan yang bakal kita akan perolehi dari pengelak-pengelak cukai ini akan menjadi satu sumber kewangan baru yang besar kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut cadangan-cadangan beianjawan 1989, cukai jualan sebanyak 5% dikenakan ke atas beberapa barang makanan termasuk daging, tepong, roti, buah-buahan, kek, biskut dan sebagainya. Ini sememangnya tidak selaras dengan usaha-usaha Kerajaan menggalakkan peniaga-peniaga kecil dan sederhana berkembang maju, yang mana di bawah cadangan baru ini terpaksalah

menanggung cukai ini, atau meletakkan cukai 5% ini di atas pengguna-pengguna yang makan di kedai-kedai besar dan restoran-restoran itu. Kalau sekiranya pengguna-pengguna dipaksa membayar, maka ini akan mengurangkan jumlah pengguna yang mengunjungi kedai-kedai makan tersebut. Walaupun saya difahamkan cukai ini hanya dikenakan di atas barang-barang yang diimport, kenaikan harga makanan-makanan di restoran-restoran di hotel dan lain-lain tempat di negara kita akan mempengaruhi orang-orang peniaga dan pelancong-pelancong ke negara kita, ke negara jiran seperti Thailand dan Indonesia, di mana barang-barang makanan di restoran-restoran masih begitu murah.

Lagi satu aspek yang saya rasa Kerajaan telah overlook, dengan izin, ialah berkaitan dengan daging lembu dan kambing yang menjadi makanan istimewa kepada orang-orang Melayu dan India di negara kita. Sebahagian besar daging ini terpaksa diimport dari luar negeri dan saya dapat lihat pada pagi ini dalam suatu kenyataan suratkhbar *Thinamani* yang menyatakan harga daging kambing telah meningkat dari \$2.60 sekilo dalam bulan Ogos, kepada \$4.40 pada hari ini. Inilah suatu kenaikan sejumlah 69% dalam jangkamasa 2 butan yang tidak munasabah dan akan menyusahkan kalangan kaum India pada masa hadapan. khususnya, pada masa perayaan Deepavali yang akan diadakan pada 8hb November ini. Saya ingin memohon kepada pihak Kerajaan untuk mengkaji dengan sedalam-dalamnya sebab-sebab untuk kenaikan harga tersebut dan mengambil tindakan tegas serta memberi galakan tertentu untuk mengurangkan harga daging kambing secepat mungkin.

Ketika Kerajaan sedang menggalakkan lebih ramai kalangan-kalangan Bumiputera serta bukan

Bumiputera melabur dalam sektor perniagaan kecil dan sederhana, cukai baru ini adalah tidak disenangi oleh ramai kalangan peniaga-peniaga tersebut. Sistem kutipan di atas cukai ini juga akan menimbulkan beberapa masalah dan saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi menangguk cukai ini hingga ke satu masa sistem VAT yang berkesan boleh dikenakan di atas semua bahan-bahan tertentu di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memeterai satu Memorandum Persefahaman dengan Britain untuk membeli peralatan-peralatan tentera dari negara itu. Ada pihak-pihak tertentu membidas serta mengkritik atas pembelian ini, dengan mendakwa kononnya ini membazirkan wang rakyat. Sikap sedemikian ini menunjukkan bahawa pembidas-pembidas ini sudah kehilangan modal untuk mengkritik, serta tidak menghargai cita-cita murni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sentiasa menitikberatkan keselamatan dan pertahanan negara. Saya kira pembelian ini yang kena pada masa dan tempatnya ini, sungguhpun menelan belanja yang agak banyak, namun ia dilaksanakan dengan tujuan baik, iaitu melindungi negara tercinta dan rakyatnya dari ancaman dari dalam dan luar negeri seperti yang telah dilakukan di negeri Sabah beberapa kali dahulu. Pada hemat saya suatu perjanjian jangkamasa panjang akan membawa kesan-kesan yang baik seperti kemahiran di atas perkara maintenance, dengan izin, yang boleh mengelakkan kejadian seperti yang telah berlaku dengan kapalterbang Skyhawk baru-baru ini. Hanya saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk mengadakan suatu syarat di bawah mana jika barang-barang yang telah dibeli, jika menjadi obsolete, barangan tersebut boleh

diganti balik oleh barang-barang yang baru dengan harga yang berpatutan. Saya juga percaya perjanjian ini tidak mengenakan faedah di atas apa-apa barang yang kita terpaksa beli dari negara Britain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam belanjawannya juga telah menyatakan bahawa sebanyak 18,700 peluang pekerjaan akan diisikan tidak lama lagi, terutama sekali di bidang-bidang pelajaran, polis, kesihatan dan angkatan keselamatan. Kadar pengangguran di kalangan rakyat kita masih berada di paras 8% dan ini adalah tinggi pada amnya dan lebih tinggi di paras 10% ke atas di kalangan kaum India khususnya. Walaupun rakan saya dari Pasir Mas telah menyentuh tadi angka-angka yang menunjukkan kadar pengangguran dalam kaum India masih di paras 8%, saya ingin menyentuh di sini angka-angka ini tidak betul, oleh kerana sebahagian besar kaum India tidak mendaftar di Jabatan-jabatan Kerajaan, untuk mengira angka-angka yang betul. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kerajaan bahawa apabila pengambilan dibuat untuk mengisi tempat-tempat kosong sebanyak 18,700 jawatan kelak, satu peratusan peluang pekerjaan yang berpatutan dikhaskan kepada kaum India di negara kita, termasuk di bidang polis dan angkatan tentera, Kerajaan dari masa kesemasa telah menyatakan bahawa

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Simunjan hendak apa?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tadi Yang Berhormat kata bahawa negara kita ini bergerak ke arah maju, tetapi tadi Yang Berhormat

menyatakan bahawa jumlah 8% pengangguran di kalangan orang India di Malaysia tidak betul. adakah di kaca mata Yang Berhormat lebih dari 8% ataupun kurang. Kalau lebih, adakah apa katakan itu selaras dengan tadi yang menyatakan industri bertambah, ertinya peluang pekerjaan bertambah dan pengangguran itu berkurangan. Macam mana, beri sedikit penjelasan.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan tadi, saya telah kata pengangguran di kalangan kaum India di atas paras 10%, ini bermakna iebih kurang ada 12% ataupun 15%. Angka-angka yang betul saya tidak ada, daripada kajian yang kita telah buat, nampaknya, angka ini tidak betul, oleh kerana beberapa pekerja dari kaum India tidak mendaftar di Jabatan-jabatan Kerajaan, dan angka-angka ini tidak dimasuki di dalam perkara, dan juga inilah senang untuk diperhatikan apabila kita ada lebih peluang bekerja angka-angka pengangguran akan kurang. Jika Yang Berhormat kawan saya tidak erti itu, saya rasa akan boleh beri lebih keterangan di luar nanti.

Kerajaan dari masa kesemasa telah menyatakan bahawa pemohon-pemohon dari kaum bukan bumilputera segan memasuki bidang polis dan angkatan tentera, tetapi malang sekali ini adalah tidak betul. Ini mungkin disebabkan dengan mereka kurang sedar tentang usaha Kerajaan mengambil pekerja-pekerja untuk bidang ini. Saya beri jaminan di sini bahawa di masa-masa akan datang pihak politik dari parti-parti dalam Barisan Nasional, akan memastikan lebih ramai lagi pemohon-pemohon dari kaum bukan bumilputera memohon untuk masuk bidang-bidang tersebut. Saya juga dapati jawatan Ketua-ketua Jabatan-jabatan Kerajaan di peringkat daerah dan peringkat negeri jarang diberikan

kepada orang-orang yang bukan bumiputera khususnya kaum India. Di seluruh negara kita cuma terdapat sebilangan kecil yang menjawat jawatan tersebut yang berasal dari kaum India dan jawatan-jawatan tersebut tidak mencerminkan jumlah penduduk-penduduk kaum India di negara kita. Juga dikesalkan ramai kakitangan-kakitangan Kerajaan semua kategori yang berketurunan India tidak mendapat kenaikan pangkat begitu lama sekali sehinggakan mereka dicuaikan begitu sahaja dan Kerajaan tidak memberikan apa-apa galakan untuk mereka menjalankan tugas dengan lebih cekap lagi. Ramai dari mereka lama bertakong dalam satu jawatan, manakala yang lain naik pangkat dengan cepat. Ini sesungguhnya membunuh semangat bekerja. Mudah-mudahan saya berharap Jabatan Perkhidmatan Awam akan memberi perhatian atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan RTM, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan di atas beberapa langkah-langkah baru dan moden yang telah diwujudkan di sistem siaran kita dengan inisiatifnya. Kekurangan hanya ada sedikit sahaja dan saya ingin memohon dan merayu kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya menambahkan lagi masa siaran untuk rancangan-rancangan Tamil di TV Malaysia. Ini termasuklah rancangan-rancangan penerbitan TV Malaysia sendiri, khas untuk penonton-penonton kaum India. Siaran Berita Tamil harian, Tayangan Gambar Tamil dan Tumpuan Mingguan seminggu sekali adalah tidak mencukupi.

Berkaitan dengan rancangan Tumpuan Minggu, rancangan ini dulu telah diperuntukkan masa selama 45 minit tetapi kita cuma 25 minit sahaja

diberi. Penonton-penonton India perlulah diberitahu tentang perkembangan-perkembangan semasa dengan sepenuhnya melalui rancangan-rancangan seperti ini, apatah lagi untuk menggalakkan mereka dapat gambaran betul tentang isu-isu semasa. Siaran FM juga yang telah diperkenalkan kepada kaum India selama 2 bulan lalu telah pun ditamatkan. Pihak kaum India telah menyayangi siaran FM ini dan saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan untuk menyempurnakan perkhidmatan ini yang disayangi oleh kaum India.

Saya juga merayu kepada TV3 supaya menyiarkan Berita dalam bahasa Tamil dan Cina memandangkan MIC dan MCA telah melabur dalam TV3. Saya percaya dengan adanya Berita Bahasa Tamil dan Cina setiap hari, walaupun dalam lingkungan masa yang singkat, ini merupakan satu pengorbanan kepada kedua-dua kaum tersebut oleh TV3; tambahan lagi TV3 akan menjadi lebih popular di kalangan kaum India dan Cina.

Lagi satu masalah yang saya ingin menyentuh berhubung dengan kaum India di negara kita ialah berkenaan dengan keadaan sekolah-sekolah Tamil, hospital-hospital dan skim-skim perumahan di ladang-ladang di seluruh Malaysia. Masalah seperti ini telah pun dibentangkan beberapa kali dahulu bukan sahaja di dalam Dewan ini, tetapi juga di semua peringkat Kerajaan. Sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang terlibat secara langsung di dalam masalah ini, saya ingin membawa kepada perhatian Kerajaan, sebenarnya masalah pokok yang kita harus selesaikan bagi membantu di atas perkara ini ialah masalah tanah-tanah yang dipunyai oleh pihak perladangan. Tanah-tanah tersebut yang harus diambilalih oleh pihak Kerajaan untuk mengendalikannya

kemudahan-kemudahan yang saya telah sebut tadi. Walaupun perkara ini boleh diatasi dengan semudah-mudahnya, saya dapati semangat untuk menyelesaikan masalah ini belum diwujudkan di antara pihak Kerajaan dan pihak yang berkuasa.

Di dalam beberapa kes-kes, pihak perladangan telah bersetuju untuk memberi tanah berkenaan kepada pihak Kementerian Pelajaran, pihak Kementerian Kesihatan dan Perumahan, tetapi malangnya pihak Kementerian berkenaan tidak bersetuju untuk mengambilalih tanah tersebut dengan sebab-sebab yang tidak boleh difahami. Sebagai contohnya, saya ingin merujuk kepada tanah di atas sekolah-sekolah Tamil di Ladang Bukit Manchung di Sungai Choh dan Ladang Kalumpang di Ulu Bernam di kawasan saya, di bawah mana pihak perladangan telah menyerakan tanah kepada pihak Kementerian Pelajaran tetapi hingga masa kini pihak Kementerian Pelajaran enggan untuk mengambilalih tanah berkenaan. Apakah sebenarnya sebab-sebab tidak dipersetujui oleh Kementerian Pelajaran di atas kedua-dua tanah tersebut? Saya memerlukan suatu jawapan yang tertentu dah Menteri Pelajaran dan saya harap Menteri berkenaan akan menjawab soalan ini.

Seperti ini juga berhubung dengan semua masalah berkaitan dengan kesihatan dan perumahan. Saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk mewujudkan satu arahan bagi memaksa pihak perladangan menyerah balik kepada pihak Kerajaan semua tanah di atas kemudahan-kemudahan yang saya telah sebut tadi. Jika tidak, ketiga-tiga masalah yang penting yang saya telah sentuh tadi tidak boleh diselesaikan dan masyarakat kaum India akan menyoyal setiap kali peranan Kerajaan untuk menyelesaikan sebahagian

besar masalah yang dihadapi oleh mereka.

Tuan Ngoi Thiam Woh (Kampar):
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kampar hendak apa?

Tuan Ngoi Thiam Woh: Penjelasan, boleh beri jalan?

Tuan S. S. Subramaniam: Boleh.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat penjelasan dari Yang Berhormat dari Hulu Selangor. Yang Berhormat tadi telah mengemukakan banyak masalah yang dihadapi oleh kaum India khususnya di kawasan beliau. Saya ingin tahu sebelum yang Berhormat mengemukakan masalah-masalah ini di Dewan yang mulia ini, adakah Presiden MIC iaitu Yang Berhormat Menteri Kerjaraya telah mencerminkan masalah ini di dalam Jemaah Menteri iaitu Kabinet? Kalau ada, apakah jawapan yang dapat ataupun beliau tidak langsung mencerminkan masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum India dalam Jemaah Menteri?

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini harus dibangkitkan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan, bukan kepada saya. Saya minta maaflah kepada Yang Berhormat dari Kampar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan telah menegaskan perihai pentingnya perpaduan dan kestabilan untuk menjamin kejayaan yang seterusnya. Beliau juga telah menegaskan bahawa sekiranya kita mengurangkan perbezaan di antara kita, maka kejayaan kita adalah amat besar dan berkesan sekali. Banyak negara telah jatuh disebabkan

perpecahan di antara rakyatnya. Sudah sampai masanya kita belajar dari sejarah dan pengalaman negara-negara tersebut. Perpaduan di antara rakyat kita akan memantapkan serta mempercepatan kejayaan serta kemajuan kita.

Apabila kita menyebutkan perpaduan, ini tidak bermakna ia dihadkan di antara kaum-kaum sahaja. Malah perpaduan perlu dipelihara di dalam kalangan sesuatu kaum itu sendiri. Perpaduan dalam satu kaum menjadi asas kepada perpaduan negara. Dukacita sekali, kini tercetus perpecahan di antara dua golongan dalam satu kaum terbesar di Malaysia. Di dalam lain-lain kaum walaupun perpecahan begitu besar tidak dapat dilihat, ada juga sedikit sebanyak salah faham antara golongan-golongannya.

Saya ingin merayu kepada semua golongan di dalam dan di antara setiap kaum supaya melupakan sahajalah apa yang telah berlaku pada masa lepas dan bersatulah semula dengan azam baru demi kepentingan kita semua dan negara pada keseluruhannya.

Kini negara berusia 32 tahun. Kita sebagai negara sudah lama melalui peringkat dewasa dan remaja dalam perjalanan hidup kita sebagai sebuah negara. Ini bermakna kita sebagai rakyat Malaysia boleh berfikir dengan waras, matang dan rasa bertanggungjawab sekali, boleh membuat keputusan secara berdikari, malah sudah begitu matang sekali, boleh memberikan pimpinan dan teladan kepada dunia luar. Akan tetapi, malang sekali keadaan yang sebenarnya adalah berlainan. Perpaduan belum disempurnakan bukan sahaja di antara berbagai kaum, bahkan juga lebih penting di dalam sesuatu kaum itu sendiri.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Batu Berendam, ada apa?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor yang menyeru supaya kita wujudkan perpaduan dan sebagainya. Soalan saya, pertamanya apakah pandangan Yang Berhormat dari Hulu Selangor terhadap mereka yang tidak mahukan perpaduan seperti DAP?

Yang kedua, tentang perpaduan juga, adakah Yang Berhormat rujuk kepada masalah dalam MIC itu sendiri?

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, tujuan DAP saya tidak boleh terangkan di sini oleh kerana ini hanya boleh diterangkan oleh pihak DAP tertentu. Masalah-masalah dalam MIC, dalam ucapan saya, saya rasa telah pun sentuhkan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya mohon penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Hulu Selangor tentang pandangan MIC hendak suruh DAP ini biar faham dan berpadu sedikit, kerana ia banyak buat kacau. *(Ketawa)*

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak ada kuasa untuk memberi pandangan pada masa ini, oleh kerana saya pun disuspend sedikit oleh parti. *(Ketawa)*

Dr Chen Man Hin (Seremban): Point of order, Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 36 (6) "no member shall impute improper motives to any other member." Ini sangkaan jahat terhadap DAP kerana tak bersatupadu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, untuk menjawab Yang Berhormat dari Seremban, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang kepada DAP ini, itu tidak menyentuh kepada sesiapa, dia tidak memberi satu gambaran kepada mana-mana Ahli DAP dalam Dewan ini. Teruskan, Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

Tuan S. S. Subramaniam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kesal kita masih jauh di belakang dalam usaha mencapai perpaduan negara. Setiap kaum hidup sebagai satu kelompok yang tersendiri tanpa hidup sebagai rakyat Malaysia yang sejalan.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Minta penjelasan. Yang Berhormat dari Hulu Selangor tadi mengatakan ada yang pecah-belah perpaduan tetapi saya ingin Yang Berhormat dari Hulu Selangor lebih baik jelaskan hari ini, dalam keadaan politik yang genting hari ini, terutama hari ini 27hb Oktober, di mana kita nampak tiap-tiap jalan raya yang menuju ke Kuala Lumpur hari ini semua disekat, semuanya diblok dengan pagar. Siapa yang pecah-belah rakyat hari ini? UMNO baru, UMNO lama semangat "46, siapa? Bukan DAP! Saya minta. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, jangan jawab.

Dr Eng Seng Chai: Dia jelaskan sedikit, siapa yang pecah-belah rakyat hari ini?

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak payahlah saya menjawab soalan itu, oleh kerana ini adalah satu soalan yang tidak begitu tepat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ulang lagi sekali, saya merasa kesal kita masih jauh di belakang dalam usaha mencapai perpaduan negara. setiap kaum hidup sebagai satu kelompok yang tersendiri tanpa hidup sebagai rakyat Malaysia yang sejalan dan sehaluan dalam fikiran dan tindak-tanduk mereka. Jikalau sekian lama kita tidak dapat memupuk persefahaman dan persaudaraan yang lebih erat di antara kita, maka bilakah agaknya kita akan mencapainya. Saya percaya jika dari sekarang kita tidak boleh capai, maka sampai bila-bila pun tidak boleh.

Satu usaha yang tegas perlulah diterokai mulai sekarang yang boleh memberi lebih makna kepada istilah perpaduan. Sehubungan dengan ini, sukacita saya mencadangkan agar setiap rakyat Malaysia dari setiap kaum apabila berjumpa dengan satu lagi rakyat dari kaum yang lain di kedai-kedai ataupun di tengah jalan tidak kira bangsa atau agama, lebih eloklah katau mereka mengucapkan "Assalamualaikum" di antara mereka (*Ketawa*), sungguhpun ucapan ini kini dihadkan kepada orang-orang Islam sahaja, saya percaya . . .

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat sekejap. AhK dari Simunjan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Dua penjelasan yang saya hendak. Pertama, nampaknya menyentuh perpaduan. Yang Berhormat tadi mengakui bahawa dia kena suspend, jadi adakah ucapan ini sindiran

terhadap pemimpin MIC sedikit sebanyak, satu.

Keduanya, mengenai "Assalamualaikum".

Seorang Ahli: Muslim.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tidak, saya fikir tidak Muslim, tidak ada hal—itu boleh, tetapi saya hendak makna "Assalamualaikum" itu Yang Berhormat.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya berkaitan dengan perpaduan untuk semua rakyat di negara kita, bukan hanya kepada pihak MIC sahaja. Dan berkaitan dengan "Assalamualaikum", tunggu sedikitlah, jawapannya akan datang, sungguhpun ucapan "Assalamualaikum" ini kini dihadkan kepada orang-orang Islam sahaja, saya percaya tidaklah salah jika ia diperkembangkan untuk merangkumi semua kaum-kaum lain demi menjalinkan persahabatan dan rasa persaudaraan yang lebih erat di antara rakyat berbilang kaum dan bangsa. Jika orang-orang tertentu akan membantah di atas kegunaan perkataan "Assalamualaikum" oleh kaum-kaum bukan Muslim, ini hanya menunjukkan orang-orang berkaitan tidak ingin menyatupadukan dengan kaum-kaum lain di negara kita dan Kerajaan harus mengambil tindakan tegas di atas pihak-pihak tersebut. Lain-lain usaha untuk menaikkan persefahaman dan perpaduan di antara semua kaum ialah untuk mencari jalan sebagaimana seseorang warganegara kita boleh dikenali sebagai seorang Malaysia di mana-mana tempat di dunia melalui sistem pakaian mereka seperti yang berlaku di negara Filipina, Indonesia dan Thailand.

Pada masa kini setiap kaum sedang berusaha sungguh-sungguh untuk mencari identiti yang tersendiri sahaja. Perkara ini harus dielakkan

dan langkah serta inisiatif yang pertama harus diambil oleh Kerajaan untuk menyatupadukan semua kaum yang berada di negara kita di bawah satu identiti yang unik kepada negara kita. Walaupun ucapan seperti ini akan menimbulkan beberapa masalah, saya bersedia sedia untuk bertanggungjawab di atas hujah-hujah tadi, oleh kerana sebagai seorang anak di atas bumi ini yang tercinta tanpa apa-apa kesetiaan kepada lain-lain negara, saya percaya dengan sesungguh-sungguhnya hanya sistem ini akan merapatkan lagi masyarakat kita yang berbilang bangsa dan kaum. Saya memohon cadangan-cadangan ini akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, ramai kalangan menyatakan belanjawan ini menunjukkan ada tanda-tanda pilihanraya umum akan diadakan sedikit masa lagi. Saya percaya semua komponen parti-parti Barisan Nasional telah bersedia sedia untuk menghadapi kemungkinan pilihanraya bukan sahaja pada masa kini atau bila-bila masa seperti yang kita telah siap sediakan, dengah mengadakan pilihanraya maka ini merupakan salah satu untuk menyelesaikan beberapa masalah dan isu-isu yang dihadapi oleh negara kita sekarang, khususnya masalah-masalah di antara kaum dan di dalam setiap kaum seperti yang saya sentuh tadi.

Saya juga percaya jika diadakan pilihanraya sekarang Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan tetap mencapai suatu kemenangan besar—lebih besar dari kemenangan tahun 1986. Ini adalah disebabkan kepercayaan rakyat terhadap kepimpinan dinamik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Presiden Parti Nasional, dan juga kepada semua ketua-ketua komponen parti Barisan Nasional khasnya ketua

parti saya yang saya kasih iaitu Yang Berhormat Dato' S. Samy Vellu, walaupun beliau tidak ada di dalam Dewan ini. tetapi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan rasa kasih kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua. sepertimana ditegaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sementara kita menikmati kejayaan, kita haruslah mengadakan disiplin dalam pengurusan kewangan kita, kita mestilah belanja sekadar yang boleh dan mampu dan tidak bergantung semata-mata atas pinjaman untuk membiayai perbelanjaan kita. Satu beban besar untuk Kerajaan ialah Badan-badan Berkanun, walaupun Menteri Kewangan menyedari di atas perkara ini, saya rasa beliau tidak mempunyai pilihan yang lain dan terpaksa memberi lebih kurang \$100 juta kepada Badan-badan tersebut.

Saya ingin mencadangkan satu dasar dan rancangan ditentukan oleh Kementerianya untuk menghapuskan semua bantuan kepada Badan-badan Berkanun selepas tahun 1990. Jimat-cermat ini benar bukan sahaja kepada pengurus-pengurus bahkan juga untuk setiap rakyat untuk terus berjimat-cermat dalam belanja mereka dan menyimpan wang yang berlebihan dalam negara kita dan bukan di luar negara. Jikalau sekiranya ini menjadi amalan kita, maka sudah pastilah kekayaan dapat kita kumpul sebagai seorang individu dan sebagai negara. Insya Allah ini akan membolehkan kita semua hidup dengan lebih bahagia dan sempurna di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah tersebut, saya sudah ucapan saya dengan lagi sekali mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah berjaya untuk membentangkan satu

Belanjawan yang mempunyai beberapa kelebihan, yang telah pun diharap-harapkan oleh rakyat kita beberapa tahun yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua. dengan ini saya menyokong Belanjawan 1989. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

6.00ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya cuba mengambil peluang untuk membahar sama dalam Dewan pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Kewangan memulakan Ucapan Belanjawannya dengan menonjolkan peranan pihak yang setia yang kononnya berjaya meningkatkan semula pertumbuhan ekonomi sekarang. Kita sekaliannya tidak menolak segala sifat setia datang dari mana-mana pihak juga, tetapi dalam sejarah hidup manusia tidak semua bentuk setia itu bersifat terpuji.

Tuan Yang di-Pertua, setia para Ambia kepada Allah adalah setia yang terpuji, setia Saidina Abu Bakar Al Siddiq adalah setia yang terpuji, tetapi ada setia yang membawa bencana seperti Qaroon kepada Firaun dan demikian juga setia manusia kepada manusia.

Belanjawan yang berjumlah \$30.1 billion yang ada di hadapan kita ini harus kita perhatikan setianya supaya tidak berlaku seperti setia Qaroon kepada Firaun yang kemudiannya ditenggelamkan ke dalam Laut Khalzoom.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya lihat untuk kesekian kalinya sesudah

31 tahun Malaysia merdeka, Belanjawannya masih dan terus setia kepada pelaburan asing. Seluruh fikiran, roh dan semangat Belanjawan ini tertumpu kepada perlunya pelaburan itu dipelihara, hingga saya tidak dapat hendak memastikan adakah Belanjawan kita dibuat di Kuala Lumpur ataupun ianya dirangka di Tokyo, Washington ataupun London. Untuk kepentingan pelabur itu Belanjawan negara tahun hadapan terpaksa menyusun semula sistem cukai semata-mata bagi meningkatkan peranan sektor swasta demi mengelakkan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan pengangguran.

Perkara yang awal sekali atau paling utama dalam rombakan cukai ini adalah menurunkan kadar cukai syarikat.

Tuan Ismail bin Said: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat nanti sekejap. Ahli dari Kemaman minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya baru sahaja hendak bercakap. (*Ketawa*)

Tuan Ismail bin Said: Bolehkah?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Biar saya bercakap dahulu. Perkara yang awal sekali atau paling utama dalam rombakan cukai ini ialah menurunkan kadar cukai syarikat dari 40% kepada 35% mulai 1hb Januari, 1989 nanti. Kadar cukai yang baru itu meletakkan kita sama dengan Thailand dan tinggi dibandingkan dengan Taiwan. Mungkin dengan mengurangi cukai itu Malaysia dapat berlumba dengan Thailand untuk menarik pasaran pelaburan. Bagaimanapun kita harus sedar akan masalah dan padahnya kita memberikan muka dan ruang yang terlalu besar kepada pelabur. Amerika yang kukuh ekonomi dan stabil

politiknya masih merasa gentar dengan kadar cukai syarikat yang lebih tinggi dari kita. Kalau saya tidak silap sekitar 40% sepatutnya Amerika tidak boleh takut dengan pelaksanaan yang masih tinggi itu dan ianya masih kukuh politikanya.

Pada teori dan pada andaiannya bahawa segala kemudahan yang diberikan kepada pelaburan ini akan memberikan galakan kepada pelaburan dan ia boleh mengembangkan lagi pertumbuhan ekonomi. Andainya demikian terlalu tinggi risikonya kerana tidak ada suatu yang boleh mengikat para pelabur dari mencurahkan keuntungan untuk keperluan dalam negeri ini sahaja. Tidak dapat dinafikan ada pelaburan yang kemudiannya berbudi tetapi kerana tidak ada satu ikatan yang memastikan mereka memanfaatkan keuntungannya untuk negara ini maka dengan itu belum pasti keuntungan itu akan dilaburkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak bererti kita menjadi anti pelaburan. Sekalipun pelaburan itu suatu yang boleh diterima mengikut keperluan dalam batas-batas tertentu, tetapi tidaklah seluruh Belanjawan kita itu ditumpukan kepada memujuk dan mendodoi para pelabur.

Apa yang mendukacitakan kita ialah akibat dari penurunan cukai itu, Belanjawan cuba menampung dengan mengadakan cukai jualan sebanyak 5% yang akan melibatkan barang makanan dan binaan yang kurang penting, dengan sendirinya nilai cukai ini dikenakan secara tidak langsung sekalian rakyat terlibat. Kekurangan yang dihadapi oleh Kerajaan akibat turunnya kadar cukai syarikat dengan ini ditampung atau ditanggung oleh seluruh rakyat yang terpaksa menggunakan makanan setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat bersungut tentang harga rumah yang tinggi dan dalam Belanjawan tahun

lalu Menteri Kewangan menyebut tentang musim pemaju mengaut untung sudah berakhir. Tetapi dengan kenaikan cukai ke atas barang binaan penting akan menyebabkan rakyat tidak mungkin memperolehi rumah yang lebih murah. Adalah tidak adil Belanjawan yang demikian dikemukakan kerana syarikat-syarikat tentu mengaut untung dapat menyelamatkan keuntungannya. Sen orang ramai yang pendapatannya terhad dan sudah ditentukan terpaksa pula menanggung cukai yang tinggi atau terpaksa membayar kerugian Kerajaan tadi. Dengan sendirinya setia Belanjawan ini adalah kepada pelabur tetapi dengan mengenakan cukai jualan itu, ia telah tidak berlaku adil atau setianya tidak ada kepada orang ramai.

Sekalipun Belanjawan cuba menunjukkan setianya kepada kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan A, B dan C dengan melaksanakan kenaikan gaji mulai tahun hadapan, tetapi apa yang berlaku itu adalah hak yang kakitangan patut dapat sejak beberapa tahun lalu. Ia bukan suatu anugerah Kerajaan, tetapi ia adalah hak yang telah lama difuntut oleh kakitangan Kerajaan. (*Tepuk*)

Kenaikan gaji ini sepatutnya.

Tuan Mohd. Tanuin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya minta maaf,

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta penjelasan sedikit sahaja. Sebab telah lama juga Yang Berhormat berucap. tadi mula-mula Yang Berhormat dari Kemaman hendak minta jalan tidak beri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak beri Yang Berhormat. Biar dia teruskan dahulu. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kenaikan gaji ini sepatutnya tidak perlu dibawa ke dalam Belanjawan ini, tidak ada apa-apa perlunya pengumuman kenaikan gaji itu dibuat melalui ucapan Belanjawan. Menteri Kewangan boleh memanggil sidang akhbar dan mehgumumkan kenaikan gaji itu di luar Dewan. Gaji naik dan gaji turun sebenarnya tidak memerlukan kelulusan Dewan yang mulia ini.

Tuan Ismall bin Said: Tertib Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Said: Tertib Mesyuarat 35 (6). Seseorang Ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya (selain daripada perkara-perkara gaji menurut beberapa apa-apa syarat dalam Perlembagaan), jika tidak diterangkan sebanyak mana faedah bagi dirinya dari perkara itu.

Jadi, saya minta Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa untuk menerangkan sebanyak mana faedah kewangan daripada tajuk yang dicakapkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tuan Yang di-Pertua tidak membenarkan Dewan bercakap mengenai masalah gaji jika sekiranya tidak diisytiharkan sebanyak mana kepentingan dia. Terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak ada kepentingan apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak naik gaji Yang Berhormat—gaji tidak naik, (*Ketawa*) Teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Menteri Kewangan boleh memanggil sidang akhbar dan mengumumkan kenaikan gaji itu di luar Dewan. Gaji naik dan gaji turun sebenarnya tidak memerlukan kelulusan Dewan yang mulia ini. Ia adalah dalam bidang kuasa Kerajaan dan apa perlunya meminta kelulusan dari Parlimen.

Bagaimanapun kenaikan gaji yang menjadi perkara yang ditonjolkan dalam Belanjawan ini dipercayai dibuat kerana Kerajaan mendapati prestasi Kerajaan sekarang diragui sangat oleh kakitangan Kerajaan. Kakitangan Kerajaan dari semua lapisan adalah tidak senang dengan pimpinan Kerajaan yang ada dan bagi memastikan pegawai-pegawai Kerajaan terus memberikan sokongannya kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan, maka kenaikan gaji itu disetujui.

Oleh yang demikian, kiranya ada pihak yang merasakan Belanjawan ini adalah Belanjawan Pilihanraya. Maka saya bersetuju. Nampaknya ini adalah tanda-tanda besar yang Pilihanraya itu sesungguhnya sudah hampir tiba. Tidak siapa dari kita menentang kenaikan gaji kakitangan Kerajaan kerana setiap anggota keluarga di negara ini mempunyai kaum keluarga yang menjadi kakitangan Kerajaan. Bila kakitangan Kerajaan dinaikkan gajinya, dengan ini rakyat dapal menerima bahawa kaum keluarga mereka beroleh gaji baru.

Tetapi Iazimnya kenaikan gaji diikuti dengan kenaikan harga barang-barang. Cukai jualan lima peratus tadi

menyebabkan harga barang mesti naik. Bila harga barang naik maka kenaikan gaji kakitangan Kerajaan tadi akhirnya tidak memberi apa-apa kesenangan kepada mereka.

Sepatutnya kenaikan gaji memberikan kedudukan ekonomi dan kehidupan yang lebih baik bagi kakitangan Kerajaan. Kalau gaji digunakan untuk membeli barang-barang maka lebih banyak barang sepatutnya dapat dibeli, tetapi apabila harga barang dinaikkan pula maka dengan sendirinya keupayaan membeli tadi jatuhnya sama juga dengan keadaan sebelum gaji dinaikkan. Tentunya kakitangan Kerajaan mahukan pendapatan yang lebih dengan harga barang yang dikawal.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Ahli dari Batu Berendam bangun. Boleh beri jalan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya minta maaf, saya tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tentunya kakitangan Kerajaan mahukan pendapatan yang lebih dengan harga barang yang dikawal. Kalau mereka diminta memilih, nescaya itulah pilihan mereka, tetapi kalau ditanya pilihan antara naik gaji dengan gaji tidak naik tetapi harga dikawal dan dikurangkan, maka kakitangan Kerajaan lebih tertarik untuk memilih kawalan harga barang. Sekiranya harga barang dapat dikawal, maka ini akan diterima oleh orang ramai.

Saya suka mengingatkan dalam suasana gaji dinaikkan, kita hendaklah meneliti semula ucapan Timbalan Perdana Menteri sekarang yang ketika menerima Ijazah Kehormat dari Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang semasa berada di luar Kerajaan, beliau menyebut supaya dielakkan wahg pinjaman luar negeri dibuat untuk keperluan pembangunan digunakan untuk membayar gaji kakitangan Kerajaan. Dalam suasana kewangan negara yang sempit, pernah tersebar khabar-khabar bahawa kadang-kadang Kerajaan tidak cukup wang untuk membayar gaji. Kenaikan gaji ini seolah-olah khabar-khabar tadi tidak benar. Sekiranya benar Perbendaharaan berada dalam kekeringan tentulah Kerajaan akan menghadapi kesukaran yang lebih berat dengan adanya kenaikan gaji tahun hadapan. Tidak siapa yang tidak senang dengan (angkah menaikkan gaji ini. Tetapi bagi mengelakkan fitnah, sewajarnya Kerajaan memikirkan apakah satu cara supaya lain-lain golongan rakyat dapat menambah pendapatan berikut dengan strategi Belanjawan yang baru-baru ini..

Setakat ini saya tidak nampak ada langkah-langkah Kerajaan untuk menambahkan pendapatan orang kampung mulai 1hb, Januari, 1989 ini. Tidak disebut satu langkah positif bagaimana para petani, pekebun, orang-orang berbusun boleh mendapat tambahan pendapatan dalam jangka pendek. Tidak juga disebut bagaimana kaum nelayan patut mendapat nikmat dan faedah dari Belanjawan ini. Oleh kerana golongan yang makan gaji dengan Kerajaan sahaja yang ditambah pendapatannya, ia boleh menimbulkan fitnah, apabila sebahagian besar rakyat lain tidak diberikan perhatian. Fitnah seperti yang disebutkan oleh Menteri Kewangan nampaknya berkisar

daripada penyebaran desas-desus semata-mata.

Untuk pengetahuan anggota Dewan sekalian bahawa fitnah bukan sekadar mengeluarkan kenyataan palsu atau berbohong. Fitnah adalah meliputi segala bentuk penyelewengan dan kezaliman, fitnah adalah meliputi perbuatan yang boleh menimbulkan angkara yang buruk. Fitnah yang paling besar di kalangan manusia ialah apabila mereka menolak peraturan Allah. Seseorang yang sanggup menolak peraturan Allah boleh melakukan apa juga kecurangan seperti Barisan Nasional hari ini. Adakah Kerajaan yang ada hari ini sudah benar-benar menghindarkan diri dari segala bentuk fitnah? Rasuah adalah fitnah, membenarkan riba berleluasa dan tidak usaha untuk mencegah adalah fitnah, mencampuran urusan mengganggu kebebasan mahkamah dan kehakiman adalah fitnah. Malah tidak membenarkan orang UMNO kembali menyertai UMNO juga adalah fitnah dan fitnah itulah yang kemudian menimbulkan berbagai fitnah pula dan langkah memberi mereka 10 undi tambahan kepada satu pencaionan Presiden UMNO Baru adalah satu-satu yang menimbulkan fitnah. Bagaimanapun kalau menimbulkan persoalan politik dalam negeri, di dalam dan di luar.

Dr Abdul Hadi bin Derani:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mobamed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat, nanti sekejap.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak beri.

Dr Abdul Hadi bin Derani:
Peraturan Mesyuarat 36 (9) iaitu "Dalam apa-apa perbahasan, tidak

boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa ahli-ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai Kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai ahli Parlimen atau pegawai Kerajaan" dan di bawah 36 (10) adalah salah pada peraturan menggunakan perkataan-perkataan yang menyakitkan hati. Jadi, fitnah-fitnah yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat terhadap Menteri Kewangan, adakah itu fitnah ataupun semata-mata untuk menyakitkan hati pihak Kerajaan. *(Tepuk)*

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Itu pertanyaan. Bagaimanapun kalau menimbulkan persoalan politik. . . .

Dr Abdul Hadi bin Derani: Saya . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia belum habis lagi, Yang Berhormat.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Jadi, saya mintalah keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua supaya memberhentikan Ahli Yang Berhormat yang berucap supaya jangan menggunakan perkataan fitnah yang menyakitkan hati pihak Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya rasa boleh teruskan. *(Tepuk)*

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih. Bagaimanapun, kalau menimbulkan persoalan politik di dalam atau di luar negeri disetujui sebagai satu fitnah. Bagisaya ia bukanlah perkara baru yang diamalkan oleh para pemimpin politik di negara ini.

Seciranya setiap orang mahu melihat sejarah selepas 13hb Mei 1969 dahulu, kita akan bertemu dengan

ucapan-ucapan memburukkan Kerajaan oleh seorang tokoh UMNO yang kalah dalam pilihanraya umum di Kedah tahun itu. Ucapannya di Australia, di England dan lain-lain tempat tidaklah banyak beza dengan yang diucap oleh beberapa orang bekas anggota Kabinet sekarang ini. Cuma pemimpin-pemimpin sekarang belum lagi membuat buku yang boleh diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Apa yang menarik tentang fitnah ini sejak kalimah fitnah ini menjadi kian popular dalam politik sekitar 10 tahun atau lebih kebelakangan ini ramai orang suka menggunakan kalimah fitnah sebagai mengatasi masalah dan kelemahannya. Sebarang teguran yang dibuat terhadap Kerajaan atau sebaliknya dengan mudah dianggap sebagai fitnah oleh pihak yang kini libat dengan mengatakan sesuatu itu fitnah. Jika orang dengan sendirinya tidak mempercayai atau boleh melupakan tuduhan yang dihadapkan kepadanya dengan demikian seolah-olah selesailah masalah, tetapi dukacita, Tuan Yang di-Pertua, orang sangat suka menggunakan fitnah sebagai jalan keluar kepada masalah. Mereka tidak mahu mengkaji dan melihat atau mengatasi kelemahan sendiri tetapi asyik berkubu di belakang kalimah fitnah. Ini pun satu bentuk fitnah juga.

Kenaikan gaji kakitangan Kerajaan di satu pihak dan orang tidak makan gaji tidak mendapat apa-apa tambahan pendapatan pada 1hb Januari akan datang di satu pihak yang lain, boleh menimbulkan fitnah dari segi tidak wujudnya pembahagian rezeki yang adil.

Dr Abdul Hadi bin Derani: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar hendak apa?

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar perkataan fitnah yang agak berbeza daripada huraian yang sebenarnya. Jadi, saya mahu tahu apakah erti sebenarnya fitnah dan adakah Yang Berhormat yang bercakap itu adalah seorang pakar berkenaan dengan bahasa yang baru keluar daripada Dewan Bahasa dan Pustaka?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia tidak taham kalimah fitnah biar dia tunggu saya bercakap sampai habis. (*Tepuk*)

Orang yang tidak makan gaji dengan Kerajaan akan memperoleh pendapatan yang sama dengan sekarang juga. Tetapi akibat dari kenaikan gaji kakitangan Kerajaan terpaksa mereka tanggungi bersama.

Cukai jualan 5% itu terpaksa mereka hadapi dan kiranya kenaikan harga barang berlaku akibat kenaikan gaji itu, beban kenaikan tadi terpaksa dipikul sama oleh orang lain sedang pendapatan mereka tidak bertambah. Pekedai-pekedai tidak akan membeza harga untuk kakitangan dan harga untuk orang kampung, nelayan dan petani dan sebagainya. Mereka terpaksa membayar harga yang sama. Oleh itu kenaikan gaji kakitangan Kerajaan itu terpaksa diterima oleh orang lain dengan perasaan yang berbelah bagi apabila memikirkan akibat yang akan ditanggung.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Kerajaan memikirkan sama apakah imbuhan yang sepatut dibuat untuk petani, pekebun dan nelayan. Sekurang-kurang Kerajaan

Tuan Ismail bin Said: Minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya sudah cakap siapa pun saya tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat teruskan.

Tuan Ismail bin Said: Minta Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dengan suci hati, dengan lillaahi ta'ala memberitahu Dewan ini hasil dari ucapan beliau tadi seolah-olah beliau tidak setuju pegawai Kerajaan dinaikkan gaji. Apakah maksud beliau begitu tadi? Lillahi Ta'ala.

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Lillahi Ta'ala. Yang Berhormat.

Tuan Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kalau Yang Berhormat itu suci hati dan ikhlas, janganlah ganggu saya. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Kerajaan memikirkan sama apakah imbuhan yang sepatutnya dibuat untuk petani, pekebun dan nelayan ini. Sekurang-kurangnya Kerajaan memikirkan untuk menurun cukai jalan bagi motorsikal 75 cc. sekurang-kurangnya ia meringankan sedikit beban mereka. Motorsikal jenis ringan, jenis Honda dan Yamaha atau lain-lainnya kini menjadi kenaikan popular bagi petani dan nelayan. Mungkin turunya cukai jalan itu tidak menguntungkan mereka sangat kerana tidak banyak benar cukai itu. Tetapi yang pokoknya di sini ialah adanya usaha Kerajaan untuk mengurangkan beban petani yang diketahui benar kebanyakan mempunyai nasib yang jauh melarat dibandingkan dengan kakitangan Kerajaan. Atau sekurang-kurangnya diturunkan harga motor yang digunakan oleh nelayan kecil supaya menggalakkan lagi perusahaan atau meramaikan orang-orang penganggur untuk melibatkan diri dalam perushaaan yang menjadi mereka orang yang berdikari. Tidak ternampak adanya penekanan dibuat oleh Kerajaan tentang hendak

mengatasi masalah siswazah menganggur. Tidak sepatutnya persoalan mereka dibangkitkan dalam Ucapan Belanjawan ini. Bagaimanapun kita tahu bahawa masalah siswazah menganggur itu cuma diatasi oleh Kerajaan dengan pengisian 18,700 jawatan kosong yang ada sekarang. Nampaknya 60% dari mereka akan menjadi guru, jururawat, dan lain-lain pekerja dalam perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, manakala yang lain akan menjadi askar dan polis

Nampaknya inilah sahaja yang dapat dibuat oleh Kerajaan untuk menghadapi masalah pengangguran, seotah-olah Kerajaan hilang daya kreatifnya untuk mencipta peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat yang kian bertambah ini. Cara lain yang dapat difikirkan oleh Kerajaan ialah dengan menyerahkan persoalan itu untuk diatasi oleh para pelabur sendiri. Memang pertumbuhan kilang-kilang boleh menampung pasaran buruh yang banyak, tetapi hanya dengan mengharap dan menyerahkan kepada daya usaha pelabur seolah-olah pihak Kerajaan sendiri tidak berupaya untuk mengatasi masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Kerajaan cuba mengatasi, masalah negara kita ini dengan berpandukan kepada kejayaan yang dicapai oleh Jepun dan Korea Selatan yang mendapat bantuan besar dari penyertaan pelabur asing. Memang ada peranan yang dimainkan oleh pihak pelabur, tetapi janganlah kita lupa bahawa sebelum kedatangan pelabur luar negeri, Jepun dan Korea Selatan sudah ada asas industri mereka sendiri. Industri-industri kecil sudah terasas secara meluas. Kedatangan petabur adalah ibarat tambahan sahaja kepada mereka.

Saya ulangi bahawa pandangan saya ini bukanlah sebagai mewakili kumpuan anti-pelaburan. Pelaburan

itu munasabah ada, tetapi ia bukanlah segala-galanya, sehingga kita beranggapan tidak mungkin dan tidak boleh membangun tanpa kehadiran pelabur. Pelabur adalah pihak yang mencari untung sambil membuat khidmat, tetapi yang utamanya ialah mencari untung kiranya ada ruang membuat keuntungan, kemana pun mereka akan pergi.

Pelabur ke negara ini bukan kerana cukainya tinggi atau mereka tidak mungkin membuat untung tetapi rasuah yang menjadi-jadi, penyelewengan, tidak adanya dasar yang tetap atas satu-satu hal, sekejap kita memandang ke Timur, sekejap ke Utara, sekejap ke kiri dan sekejap pula ke kanan.

Dalam Betanjawan yang lalu Menteri Kewangan mengumumkan untuk menaikkan kadar bunga bagi pinjaman membeli motokar dan rumah bagi kakitangan Kerajaan dari 4% kepada 6%. Belum serapat Belanjawan itu diluluskan, ada pula cadangan dari Menteri itu sendiri menurunkan 1% menjadikan pinjaman tadi 5% sahaja. Tahun ini dibatalkan pula menjadikan ia balik 4%. Mungkin ini adalah perkara kecil tetapi ternampaklah bahawa Kerajaan sendiri tidak begitu pasti dengan apa yang hendak dilakukan. Oleh itu, Kerajaan sentiasa dalam percubaan dalam apa jua. Jadi, kita tidak tahu apa puta yang dinaikkan tahun ini akan ditarik pula peratusnya ketika Belanjawan dibahaskan nanti dan apa puta yang akan dibatalkan tahun hadapan.

Kita tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, adanya Kerajaan yang bersikap seperti kepala kura-kura, sekejap disorong keluar, sekejap ditarik. Kura-kura sesuai seperti itu, tetapi Menteri Kewangan tentulah tidak sesuai untuk menjadi seperti kura-kura. Kerajaan hendaklah meneliti semasak-masaknya terhadap langkah yang hendak dibuat

Hendaklah dipastikan benar-benar keperluan cukai dinaikkan jangan sehari naik dan sehari turun pula. Tetapi inilah dasar politik pemerintah sekarang.

Di masa-masa yang lalu. Kerajaan tidak berupaya untuk mengawal harga barang, memang kenaikan harga ini agak sukar untuk dikawal oleh Kerajaan yang bergantung kepada undi rakyat. Lazimnya kenaikan hanya dikawal kiranya peranan persatuan pengguna diiktiraf dan diberikan galakan. Rakyat sewajarnya digalakkan untuk mendengar nasihat persatuan pengguna tetapi dalam negara kita persatuan pengguna tidak dapat memainkan peranannya. Kadang-kadang ia dicurigai oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan. Adanya ancaman ISA, pemimpin persatuan pengguna pun terpaksa berhati-hati.

Belanjawan yang ada ini dikhuatiri akan menyebabkan kenaikan harga barang dan bila sebahagian besar dari rakyat tidak bertambah pendapatannya, maka suasana pincang akan berlaku. Ia akan mendedahkan negara kita kepada satu bahaya inflasi lagi dan inflasi itu akan bertambah buruk dari masa-masa lalu.

Sekiranya langkah Kerajaan Arab Saudi untuk menjual minyaknya dengan harga yang murah dan pengeluaran akan ditambah sebagai langkahnya membantah sikap OPEC, maka minyak Malaysia tentunya tak dapat dijual mengikut harga pasaran sekarang. Ia akan meletakkan negara dengan kurang pendapatan. Banyak pendapat mengatakan kiranya niat Arab Saudi itu dilaksanakan, maka dunia seluruhnya akan menghadapi inflasi yang teruk. Kalau dunia sendiri menghadapi inflasi dan ditambah dengan semangat Belanjawan yang juga boleh menuju jurang inflasi, maka rakyat negara ini akan menghadapi masa depan yang malap.

Justeru itu, pelaksanaan Belajawan ini hendaklah berhati-hali dan janganlah kerana hendak menghadapi pilihanraya, maka kita sanggup mengemukakan satu belanjawan yang boleh menggadaikan masa depan negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu persoalan yang besar yang menjadi tema ucapan pemimpin-pemimpin Kerajaan dan tidak ketinggalan juga selalu disentuh dalam Titah Ucapan Diraja iaitulah perpaduan. Perpaduan sentiasa menjadi buah mulut para pemimpin hatta Kerajaan sendiri telah menubuhkan sebuah Jabatan Perpaduan Negara yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jabatan ini ditubuhkan setelah berlaku peristiwa 13 Mei, 1969 dan setelah terbitnya sebuah buku "The Malay Dilemma", karangan Perdana Menteri sekarang yang mengktJk dasar yang tidak menghiraukan soal perpaduan oleh Kerajaan Perikatan dokongan UMNO dahulu.

Demi mengatasi masalah perpecahan kaum kononnya, maka projek raksaksa telah dilancarkan oleh pentadbiran Tun Abdul Razak pada tahun 1970 dan dinamakan "Dasar Ekonomi Baru" atau DEB, suatu nama yang sama dengan nama yang diberikan oleh Lenin dan Stalin kepada dasar pembangunan Soviet bila komunis berkuasa di sana dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat serampang dua mata DEB iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat adalah untuk mengatasi soal perpecahan atau suasana tidak harmoni tadi. Sesudah 18 tahun atau tinggal dua tahun sahaja lagi tempoh 20 tahun yang diperuntukkan kepada Dasar Ekonomi Baru itu, dan sesudah 18 tahun juga tertubuhnya Jabatan Perpaduan Negara tadi, pemimpin-pemimpin Kerajaan dan para

pemimpin parti. tulang belakang Kerajaan. iaitu UMNO terus menerus berkukuk dengan bergegar-gegar bercakap fasal perpaduan tagi. Sesudah 18 tahun mereka berkukuk dan bercakap bergegar-gegar seperti itu, tetapi apa yang kita lihat hasilnya ekor bergelumangan tahi dan najis dadah, najis rasuah, najis sengketa assabiah tersangkut didegar.

Kita melihat dalam masyarakat kita, Tuan Yang di-Pertua, bukan sekadar kaum-kaum yang berbilang latar belakang itu tidak dapat disatukan tetapi UMNO sendiri pecah dua dan diharamkan. Golongan-golongan orang yang bergelar di mahligai-mahligai pun bermacam terbahagi dua, dan juga jangan dibilang lagilah umat Islam yang telah diasuh dengan adab dan pengaruh sekular yang ada di negara kita ini. Ini bererti Jabatan Perpaduan Negara telah "gagal untuk mengatasi masalah perpaduan itu dan Dasar Ekonomi Baru itu sendiri tidak berjaya menemui sasarannya, malah pengarang buku *The Malay Dilemma* yang diberi kuasa untuk mengendalikan pertadbiran negara, bukan sekadar tidak mampu untuk melaksanakan tanggungjawab yang dimandatkan oleh rakyat untuk mewujudkan perpaduan, tetapi juga telah tidak memenuhi kehendak bukunya sendiri. Sebagai pemimpin Kerajaan

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Rahman bin Suliman): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, nanti sekejap, ada Ahli Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta penjelasan, saya tak dapat beri.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Kalau penjelasan tak boleh, Tuan Yang di-Pertua, saya ambil point of order 36 (8). Tadi Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ada menyebut golongan-golongan di mahligai-mahligai, saya kurang dengar, apa maksudnya pecah dua?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Itu minta penjelasan, bukan point of order. Tuan Yang di-Pertua, *(Ketawa)*

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, point of order 36 (8). Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah menyentuh kelakuan atau sifat Duli-duli Yang Maha Mulia, saya rasa golongan mahligai itu tentulah Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja. Jadi, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tidak boleh menyebutkan perkara tersebut.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Itu tafsiran dia, bukan cerita saya. *(Ketawa)*

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Itulah sebabnya, minta penjelasan pun tak mahu beri. Jadi susah — ini lagi confuse.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan tak boieh beri peluang, saya boleh beri semua, tetapi syarat beri masa kepada saya. Kalau Tuan Yang di-Pertua, sanggup beri masa, saya akan bukakan penjelasan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Masa sampai bila, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Setakat habis saya berucap.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Selepas berucap beri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ahli Yang Berhormat itu bukan Tuan Yang di-Pertua—di hadapan sini Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, duduk! Ahli Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.